

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAANPERTANYAAN**

(Halaman 1)

USUL-USUL:

Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010)

(Halaman 17)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat	Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S. (Dilantik)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Dilantik)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S. (Dilantik)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
"	Tuan Abdillah bin Abdul Ra him (Sarawak)
"	Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
"	Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
"	Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
"	Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
"	Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun (Dilantik)
"	Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
"	Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
"	Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
"	Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
"	Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
"	Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)

Yang Berhormat	Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
"	Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
"	Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
"	Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
"	Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
"	Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
"	Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
"	Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
"	Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
"	Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
"	Puan Jaya Partiban (Dilantik)
"	Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
"	Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
"	Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
"	Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
"	Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
"	Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
"	Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
"	Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
"	Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
"	Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae, (Dilantik)
"	Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
"	Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
"	Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
"	Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
"	Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
"	Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
"	Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
"	Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
"	Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
"	Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Tuan R. Sinniah (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
- “ Tuan Zainal bin Ra mpak (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Negara**

Dato' Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong SetiausahaRoosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan**Penolong Setiausaha**Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat**JURUBAHASA SERENTAK**Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin**BENTARA MESYUARAT**Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

DN.17.5.2001

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Khamis, 17 Mei 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Kee Ah Kau** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah Kementerian sedar Projek Lebuhraya melalui Banting, Sabak Bernam ke Taiping yang dikatakan dapat memendekkan masa perjalanan, masih belum ada perkembangannya. Bilakah pembinaannya akan dimulakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pada tahun 1996 telah meluluskan pembinaan projek lebuhraya pesisiran Pantai Barat dari Banting ke Taiping sejauh 256.14 kilometer secara penswastaaan kepada Konsortium LPD Sdn. Bhd. Namun begitu, pelaksanaan lebuhraya ini sehingga kini masih belum dapat dilaksanakan kerana beberapa perkara penting yang berkaitan dengan pelaksanaan projek ini perlu diteliti. Di antara lain, perkara yang berkaitan dengan unjuran trafik sama ada ianya berdaya maju dan kos keseluruhan pembinaan lebuhraya tersebut.

Berdasarkan penilaian awal yang dibuat terdapat kemungkinan pelaksanaan lebuhraya ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat dengan memulakan pelaksanaannya di bahagian jajaran yang mempunyai jumlah trafik yang tinggi serta bahagian yang berupaya menyediakan laluan alternatif terbaik kepada pengguna. Sekian.

Tuan Kee Ah Kau: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui sekiranya pihak Kementerian boleh menyatakan atau menentukan bila Lebuhraya Sabak Bernam ke Taiping-Banting atau pada tahun bila dapat dilaksanakan. Saya hendak mengetahui dari pihak Kementerian adakah telah mengemukakan tender kepada syarikat-syarikat kontrak? Bolehkah menyatakan berapa syarikat kontrak dibabitkan dengan projek ini? Terima kasih.

Datuk Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, jalan ini jalan Pantai Barat dibahagikan kepada empat bahagian dimulai dari Banting ke Kapar; Kapar ke Kuala Selangor; Kuala Selangor ke Sabak Bernam; dan Sabak Bernam ke Taiping. Ini adalah secara penswastaaan. Masa kini kemungkinan besar seksyen atau bahagian jalan yang akan dimula dahulu adalah dari Kapar ke Kuala Selangor.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana kita tahu kutipan bayaran tol di setiap lebuhraya merupakan satu bebanan kepada rakyat. Jadi, tidakkah kerajaan buat satu kajian untuk menurunkan bayaran tol ataupun memansuhkan sahaja bayaran tol ataupun meletakkan satu limit masa supaya perkara ini tidak membebankan pengguna jalan raya terutama yang berpendapatan rendah? Kalau kita tengok di negara-negara lain termasuk England pun tidak ada bayaran tol. Jadi, kita minta penjelasan daripada pihak Kementerian.

Datuk Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, memang sekarang kita ada jalan-jalan yang menghubungkan pekan-pekan di antara satu tempat ke tempat lain. Lebuhraya yang bertol dibina memang untuk keselesaan dan keselamatan para pengguna. Ini di bawah konsep *users pay* yang pengguna gunakan jalan raya ini membayar. Oleh kerana lebuhraya ini kos pembinaannya sangat tinggi, ada piawaian lebuhraya empat lorong dua hala dengan jalannya yang besar, ini memang perlukan banyak peruntukan untuk pembinaan. Namun begitu juga, kita ada jalan-jalan sedia ada. Untuk jalan ini yang disebut tadi memang ada jalan alternatif bagi mereka yang tidak mahu gunakan jalan lebuhraya ini. Mereka boleh pakai jalan alternatif.

2. **Datuk Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Kewangan menyatakan sektor apakah yang terlibat secara aktif di dalam kegiatan penggabungan pada tahun 2000 sebagai persediaan menghadapi cabaran-cabaran globalisasi dan liberalisasi.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, sektor perbankan dan sektor insurans telah terlibat secara aktif dalam proses penggabungan dalam tahun 2000 sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran-cabaran globalisasi dan liberalisasi. Penggabungan dalam sektor perbankan dan insurans adalah merupakan salah satu strategi teras untuk mewujudkan industri perbankan dan insurans yang kukuh dan berdaya tahan. Di samping itu, kerajaan juga menggalakkan penggabungan syarikat broker saham bagi meningkatkan keupayaan industri tersebut menghadapi cabaran di peringkat antarabangsa.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan kerana tahun 2003 AFTA akan berkuat kuasa dan produk-produk lainnya mungkin dikuatkuasakan pada tahun 2005. Jadi, adakah pihak kerajaan membuat kajian impak kepada industri-industri yang mungkin terlibat secara langsung di dalam perkara ini terutama sekali saya hendak nyatakan di sini ialah industri yang bersangkutan-paut dengan motokar. Kerana saya difahamkan banyak syarikat besar jenama motor dan sebagainya sekarang ini tengah mencari tempat-tempat lapang untuk membangun, dan difahamkan Thailand mungkin akan dijadikan sebagai pusat pengeluaran motokar secara besar-besaran. Jadi, apakah kita dengan Proton yang hanya mampu mengeluarkan 250,000 unit setahun dapat bersaing. Saya ingin mendapat pandangan daripada pihak kerajaan, motokar sebagai satu contoh. Adakah industri-industri lain yang mungkin terjejas kerana kita tidak begitu bersiap sedia untuk mengatasi masalah ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya AFTA memang akan mula berkuat kuasa pada tahun 2003 di mana semua barangan buatan negaraneegara ASEAN akan dikenakan cukai antara 0% hingga 5% sahaja, kecuali produk automobil di mana kita telah setuju akan dilambatkan sampai tahun 2005. Tetapi bidang-bidang yang lain termasuk bidang perkhidmatan kewangan ini tidak termasuk dalam perjanjian AFTA. Walau bagaimanapun, sebelum ini misalan kata hingga sekarang terdapat sebanyak 90% daripada barangan buatan ASEAN telah pun mulai dikenakan cukai antara 0% hingga 5%. Memang sudah mulakan, tertinggal lebih kurang 10% sahaja di mana kita akan laksanakan bila tibanya tahun 2003. Maka boleh dikatakan hampir kesemua industri sudah siap sedia untuk menghadapi satu masa yang lebih kompetitif bila tibanya tahun 2003 di mana kita minta barangan automotif ditunda kepada 2005 kerana kita setuju bahawa kita belum sedia dalam bidang ini dan diberikan tempoh lebih dua tahun ini pihak Malaysia yakin di mana bila tiba masanya 2005 ini kita yakin bahawa automobil buatan Malaysia boleh dikatakan cukup kompetitif kalau dibandingkan dengan kenderaan buatan negaraneegara lain di ASEAN.

Datuk Nor Azah binti Awini: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa selain daripada sektor perbankan, pihak MTEN ada juga merumuskan cadangan untuk menggabungkan syarikat-syarikat yang besar di dalam satu-satu sektor atau industri, umpamanya sektor binaan. Kalau sekiranya syarikat-syarikat tempatan yang besar-besar dan tersenarai dapat digabungkan maka ini akan menjadi satu syarikat yang berkelas taraf lima star, dengan izin, yang mana kita boleh mencapai efficiency and effectiveness, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan juga mendapat kekesanan dalam mendapatkan projek dari segi AFTA 2005 ataupun dari segi WTO 2020. Adakah ini telah dijalankan atau setakat mana perancangan ini dalam merealisasikan apa yang kita harus buat menghadapi globalisasi? Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak kerajaan sudah membuat keputusan untuk menggalakkan penggabungan di beberapa bidang strategik khususnya dalam bidang kewangan khususnya perbankan, insurans dan juga broker saham di mana ketiga-tiga bidang ini sedang berjalan dengan baik.

Selain dari itu, pihak kerajaan juga menggalakkan penggabungan dalam bidang strategik yang lain termasuk telekomunikasi dan lain-lain.

Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat iaitu sama ada MTEN telah membuat keputusan untuk menggalakkan bidang-bidang lain seperti bidang pembinaan dan sebagainya untuk bergabung juga, kerajaan memang menggalakkan semua aspek perniagaan ataupun ekonomi di dalam negara kita bersiap sedia untuk menghadapi zaman liberalisasi baik AFTA mahupun WTO dan lain-lain tetapi pihak kerajaan tidak bercadang untuk memaksa bidang-bidang yang saya katakan tadi kecuali satu, dua bidang khususnya perbankan untuk mengadakan penggabungan, kita akan membiarkan market force untuk menjadikan satu faktor untuk penggabungan, tetapi kerajaan memang menggalakkan.

3. Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kerajaan akan melaksanakan sembilan sekolah wawasan dan apakah kelengkapan dan infrastrukturnya lengkap supaya sekolah ini boleh dijadikan contoh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan secara rintis sembilan buah sekolah wawasan telah dipersetujui oleh Kabinet. Walau bagaimanapun, pelaksanaan tersebut hanya akan dijalankan setelah bangunan sekolah wawasan tersebut siap dibina. Sehubungan itu juga, kerajaan akan menyediakan infrastruktur lengkap kepada setiap jenis sekolah yang dibina dalam kompleks sekolah wawasan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan lebih panjang lebar mengenai ini kerana kita hendak tutup cerita mengenai dengan sekolah wawasan, mengambil kesempatan jawapan tadi.

Saya balik, sebenarnya sekolah wawasan adalah sekolah rendah yang berkonsepkan pelajar bersama-sama dalam satu kawasan yang sama tanpa mengira kaum atau agama. Di bawah konsep ini, dua atau tiga buah sekolah rendah berlainan aliran akan ditempatkan dalam kawasan yang sama. Setiap buah sekolah akan mempunyai bangunan sendiri yang boleh disambung antara satu dengan lain dengan menggunakan jambatan penghubung atau, dengan izin, *link way*.

Ada juga yang bertanya apakah ia mungkin akan menghapuskan bahasa atau budaya sesuatu kaum, pendapat ini tidak benar sama sekali. Kedudukan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan terjamin sebagaimana termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 Akta 550 di bawah Seksyen 28 iaitu menteri boleh menubuhkan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan.

Peruntukan ini jelas telah mengubah sama sekali apa yang terdapat dalam Akta Pelajaran 1961, saya ulangi, Akta Pelajaran 1961 di bawah Seksyen 21(2) yang membolehkan menteri menukar status sekolah jenis kebangsaan kepada sekolah kebangsaan. Jadi, dua-dua akta ini sudah berubah.

Jadi, kita beri jaminan. Begitu juga yang dikatakan bahawa dalam sekolah wawasan ini, dalam aspek pentadbiran misalnya setiap sekolah dalam sekolah wawasan mempunyai PIBG yang berasingan. Dalam erti kata lain, sekolah wawasan tidak menjejaskan sama sekali corak pentadbiran dan pengurusan seperti yang diamalkan oleh mana-mana sekolah kerajaan.

Begitu juga ada yang bertanya apakah sekolah wawasan ini akan melibatkan sekolah yang sedia ada. Jadi, jawapannya ialah ia hanya melibatkan sekolah-sekolah baru atau kita kata wawasan yang akan dibina.

Begitu juga kita mengambil kira mengenai dengan kepentingan politik semasa juga dan kita berharap dengan wujudnya sekolah wawasan, harapan kita ialah dapat mewujudkan perpaduan di kalangan generasi muda kita. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, sungguhpun kerajaan telah mengambil kira pendapat-pendapat pihak-pihak yang kurang senang hati tentang pelaksanaan sekolah wawasan ini, adakah kerajaan sudah yakin apabila ini dilaksanakan nanti, apa yang telah disuarakan itu sudah diatasi atau kerajaan perlu mengadakan lebih lagi perbincangan dengan pihak-pihak ini supaya semua orang cukup keyakinan apabila konsep ini dilaksanakan nanti? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bertanya kerana sekurang-kurangnya kita dapat menyelesaikan rasa-rasa yang ragu-ragu misalnya. Persoalannya sekarang sebelum daripada ini sudah pun kita mempunyai konsep integrasi, malah ada dua buah sekolah sekarang, satu terdapat di Johor, Kota Tinggi dan satu lagi di Pahang.

Di mana dalam konsep integrasi ini, sekolah itu lebih jauh daripada konsep wawasan ini di mana mereka dalam sebuah sekolah itu dan kita ada bilik-bilik sekolah tadi secara berasingan tetapi dalam satu bangunan malah kantinnya juga sama dan juga pejabatnya itu dalam satu bangunan tetapi bilik yang berasingan dengan nama masing-masing.

Jadi, dalam konsep wawasan ini kita ada bangunan berasingan tetapi di dalam satu kawasan, hanya yang mereka dapat gunakan secara bersama ialah padang sekolah itu dan kita tidak akan merobah sama sekali *characteristic* sekolah-sekolah tertentu, misalnya kalau sekolah Cina tetap dengan sekolah Cina berbahasa Cina dan kalau ada sekolah Tamil, tetap dengan bahasa pengantar Tamil dan masing-masing mempunyai PIBG masing-masing.

Kita tidak akan merobah apa-apa, tidak ada apa-apa. Cuma yang kita kata tempat yang mereka gunakan secara bersama ialah padang sekolah itu sahaja dan kita tidak lari daripada itu. Dan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu apakah sebelum kita laksanakan itu, perlu kita ada perbincangan yang lebih lanjut lagi. Kita sudah pun ada perbincangan demi perbincangan dan sekarang sudah sampai masanya kalau kita setiap hari dok bercakap untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan antara kaum, jadi saya rasa ini sudah sampai masanya untuk kita sama-sama

serius dalam keadaan ini di mana saya percaya kalau kita tidak politikkan pendidikan ini, saya rasa generasi kita akan lebih selamat.

Kalau sekiranya ia diambil pendekatan politik, maka jawapannya ialah politik. Kalau pendekatan itu kita ambil pendidikan, maka jawapannya pendidikan. Macam saya baru-baru ini telah membangkitkan persoalan kuota ke IPTA, itu juga saya berkali-kali menyatakan bahawa kalau pendekatan itu politik maka politiklah jawapannya, kalau pendekatan itu pendidikan maka pendidikanlah jawapannya. *[Tepuk]*

Oleh itu, saya berharap benar, untuk membangun bangsa kita, membangun negara kita, kita harus memikir secara serius mengenai dengan persoalan pendidikan generasi kita yang akan datang dan janganlah kita sama sekali mempolitikkan, kita boleh bincang bersama-sama. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Poo Yew Choy. Saya mendengar pandangan dari Gerakan, pandangan dari MCA dan UMNO.

Dato' Poo Yew Choy: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum pihak Kementerian Pendidikan melaksanakan rancangan sekolah wawasan, bolehkah pihak Kementerian Pendidikan bersidang dengan pemimpin-pemimpin masyarakat termasuk semua kaum khususnya dari kalangan pendidikan supaya mendengar atau mendapat pandangan yang lebih baik untuk rancangan ini dapat dilaksanakan dengan licin dan sempurna? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya kira ini saya balik kepada soal politik sedikit di mana dalam Barisan Nasional konsep kita ialah pertama sekali konsep persefahaman dan perwakilan. Kita sudah pun berbincang di peringkat ini di antara parti-parti politik yang berkenaan yang kita kira adalah mengambil kira pandangan daripada bawah dan sesudah pandangan ini dapat kita terokai maka kita wujudkan ini dan melaksanakan konsep yang selama ini kita cakap-cakapkan.

Oleh itu, saya nyatakan di sini kita telah pun menyatakan ini bukan paksaan, kita tidak pernah memaksa ataupun kita kata sekolah ini ditutup dan ia tidak lagi boleh dibina, itu sama sekali tidak kita lakukan. Kita lakukan ini atas permintaan sekiranya ada permintaan dan bukan kita melayan kepada bantahan.

Oleh itu, saya percaya dan saya berterima kasih kepada Yang Berhormat untuk menyatakan bahawa kita harus membincangkan dan kita tetap membincang. Misalnya kalau setiap sekolah ia mempunyai kita katakan persatuan ibu bapa dan juga wakil-wakil kawasan itu, tetap kita mengambil kira apa pandangan mereka.

Sekali lagi saya tegaskan di sini, tidak ada paksaan. Oleh itu, janganlah anggap bahawa pihak kita, Kerajaan Barisan Nasional ini, hendak menekankan konsep ini supaya ia diterima, kita kira ini kalau diterima secara baik kita akan lakukan, kalau kita kata tidak bersetuju kita tidak bersetuju. Itu kita tetap akan akur kepada itu.

Walau bagaimanapun, saya akan jelaskan kepada Yang Berhormat, iaitu sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, sekolah-sekolah ini adalah sekolah-sekolah baru, ia tidak melibatkan sekolah-sekolah yang sudah sedia ada, bermakna kita hendak pindah, ini akan menimbulkan sedikit masalah.

Jadi, kita akan cuba wujudkan satu kompleks yang baru seperti mana yang telah saya jawab pada mula tadi, misalnya sekolah wawasan di Kedah misalnya, sekolah wawasan di Lumut, Perak, sekolah wawasan Pekan Baru, Parit Buntar misalnya ataupun di Matang misalnya. Ini semuanya atas permintaan dan kita akan memberi kerjasama sekiranya ia dipohon. Terima kasih.

4. **Datuk Joseph Balan Seling** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, apakah langkah tertentu yang akan diambil bagi memperbaiki *mini-hydro* di Bario yang tinggal terbengkalai sejak dua tahun lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: **Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedia maklum akan kekurangan keupayaan sistem *micro hydro-hybrid* yang dilaksanakan di Bario Sarawak. Pada masa ini, sebuah syarikat juruperunding sedang menjalankan kajian bagi mengesyorkan kepada kerajaan tentang cara-cara mengatasi masalah yang berbangkit agar sistem tersebut berjalan seperti mana sepatutnya. Terima kasih.**

5. **Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan, berdasarkan Analisis Banci Penduduk 2000:-

- (a) bagaimanakah status kemiskinan masyarakat luar bandar secara keseluruhannya dan apakah langkah atau program-program yang akan diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat yang masih daif; dan
- (b) berapakah jumlah penduduk setinggan yang masih terdapat di sekitar ibu negara dan apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan ke atas kehadiran mereka.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini *two in one*. Soalnya dua tetapi dijadikan satu, jadi agak panjang sedikit jawapannya. Tuan Yang di-Pertua,

- (a) berdasarkan kepada penyiasatan pendapatan isi rumah 1999, usaha membasmi kemiskinan yang dijalankan oleh kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan seluruh negara termasuk juga di luar bandar.

Kadar kemiskinan di luar bandar telah berkurang daripada 14.9% pada tahun 1995 kepada 12.4% pada tahun 1999. Berikutan itu, bilangan isi rumah yang miskin di luar bandar berkurang sebanyak 6.2% daripada 281,800 kepada 264,300 dalam tempoh yang sama. Langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat yang masih daif termasuk Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat yang akan menggabungkan program pembasmian kemiskinan sedia ada seperti PPRT dan program-program lain yang berkaitan.

Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) akan menangani isu ketermiskinan, kemiskinan am serta kumpulan mudah miskin di kawasan luar bandar dan juga bandar. SPKR yang merangkumi projek ekonomi sosial dan fizikal melalui pelbagai program di bawahnya seperti pembangunan bersepadu desa terpencil, program pembangunan insan, penyediaan makanan seimbang, bantuan perumahan dan ASB sejahtera akan disasarkan ke arah membasmi kemiskinan di kawasan dan di kalangan kumpulan yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi.

SPKR akan menekankan aspek peningkatan pendapatan isi rumah yang, antara lainnya meliputi projek pertanian komersial secara berkumpulan seperti yang digariskan dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga. Projek menjana pendapatan akan dilaksanakan dengan kerjasama sektor swasta dan badan bukan kerajaan. Untuk meningkatkan harga diri dan sifat berdikari di kalangan rakyat miskin, program pembangunan insan yang sedia ada akan diperkukuh.

Program ini akan membantu peserta supaya tidak kembali menjadi miskin. Selain daripada program yang dijalankan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah yang miskin, kerajaan akan terus melaksanakan program dan projek-projek bagi meningkatkan kualiti hidup mereka. Projek tersebut akan merangkumi penyediaan bekalan air bersih, bekalan elektrik, kesihatan, pendidikan dan komunikasi. Di samping itu, petunjuk akan dibentuk bagi memantau kualiti hidup di kawasan luar bandar dan bandar;

- (b) Aktiviti memproses borang banci bagi Banci Penduduk 2000 kini sedang giat dijalankan oleh Jabatan Perangkaan. Oleh itu data terperinci mengenai penduduk setinggan berdasarkan banci berkenaan masih belum diperolehi.

Maklumat mengenai setinggan hanya dapat dibuat berdasarkan Banci Penduduk 1998. Berdasarkan banci tersebut, jumlah penduduk setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah 129,129 orang iaitu 23,970 keluarga iaitu 9.3% daripada keseluruhan 1.3 juta orang penduduk di Wilayah Persekutuan. Pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk menangani masalah setinggan. Antaranya:

- (i) pelaksanaan program perumahan kos rendah untuk dijual dan disewakan kepada warga kota dengan keutamaan diberi kepada golongan berpendapatan rendah dan setinggan. Program ini dilaksanakan sendiri oleh DBKL dan pemaju swasta;
- (ii) pelaksanaan program rumah panjang untuk penempatan sementara setinggan. Program ini dihentikan sejak tahun 1996;
- (iii) penyediaan kemudahan asas di perkampungan setinggan seperti bekalan air, elektrik, jalan raya, pusat khidmat masyarakat dan juga kemudahan riadah;
- (iv) pelaksanaan program perumahan rakyat di bawah Tabung Perumahan Rakyat Termiskin dan Program Perumahan Rakyat Bersepadu di bawah Jabatan Perumahan Negara; dan
- (v) langkah penguatkuasaan oleh DBKL bagi memastikan kawasan setinggan yang dikosongkan tidak dimasuki semula oleh setinggan baru.

Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam ukuran s aintifik pihak kerajaan, berapa peratus nilai pendapatan bulanan bagi sesebuah keluarga yang dikira termiskin dan yang miskin. Terima kasih.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: **Terima kasih Yang Berhormat. Kita sentiasa membuat kajian mengenai kadar kemiskinan ini dan kadar ini berbeza-beza di antara satu tempat dengan satu tempat. Sebagai contoh, kalau luar bandar sekarang ini RM450 dan kalau kita tengok dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang akan dibentangkan nanti sehingga taraf ke RM1,200 masih lagi dikategorikan sebagai rakyat termiskin.**

Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: **Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, kita semua sedar bahawa keperluan asas (*basic needs*) setiap yang bernama insan selain daripada pakaian dan makanan adalah perumahan.**

Jadi, apakah kerajaan mempunyai sasaran untuk memastikan semua setinggan dan mereka yang miskin khususnya yang tinggal di kota, memiliki rumah dan bilakah tahunnya menurut sasaran kerajaan bagi mencapai setinggan sifar serta berdasarkan keadaan ataupun kadar pembinaan rumah-rumah kos rendah sekarang ini, apakah kerajaan akan dapat mencapai sasarnya pada tahun yang disasarkan. Terima kasih.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan sentiasa memikirkan bagaimana cara untuk kita menjadikan setinggan sifar. Walau bagaimanapun, kita sedia maklum kalau kita tidak kawal setinggan ini, masalah ini tidak akan selesai. Tambah sekarang ini, ada pula pendatang-pendatang tanpa izin. Kita banteras di satu tempat, dia pergi buka tempat yang lain.

Namun demikian, kerajaan akan terus meningkatkan usaha. Sebab itu di dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negara, kita telah pun mencadangkan satu program perumahan khas iaitu Program Perumahan Rakyat Bersepadu (PPR) dilaksanakan di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar utama lain untuk menempatkan semula setinggan di samping untuk menjana pertumbuhan ekonomi melalui aktiviti sektor pembinaan.

Di bawah program ini sukalah saya nyatakan, kerajaan melalui Jabatan Perumahan Negara sedang membina lebih kurang 35,000 unit rumah pangsa di Kuala Lumpur dan apabila siap kelak akan diserahkan kepada DBKL untuk diuruskan. Setakat ini, untuk mencapai matlamat tersebut, 23 projek telah dilantik kontraktor yang melibatkan pembinaan sebanyak 34,272 unit.

Namun begitu mengenai keselesaan Yang Berhormat katakan tadi, bahawa kita juga telah menentukan supaya rumah-rumah ini selesa didiami oleh setinggan-setinggan, maka kita telah menetapkan ciri-ciri rumah yang akan dibina ialah seperti berikut:-

- (i) luas lantai ialah 650 kaki persegi berserta 3 bilik tidur dan 2 bilik mandi;
- (ii) dapur dan ruang tamu dan juga bilik makan diadakan;

- (iii) tempat jemuran yang terlindung untuk mengelakkan orang-orang menjemur pakaian di tepi-tepi tingkap;
- (iv) kita juga menyediakan lif termasuk kemudahan membawa mayat. Ini kadang-kadang kalau rumah empat tingkat tidak ada lif hendak bawa mayat susah. Jadi, kita fikir juga masalah tersebut, bagi rumah-rumah yang melebihi 5 tingkat;
- (v) di setiap blok, unit untuk keluarga yang mempunyai ahli keluarga kurang upaya juga disediakan di tingkat bawah; dan
- (vi) kemudahan-kemudahan lain yang disediakan adalah seperti surau, dewan serba guna, kemudahan riadah, tadika, sekolah dan gerai ruang penjaja mengikut keperluan.

Terima kasih.

6. Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah bentuk program atau bantuan kepada pelajar-pelajar yang mempunyai bakat dalam sukan yang mewakili negeri atau negara dalam kejohanan sukan agar dapat meningkatkan lagi prestasi sukan negara.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucap ribuan terima kasih kepada Datuk Hajah Hazizah kerana mengemukakan soalan ini, oleh itu kita berkesempatan untuk memberi penjelasan yang lebih lanjut.

Untuk penuntut-penuntut yang kita pilih memasuki sekolah-sekolah sukan ini, kita mempunyai kriteria yang tertentu iaitu;

- (i) melalui program pengesanan (*screening*) semasa kejohanan peringkat negeri dan kebangsaan bawah umur 12 tahun;
- (ii) pelajar yang dikenal pasti akan dikumpulkan untuk menghadapi ujian kecergasan mengenal pasti bakat; dan
- (iii) hasil daripada ujian mengenal pasti bakat ini, akan pula melalui ujian kemahiran permainan.

Jadi, untuk memasukinya itu agak begitu, kita anggap begitu ketat dan rapi lagi dalam *selection* itu. Jadi, melalui program pendidikan sukan ini, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan dua buah sekolah sukan negara iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan Sekolah Sukan Bandar Penawar, Johor untuk melatih pelajar-pelajar yang berbakat dalam sukan dan seterusnya berpeluang bertanding di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Di peringkat kebangsaan, Kementerian Pendidikan melalui bahagian sukan dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) melaksanakan program pembangunan bakat dan aktiviti sukan yang memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang berbakat mengambil bahagian. Selain itu, pelajar-pelajar berbakat juga berpeluang bertanding di peringkat antarabangsa menerusi program pertandingan peringkat sekolah-sekolah ASEAN dan sekolah-sekolah Asia.

Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Majlis Sukan Negara (MSN) telah melaksanakan Program Tunas Cemerlang di 96 buah pusat-pusat khas di seluruh negara bagi melatih pelajar yang bakal menjadi atlet negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini seramai 22 orang mewakili negara di dalam Sukan Komanwel, di dalam kegiatan gimrama, hoki, gimnastik, skuasy dan renang. Begitu juga seramai 12 orang mewakili negara di Sukan SEA. Di samping itu, segala macam kemudahan-kemudahan telah diwujudkan di kedua-dua sekolah sukan tadi seperti kolam renang, balapan olahraga, padang bola sepak, padang hoki, lawn bowls, boling, dewan serba guna, gelanggang terbuka, padang ragbi dan gelanggang tenis. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pernah pihak kerajaan membuat kajian terhadap pelajar-pelajar yang cemerlang akademiknya, dalam masa yang sama pelajar yang sama cemerlang dalam bidang kesukanan. Apakah kecemerlangan kedua-dua ini dbolehkan pelajar itu memilih alternatif untuk kerjaya sepanjang hidupnya. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: **Terima kasih Yang Berhormat. Ada banyak juga kajian yang telah dilakukan oleh pihak kementerian untuk mengambil tahu sama ada penuntut itu bila dia cemerlang dalam sukan, adakah juga cemerlang dalam akademik.**

Secara umumnya saya boleh nyatakan kepada Yang Berhormat, memang didapati ada dinyatakan, ada korelasi antara pencapaian sukan dan juga akademik. Walau bagaimanapun, sekolah sukan yang telah saya sebut tadi di dalam Dewan yang mulia ini adalah khas ataupun khusus kepada mereka yang juga begitu baik di dalam bidang sukan dan dalam masa yang sama kita juga menyediakan mereka dalam bidang akademik.

Kalau Yang Berhormat ada masa kelapangan silalah, jemputlah ke sekolah sukan di Bukit Jalil di mana kelengkapannya cukup baik sekali dan ini adalah sangat-sangat *Islamic* kita kata. *[Ketawa]*

Jadi, sangat *Islamic* untuk kita katakan janganlah pula memikirkan bila galak sukan di kalangan pelajar-pelajar, dirasakan ini semata-mata sekular, tidak ada kena mengena dalam Islam. Dalam Islam juga kita menggalak di mana otak yang sihat ada pada badan yang sihat sebab itu baru-baru ini apabila kemasukan ke IPTA kita terus menyatakan antara kriteria selain daripada akademik ialah kegiatan kokurikulum, ini termasuk sukan. Sebab itu saya rasa kita memang menggalakkan sukan di kalangan murid-murid kita di sekolah-sekolah dan harapan kita mintalah semua pihak berperanan untuk menggalakkan sukan di kalangan anak-anak muda kita. Terima kasih.

Puan Chew Poh Thoi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian menyediakan program atau kursus kemahiran untuk membantu pelajar-pelajar yang gagal dalam PMR atau SPM? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih, Yang Berhormat ini adakah berkaitan dengan program sukan? Program sukan sekali, PMR dan SPM yang gagal ini, adakah berkaitan dengan sukan? Ya?

Puan Chew Poh Thoi: Sukan, ahli sukan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ahli sukan. Ya, kalau ada kaitan dengan sukan sebab kita hari ini menjurus mengenai dengan sukan sebab sukan itu adalah dianggap *Islamic*.

Dalam hal ini bagi mereka yang gagal dalam PMR saya rasakan kita mengambil langkah-langkah tertentu di kementerian supaya murid-murid ini juga dapat bersama dengan murid-murid yang lain. Begitu juga langkah-langkah yang kita ambil misalnya di peringkat lepasan SPM ataupun lepasan PMR. Kita sekarang menggalakkan murid-murid ini kalau bagi mereka yang kurang baik dalam akademik, maka kita juga ada pilihan yang lain.

Walaupun bagaimanapun, sama ada murid-murid itu cemerlang di dalam akademik ataupun tidak, kita masih menggalakkan anak-anak muda kita ini di dalam bidang sukan yang saya rasa kemudahan itu diberi kepada tiap-tiap sekolah. Terima kasih.

7. **Puan Safinah binti Jusoh** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan jumlah keseluruhan pengusaha francais yang telah dilahirkan sepanjang RMK-7 mengikut pecahan negeri dan berapa produk baru telah dibangunkan dalam tempoh yang sama.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Datuk Rizalman bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, Program Pembangunan Francais (PPF) yang dilaksanakan oleh kerajaan sejak tahun 1992 merupakan salah satu pendekatan untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera khususnya dalam bidang peruncitan.

Sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh Kementerian Pembangunan Usahawan telah berjaya membangunkan seramai 558 orang pengusaha francais bumiputera yang dikenali sebagai franchisee di bawah program ini. Bilangan pengusaha francais yang dibangunkan mengikut pecahan negeri adalah seperti berikut:

<u>Negeri</u>	<u>Bilangan</u>
Perlis	13
Kedah	36
Pulau Pinang	28
Perak	29
Selangor	119
Wilayah Persekutuan	95
Negeri Sembilan	24

Melaka	15
Johor	90
Pahang	25
Terengganu	28
Kelantan	28
Sarawak	16
Sabah	12

Dalam tempoh yang sama sebanyak 70 buah syarikat franchisor telah dibangunkan yang menghasilkan produk baru dalam bidang-bidang seperti makanan, keperluan rumah, pusat rawatan dan farmasi, penyelenggaraan bangunan, tadika, optometris, kosmetik, barangan kulit, pakaian dan aksesori, perhotelan, servis kenderaan, kedai gambar dan kedai emas di bawah program tersebut. Terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kerajaan sedar bahawa pengusaha francais di luar kerajaan jauh lebih berjaya daripada program yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan. Kalau kita melihat dari segi dan dalam melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, kita nampak ianya hanya dapat dilahirkan dalam RMK-7 sebanyak 558, sedangkan tuntutan kepada sektor francais ini yang ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mungkin jumlahnya patut ada sasaran yang lebih besar.

Jadi, apakah kelemahan-kelemahan ataupun kekangan yang dihadapi oleh kementerian dan kerajaan dalam melahirkan mungkin 10 kali ganda daripada jumlah yang sedia ada sekarang ini. Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sistem perniagaan francais di negara kita Malaysia ini memang satu bentuk perniagaan yang masih baru. Kerajaan telah membangunkan sistem perniagaan francais di negara kita ini bermula pada tahun 1992.

Selepas itu kerajaan telah membantu usahawan-usahawan khususnya franchisee-franchisee ini melalui pelbagai bantuan, di mana kalau kita lihat di mana-mana negara di dunia ini tidak ada penglibatan kerajaan dalam membantu peniaga-peniaga dalam bentuk perniagaan francais ini kecuali negara kita Malaysia.

Memang oleh kerana perniagaan ini baru sudah tentu pelbagai halangan dan cabaran, masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga khususnya franchisee-franchisee yang melibatkan diri dalam sistem perniagaan francais ini khususnya dari segi pengetahuan tentang perniagaan ini dan juga dari segi kewangan untuk modal permulaan untuk menceburkan diri dalam sistem francais ini. Oleh sebab itu melalui beberapa skim yang telah dilaksanakan oleh kerajaan terutamanya kita mewujudkan Skim Pembiayaan Francais di mana skim ini boleh disediakan kepada pengusaha-pengusaha ataupun franchisee-franchisee dengan mendapat kemudahan pinjaman, kemudahan kredit melalui beberapa bank khususnya dua buah bank iaitu Malayan Banking dan Bumiputra Commerce dengan jumlah pembiayaan yang sesuai mengikut keperluan perniagaan mereka.

Bantuan kepada pengusaha ataupun franchisor di mana kita menyediakan Skim Bantuan Pembiayaan Francais iaitu di mana kita memberikan geran ataupun bantuan tidak melebihi RM100,000 kepada pengusaha-pengusaha francais sebagai franchisor untuk memulakan ataupun mengeluarkan produk-produk baru mereka.

Di samping itu, Pihak Perbadanan Nasional Berhad juga menyediakan pembiayaan pelaburan ekuiti kepada usahawan-usahawan francais khususnya kepada franchisor, franchisee induk dan juga kepada juruperunding. Oleh sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kelapan kita akan memperhebatkan usaha untuk melatih dan juga membantu usahawan-usahawan francais ini di mana kita sasarkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, kita berharap kita dapat membantu mewujudkan franchisee sehingga kepada 1,000 orang franchisee bumiputera dan 50 franchisor. Terima kasih.

Tuan M. Ratnam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pegangan ekuiti oleh orang keturunan India adalah lebih kurang 1.5% sahaja. Dalam OPP3 kerajaan rancang untuk menaikkan kadar ini kepada 3% iaitu daripada RM9 bilion yang ada sekarang dengan kadar negara yang berkembang 7%, ini akan meningkat ke RM21 bilion.

Ini bererti bahawa tiap-tiap tahun

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan Yang Berhormat? Apa soalan tambahannya?

Tuan M. Ratnam: Saya pergi ke franchise.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi jangan banyak....

Tuan M. Ratnam: Okay. Pada masa ini setahu saya francais adalah diberi kepada orang-orang keturunan bumiputera melalui MARA. Kerajaan perlu beri banyak peluang kepada orang-orang India supaya mereka dapat naik pegangan ekuiti ke RM21 bilion itu dalam tempoh 10 tahun. Apakah rancangan kerajaan untuk memberi peluang kepada orang-orang keturunan India supaya orang-orang India juga dapat diberi peluang untuk menyertai pengusaha francais yang ditaja oleh MARA?

Datuk Rizalman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Sistem Perniagaan Francais yang kita wujudkan di negara kita ini bukannya untuk golongan bumiputera sahaja. Penglibatan kerajaan untuk membantu usahawan atau peniaga-peniaga francais ini adalah untuk keseluruhan rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama mereka.

Cuma apa yang saya jelaskan tadi ialah oleh kerana penglibatan kaum bumiputera khususnya dalam bidang ini tidak begitu memuaskan, maka kerajaan telah pun menekankan supaya bumiputera ini dilatih dan dibantu dalam beberapa aspek khususnya melalui pembiayaan-pembiayaan yang telah saya katakan tadi. Tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini sehingga 14 Mei kita telah menerima permohonan daripada syarikat-syarikat franchisor mendaftar dengan kementerian ini dan yang berdaftar ini bukan semuanya bumiputera, terbuka kepada semua syarikat franchisor sama ada dari dalam negara kita ataupun produk daripada luar negara yang berada di dalam negara kita. Bumiputera cuma 56 syarikat

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan M. Ratnam mahu tahu berapa peratus orang India terlibat dalam francais.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang tepat ataupun statistik bagi tiap-tiap kaum ini sebenarnya saya tidak ada maklumat yang tepat, cuma saya mahu nyatakan bahawa perniagaan francais ini bukan untuk kaum bumiputera sahaja. Kalau kita bandingkan antara satu kaum dengan satu kaum yang lain boleh dikatakan bahawa penglibatan daripada kaum-kaum bukan bumiputera ini lebih banyak berbanding dengan bumiputera.

Jadi, itu maklumat yang saya boleh jelaskan. Terima kasih.

8. **Puan Chew Poh Thoi** minta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada program melatih 'tour guide' yang baik disediakan sebab mereka yang akan memberikan layanan kepada pelancong asing.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sentiasa mengambil berat dan berusaha meningkatkan kualiti pemandu pelancong dari masa ke semasa. Lebih-lebih lagi dalam melahirkan lebih ramai pemandu pelancong yang berketerampilan dan berkualiti memandangkan mereka adalah 'front liners', dengan izin, dalam industri pelancongan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi melahirkan pemandu pelancong yang berkualiti, kementerian telah mengadakan kursus-kursus khusus untuk pemandu pelancong. Ketika ini terdapat dua kategori kursus, pemanduan pelancong yang dijalankan iaitu pemandu pelancong dan pemandu pelancong alam semula jadi setempat.

Kursus pemandu pelancong ini adalah dijalankan berasaskan 500 contact hours dan kandungan kursus adalah meliputi pelbagai aspek termasuk kemahiran pemanduan, sikap, keterampilan dan hospitaliti. Hanya mereka yang berketerampilan dan lulus peperiksaan praktikal dan bertulis oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sahaja layak untuk dilesenkan.

Pemandu pelancong baru yang lulus dikehendaki menempatkan diri dengan mana-mana agensi pelancongan dan pengembaraan secara probation selama dua tahun. Selepas dua tahun mereka diwajibkan untuk mengikuti kursus pengesahan pemandu pelancong. Kursus ini bertujuan untuk memastikan pemandu pelancong sentiasa terampil dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan pemanduan.

Pemandu pelancong juga diwajibkan menghadiri kursus kecekapan, *refresher course* yang diadakan sekali dalam tempoh dua tahun untuk meningkatkan pengetahuan dan mendedahkan mereka kepada maklumat terbaru mengenai produk-produk pelancongan serta dasar-dasar baru kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pemandu pelancong alam semula jadi setempat, dengan izin, *localised guide*, pula agak unik kerana mereka beroperasi di kawasan yang bersifat *nature based*. Majoriti mereka adalah terdiri daripada penduduk tempatan yang mempunyai kemahiran spesifik dan mengetahui secara terperinci mengenai kawasan pemanduan mereka termasuklah aktiviti seperti *bird-watching*, *mountain-climbing* dan *tracking*. Kursus yang dijalankan adalah selama 2 minggu dan latihan yang diberikan juga menekankan aspek keterampilan dan kualiti pemanduan pelancong.

Antara kawasan yang menggunakan perkhidmatan pemandu pelancong alam semula jadi setempat ini termasuklah Taman Negara, Taman Negeri Endau-Rompin, Kinabalu Park, Fraser's Hill dan lain-lain. Sekian.

Puan Jaya Partiban: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya ingin tahu adakah kementerian meneliti supaya segala program yang diaturkan untuk menarik para pelancong dari luar negara menggambarkan komposisi kaum yang sebenarnya di negara ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang tema pelancongan Malaysia di peringkat antarabangsa ialah "*Malaysia Truly Asia*", Malaysia sebuah negara pelbagai kaum, pelbagai budaya.

Jadi kita mencerminkan kebudayaan ini, pelbagai kaum, melalui kumpulan budaya, Istana Budaya. Jadi, di situ kita punya *repertoire*, memang ada tarian dari pelbagai kaum, India, Cina, Sabah, Sarawak dan Melayu. Sekian.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan Dato' Timbalan Menteri tadi, tentang kursus-kursus yang telah diberikan kepada pelatih-pelatih *tour guides* untuk mendapatkan sijil-sijil bagi mereka meneruskan kerjaya mereka. Tetapi soalan saya, kerana hari ini saya baca surat khabar, ada seorang Menteri yang membuat komen tentang ini, di mana beliau melawat satu kawasan di Pahang, di Sungai Pahang, yang mengatakan beliau tidak berpuas hati dengan *tour guide* yang telah diberikan kepada mereka di situ.

Jadi, saya hendak tahu, selepas kita keluarkan sijil-sijil untuk mereka menjadi *tour guides*, apakah ada pemantauan atau bagaimana cara untuk kita mengadakan penguatkuasaan supaya mereka yang benar-benar dilatih, mereka yang benar-benar mendapat sijil sahaja yang dibenarkan menjadi *tour guides* supaya tidak ada lagi kompelin-kompelin yang sepertinya dalam surat khabar hari ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Memang selepas seorang pemandu pelancongan dapat sijilnya, mereka mesti ambil bahagian dalam kursus keceapan, *refresher course* yang pertama.

Yang kedua, ialah berkaitan dengan para pemandu pelancongan alam semula jadi, itu kita mengakui memang satu *area* yang ada banyak masalah. Sebab ini bukan satu yang *general* punya pemandu pelancong, ia spesifik, bukan semua orang tahu di Bukit Fraser, ada berapa ratus spesies burung, sesiapa pun tidak boleh belajar, satu tahun pun tidak dapat. Ini mesti ada pengalaman dan interest, jadi itu memang suatu perkara yang sekarang kita kaji dengan teliti macam mana kita meninggikan kualiti para pemandu pelancong.

Tetapi, jikalau kita dapat apa-apa kompelin, kita akan ambil tindakan sebab kita setiap tahun membaharukan lesen mereka. Apa masalah kita ialah, ramai orang ada masalah, ada kompelin, dia tidak tulis kepada kita. Masa dia tulis kepada kementerian kita, dia tidak beritahu nama mereka, semua tidak mahu jadi *bad man*, semua hendak jadi orang bagus. Jadi, kita tidak boleh ambil apa-apa tindakan tetapi jika ada tarikh, siapa, di mana, apa kelemahannya, kita boleh ambil tindakan. Sekian.

[Soalan No. 9 – Y.B. Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani tidak hadir].

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Jawapan Lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 24 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

RANGKA RANCANGAN JANGKA PANJANG KETIGA (2001-2010)

11.05 pagi.

Timbalan Perdana Menteri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin di Dewan yang mulia ini, untuk membentangkan usul berikut:

"Bahawa Dewan ini,

menyedari kemajuan yang pesat yang telah dicapai dalam pembangunan sosioekonomi negara dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000 dan Dasar Pembangunan Nasional;

menyokong usaha berterusan yang dijalankan oleh kerajaan dalam melaksanakan dasar, strategi dan program bagi mencapai matlamat Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua menerusi Dasar Pembangunan Nasional iaitu untuk mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih bersatu padu dan saksama;

melulus dan mengesahkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, 2001-2010 dan Dasar Wawasan Negara yang bertujuan menyediakan objektif pembangunan negara dan dasar yang akan dilaksanakan dalam dekad ini sebagaimana terkandung dalam Kertas Perintah Bil. 11 Tahun 2001;

Bahawa dalam meluluskan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Dasar Wawasan Negara, Dewan yang mulia ini menyeru semua rakyat Malaysia untuk berusaha bagi mencapai kejayaan dan bersatu dalam usaha membangunkan sebuah negara yang berdaya tahan dan berdaya saing."

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bagi tahun 2001 hingga 2010 dan Dasar Wawasan Negara untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga yang telah digubal ini adalah penting kerana ia menentukan hala tuju masa hadapan negara. Ia merencana langkah kita dalam dekad pertama bagi abad ini demi untuk membolehkan kita berada semakin hampir kepada mencapai matlamat Wawasan 2020. Sebagaimana rancangan pembangunan yang lalu, kita telah mendapatkan pandangan daripada pelbagai lapisan masyarakat agar mereka dapat bersama-sama menyumbangkan fikiran dan idea untuk pembangunan negara ini.

Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN II), telah ditubuhkan dengan anggotanya terdiri dari wakil pelbagai kumpulan masyarakat. Dalam menyediakan rancangan ini kerajaan telah memberi pertimbangan yang serius terhadap perakuan-perakuan yang dibuat oleh ahli-ahli MAPEN II.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 10 tahun yang lalu pembangunan negara adalah berpandukan kepada Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Di bawah DPN beberapa dimensi baru telah diperkenalkan termasuklah tumpuan kepada isu ketermiskinan, penekanan kepada pembangunan pesat masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB) yang aktif, tanggungjawab sektor swasta yang lebih besar untuk mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat dan peningkatan pembangunan sumber manusia.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa kemajuan telah dikecapi oleh negara di bawah DPN, dasar dan strategi yang dilaksanakan telah menyumbang ke arah pengukuhan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian moden dan telah menghasilkan kemajuan ekonomi dan sosial yang pesat termasuklah peningkatan taraf hidup rakyat.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ekonomi negara telah terjejas teruk pada tahun 1998 akibat krisis kewangan Asia. Tetapi melalui langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan, serta asas ekonomi yang kukuh sebelum berlaku krisis, ekonomi negara telah dapat dipulihkan dalam masa yang singkat dan kita telah berjaya meletakkannya pada landasan yang lebih teguh untuk menghadapi cabaran-cabaran masa depan.

Sungguhpun dilanda krisis ekonomi, negara telah berjaya mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) seperti yang dimatlamatkan iaitu pada kadar 7% setahun bagi tahun 1991 hingga tahun 2000. Pertumbuhan ini telah dicapai dalam persekitaran inflasi yang rendah, harga yang stabil dan guna tenaga yang penuh.

Pendapatan per kapita telah meningkat pada kadar purata 7.5% setahun atau sekali ganda daripada RM6,300 pada tahun 1990 kepada RM13,000 pada tahun 2000. Pelaburan swasta telah menjadi penggerak utama pertumbuhan, terutama bagi tempoh 7 tahun pertama RRJP2, selaras dengan strategi kerajaan untuk menjadikan sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan.

Selain daripada pelaburan tempatan, negara memperolehi kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) yang besar terutamanya dalam sektor pembuatan. Ini telah meningkatkan keupayaan industri berorientasikan eksport dan berkembang ke bidang beridentifikasikan modal dan berteknologi tinggi.

Pasukan pelaburan langsung asing terus kekal walaupun ketika negara menghadapi krisis kewangan. Ini membuktikan pelabur jangka panjang asing masih berkeyakinan terhadap ekonomi negara kita. Pelaburan awam ditumpukan kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan untuk menyokong inisiatif sektor swasta dan memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap perkhidmatan yang lebih baik daripada masyarakat yang bertambah kompleks.

Kerajaan juga terus melaksanakan dasar fizikal berhemah dan mengawal perbelanjaan mengurus. Berikutnya penggunaan awam berkembang secara sederhana. Dasar tersebut juga menghasilkan lebih fizikal dalam tahun 1993 sehingga 1997 yang membolehkan kerajaan melancarkan pakej rangsangan fizikal apabila negara kita dilanda kegawatan ekonomi.

Selain daripada pelaburan, eksport juga telah menerajui pertumbuhan dan perkembangan kepada kadar purata 16.7% setahun. Malah ianya semakin kukuh dalam tempoh 1998 sehingga tahun 2000 dan menjadi penting dalam memacu pemulihan daripada krisis ekonomi.

Kedudukan eksport yang mantap ini telah memperkukuhkan akaun imbalan pembayaran. Malah akaun pembayaran memperolehi lebih yang terbesar pernah dicatatkan iaitu sebanyak RM86.5 bilion pada tahun 1999, kita telah dapat menukar kedudukan akaun semasa yang mengalami defisit kepada lebih mulai tahun 1998 dan ini telah membantu memperkukuhkan asas ekonomi negara.

Dalam tempoh RRJP2 kerajaan telah mengawal hutang luar negara kepada paras yang mudah diurus, dengan membuat bayaran awal secara terpilih bagi hutang luar negara yang berkos tinggi. Walau bagaimanapun, berikutan krisis kewangan kerajaan telah meminjam sedikit dari luar negara untuk langkah pemulihan ekonomi kita. Namun hutang luar Kerajaan Persekutuan telah berkurangan dari RM24.7 bilion pada akhir tahun 1990 kepada RM18.8 bilion pada akhir tahun 2000.

Bagi tempoh 1991 hingga 2000 akaun sektor awam mencatatkan lebih keseluruhan 1.4% daripada KNK sementara defisit keseluruhan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak 1% daripada KNK. Guna tenaga telah berkembang pada kadar purata 3.3% setahun dalam tempoh RRJP2 dan kadar pengangguran sentiasa berada pada paras yang rendah iaitu purata 3.3%. Walaupun dalam tempoh krisis, kadar pengangguran tidak pernah melebihi 4%.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pembuatan telah berkembang pada kadar 10.4% setahun dan memperlihatkan peningkatan dalam kecekapan dan keupayaan di samping pengembangan berterusan industri berasaskan eksport serta kepelbagaian pasarannya. Sektor pembinaan pula telah berkembang pesat terutamanya dalam tempoh 1991-1997 dan memperolehi faedah daripada penswastan projek infrastruktur dan kejuruteraan awam yang besar.

Walaupun bagaimanapun, krisis kewangan telah menyebabkan penguncupan mendadak sektor pembinaan sebelum pulih sedikit pada tahun 2000. Pertumbuhan dalam sektor pertanian sebahagian besarnya disumbangkan oleh sektor kecil kelapa sawit dan tanaman makanan, selaras dengan dasar pertanian negara ketiga. Pembangunan sektor ini telah diorientasikan semula ke arah penggunaan sumber tempatan serta peningkatan produktiviti dan daya saing.

Sektor perkhidmatan telah dimajukan sebagai sumber pertumbuhan baru dan menumpukan kepada perkhidmatan berorientasikan eksport seperti pelancongan, pendidikan, kesihatan, khidmat runding dan pengangkutan udara dan laut. Di samping itu, pembangunan perkhidmatan komunikasi yang lebih maju serta perkhidmatan yang berkait dengan komputer dan kewangan telah diaktifkan.

Tuan Yang di-Pertua, program membasmi kemiskinan telah mencapai kemajuan yang besar. Kadar kemiskinan telah berkurangan pada kadar 7.5% pada tahun 1999, sementara kadar kemiskinan di bandar dan luar bandar berkurangan hampir separuh daripada tahap kemiskinan yang dicatatkan pada tahun 1990. Dari segi penyusunan semula, bahagian pemilikan bumiputera dalam sektor korporat telah meningkat daripada 19.3% pada tahun 1990 kepada 20.6% pada tahun 1995. Tetapi kegawatan ekonomi telah menjejaskan pencapaian ini dan pada tahun 1999 bahagian pemilikan bumiputera

berkurangan pada kadar 19.1%. Walau bagaimanapun, dari segi jumlah pemilikan ekuiti kedua-dua bumiputera dan bukan bumiputera memang telah meningkat.

Peratusan bumiputera dalam kategori pekerjaan profesional dan teknikal serta pentadbiran dan pengurusan telah meningkat dalam tempoh RRJP2. Program Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera pula telah membantu meningkatkan bilangan perniagaan bumiputera dalam sektor korporat dan bukan korporat. Dari segi pembangunan wilayah, negeri-negeri yang terlibat dalam aktiviti sektor moden telah berkembang lebih pesat berbanding dengan negeri-negeri yang bergantung kepada pertanian. Kawasan bandar pula terus menarik penghijrahan yang menyebabkan peningkatan pesat pertumbuhan penduduk bagi kawasan bandar. Ini telah menyebabkan keluasan perkampungan setinggan di kawasan-kawasan tertentu dan kewujudan kemiskinan di bandar di kalangan bumiputera dan kaum India.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sepuluh tahun yang akan datang pembangunan negara akan berpandukan kepada Dasar Wawasan Negara (DWN) yang menjadi asas kepada strategi dan program di bawah RRJP3. Dasar Wawasan Negara bertujuan untuk membentuk satu bangsa Malaysia yang progresif dan makmur yang hidup dalam keharmonian serta berkongsi untung nasib sepenuhnya dengan saksama. Dasar ini menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan agenda sosial negara dapat diteruskan termasuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat serta mengurangkan ketidakseimbangan sosial ekonomi dan Wilayah.

Tumpuan akan juga diberi kepada usaha menanam nilai murni dan kerohanian yang positif untuk mewujudkan pembangunan yang lebih seimbang. Di samping itu, Dasar Wawasan Negara telah menggariskan keperluan bagi pembangunan alam sekitar yang mapan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyediakan negara untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan, tumpuan adalah kepada pembinaan sebuah negara yang berdaya tahan dan juga yang berdaya saing. Ini akan membolehkan negara mencapai pertumbuhan yang mapan bagi tempoh jangka panjang di samping mampu menghadapi persaingan yang semakin meningkat di pasaran dalam dan luar negeri. Memandangkan proses globalisasi dan liberalisasi yang dijangka meningkat, pengukuhan daya tahan negara adalah menjadi penting untuk menghalang terhakisnya pembangunan yang dicapai akibat kejutan luar.

Malaysia perlu menggandakan usaha untuk meningkatkan produktiviti kecekapan dan daya saing melalui kandungan pengetahuan dan kecekapan yang tinggi dan dapat juga keperluan untuk mengenal pasti bidang-bidang pertumbuhan baru, mengukuhkan sumber-sumber pertumbuhan yang sedia ada dan memperluaskan asas eksport. Negara telah dinikmati dengan keamanan dan keharmonian, namun kita janganlah memandang tidak endah terhadapnya kerana ia merupakan asas di mana kesemua usaha pembangunan yang telah dibina. Dengan demikian kita tidak seharusnya alpa dalam usaha kita untuk memupuk perpaduan negara atau melahirkan sebuah masyarakat yang bijak bertolak ansur dan penyayang demi kesejahteraan dan kemakmuran kebahagiaan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Wawasan Negara telah mengambil kira strategi utama dasar-dasar yang lepas terutamanya Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional di samping memperkenalkan beberapa dimensi baru seperti berikut:

- membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat yang berasaskan pengetahuan;
- menjana pertumbuhan yang didorong oleh sumber dan kekuatan tempatan melalui pengukuhan pelaburan dalam negeri dan pembangunan keupayaan tempatan di samping menarik pelaburan langsung asing FDI di bidang yang strategik;
- menjadikan sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan yang lebih dinamik melalui penerapan pengetahuan yang lebih tinggi;
- membasmi kemiskinan di kalangan kelompok kecil miskin di kawasan bandar dan pedalaman kumpulan suku kaum minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak dan Orang Asli serta meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup kumpulan 30% yang berpendapatan terendah;
- mencapai penyertaan bumiputera yang berkesan serta pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 30% menjelang tahun 2010; dan

- meningkatkan penyertaan bumiputera secara berkesan dalam sektor ekonomi dan mengubah pembangunan sumber manusia bagi menyokong pembentukan masyarakat yang berasaskan pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, teras utama dasar-dasar wawasan negara adalah seperti berikut:

- membina bangsa yang berdaya tahan dengan memupuk perpaduan;
- menyemarakkan semangat patriotik;
- meningkatkan kematangan politik;
- membina masyarakat yang lebih sanggup bertolak ansur dengan bijak dan penyayang yang tersemat dengan nilai positif serta meningkatkan kualiti hidup dan keutuhan ekonomi;
- mewujudkan masyarakat yang saksama melalui pembasmian kemiskinan dan pengurangan ketidakseimbangan di kalangan dan di dalam kumpulan etnik serta wilayah;
- mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang tinggi dengan mengukuhkan sumber pertumbuhan institusi kewangan dan korporat serta pengurusan ekonomi makro;
- mempertingkatkan daya saing untuk menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi;
- membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan sebagai langkah strategi untuk meningkatkan nilai ditambah semua aktiviti dan sektor ekonomi dan mengoptimalkan daya pemikiran bangsa;
- mengukuhkan pembangunan sumber manusia untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkebolehan, yang produktif dan berpengetahuan; dan
- meneruskan pembangunan alam sekitar yang mampan untuk mengukuhkan pertumbuhan jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Dasar Wawasan Negara perpaduan negara terus menjadi matlamat utama bagi pembangunan sosioekonomi. Dasar Wawasan Negara sedar bahawa untuk membina bangsa yang berdaya tahan, rakyat haruslah bersatu padu, matang politik, bertolak ansur, penyayang dan terus menikmati kualiti hidup yang tinggi, bagi membina masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan harmoni. Kita perlu bertolak ansur dan menerima pelbagai tradisi masyarakat yang wujud dalam masyarakat majmuk kita. Malah kita akan terus membina kekuatan dari kekayaan pelbagai budaya dan kaum yang telah menjadi sumber keteguhan kedinamikan dan kreativiti kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh RRJP3 usaha akan dilaksanakan untuk mencapai pertumbuhan yang mapan, pengurusan ekonomi makro akan ditumpukan kepada usaha memperkukuhkan asas-asas ekonomi termasuklah mengekalkan sumber ekonomi dan kedudukanimbangan luar yang sihat. Matlamat pertumbuhan ekonomi negara adalah pada kadar 7.5% setahun dalam tempoh RRJP3. Produktiviti yang dihasilkan oleh kemajuan dalam teknologi dan proses pengeluaran serta peningkatan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ICT akan dijadikan asas bagi pertumbuhan ini. Negara perlu juga meningkatkan sumbangan daripada pertumbuhan yang didorong oleh faktor dalam negeri. Oleh itu usaha akan dilaksanakan bagi memantapkan keupayaan tempatan dan pembangunan inovasi teknologi dan sumber manusia.

Penggunaan dan pelaburan swasta perlu berkembang pada tahap yang kukuh. Pelaburan tempatan perlu dipertingkatkan bagi mempercepatkan pembangunan industri tempatan serta memperluaskan asas industri. Sementara pelaburan langsung asing akan terus digalakkan terutamanya dalam industri yang berintensif modal dan yang berteknologi tinggi. Sehubungan dengan ini, perniagaan dan institusi tempatan akan dianjurkan bekerjasama dengan perniagaan asing untuk membentuk kerjasama strategik terutama dalam penyelidikan dan pembangunan (P&P), reka bentuk produk pembuatan, pengedaran dan pemasaran.

Mereka hendaklah mengeluarkan barangan modal dan barangan perantaraan dalam bidang di mana Malaysia mempunyai kelebihan bersaing bukan sahaja untuk melengkapkan dan menggantikan barangan import tetapi juga untuk diekspor. Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) akan terus dibangunkan untuk meningkatkan lagi rantaian antara dan dalam industri serta mengukuhkan asas

industri. Usaha akan diambil untuk memperbaiki pengurusan kewangan dan kemahiran pemasaran serta mengukuhkan pertalian mereka dengan industri yang berskala besar.

Insentif dan sokongan yang bersesuaian akan diberi kepada perusahaan tempatan bagi membolehkan mereka bersaing dengan jayanya. Eksport barangan pembuatan akan kekal sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, eksport keluaran pembuatan berasaskan pertanian dan berasaskan sumber dijangka meningkat selaras dengan perkembangan pemprosesan barangan pertanian tempatan serta pembangunan Malaysia sebagai sebuah *hub* makanan halal antarabangsa.

Sektor pembuatan perkhidmatan dan pertanian akan menjadi sektor yang lebih dinamik menerusi penerapan teknologi dan amalan pengurusan moden untuk menjana sumber pertumbuhan ekonomi dalam tempoh RRJP3.

Sektor pembuatan akan berkembang pada kadar purata 8.3% setahun dan bahagiannya kepada KDNK dijangka meningkat kepada 36% menjelang tahun 2010. Industri elektrik dan elektronik akan terus dipelbagaikan dan meningkat menjadi semakin canggih. Di samping itu industri berasaskan sumber seperti petrokimia, *pharmaceutical*, oleo kimia, keluaran yang berasaskan kayu serta keluaran makanan dan pertanian akan diberi galakan sejajar dengan industri lain seperti industri automotif, aeroangkasa dan keluaran logam yang dibentuk. Usaha khusus akan dilaksanakan bagi meningkatkan penyertaan PKS dalam sektor ini.

Dalam tempoh RRJP3, sektor perkhidmatan akan dimajukan supaya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dan eksport bagi memperkukuh kedudukanimbangan pembayaran. Di antara aktiviti yang akan digalakkan ialah pelancongan, perdagangan, pengangkutan, pendidikan dan kesihatan. Pembangunan dalam ekonomi berasaskan pengetahuan juga dijangka meningkatkan arus baru di dalam aktiviti sektor perkhidmatan terutama yang berkaitan dengan ICT.

Usaha akan diambil untuk menggiatkan semula sektor pertanian untuk menjadikannya lebih dinamik dan lebih berdaya saing. Penekanan akan diberi kepada pengeluaran makanan melalui penglibatan sektor swasta secara lebih besar dalam perladangan moden dan berskala besar terutamanya dalam pengeluaran makanan yang kekal. Pembangunan tanaman, perindustrian serta kumpulan barangan berasaskan perhutanan dan perkayuan akan digalakkan dan disokong melalui insentif yang bersesuaian. Infrastruktur, PNB, khidmat sokongan dan pembangunan sumber manusia, sumber baru pertumbuhan juga akan dibangunkan terutama dalam keluaran barangan berasaskan herba yang bernilai tinggi, ikan hiasan dan bunga-bunga, industri bioteknologi serta pelancongan berasaskan ekologi dan pelancongan berasaskan pertanian.

Dalam tempoh RRJP3, kadar inflasi akan dikekalkan pada tahap yang rendah. Kerajaan akan meneruskan amalan dasar fiskal yang berhemah. Usaha juga akan dijalankan bagi memastikan kenaikan upah yang selaras dengan peningkatan produktiviti. Langkah untuk menggalakkan teknik automasi dan penjimatan buruh serta menggalakkan penyertaan lebih ramai wanita dan pesara dalam pasaran buruh akan mengurangkan tekanan permintaan buruh.

Dengan pemulihan ekonomi, sektor awam dijangka kembali berperanan sebagai pemudah cara kepada sektor swasta yang akan menjadi jentera pertumbuhan. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan terus ditumpukan kepada pembangunan sumber manusia, penyediaan perkhidmatan sosial dan infrastruktur, pemodenan sektor keselamatan dan pengurangan ketidakseimbangan wilayah. Sejajar dengan usaha mewujudkan sektor awam yang bertaraf dunia, kerajaan akan terus mengambil pekerja yang cekap dan berkelayakan tinggi untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kita, perkhidmatan awam. Membina sebuah masyarakat bersatu padu dan saksama turut menjadi usaha yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, agenda pengagihan akan diteruskan bagi memastikan penyertaan seimbang di kalangan dan di antara kumpulan etnik serta sektor dan wilayah. Ini adalah penting bagi mencapai kestabilan sosial dan politik serta juga perpaduan negara. Kemajuan yang pesat telah dicapai dalam membasmi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang tahun 2005, kadar kemiskinan akan dikurangkan lagi kepada 0.5%. Program pembasmian kemiskinan akan lebih bersifat khusus untuk menangani kelompok miskin di pelbagai wilayah terutama di kawasan-kawasan pedalaman serta di kalangan kumpulan yang belum menikmati faedah pembangunan seperti masyarakat minoriti bumiputera yang lain di Sabah dan Sarawak serta Orang Asli. Program pembasmian kemiskinan sedia ada akan digabung dan diperkukuh di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat bagi menangani masalah golongan termiskin di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar.

Usaha akan diteruskan untuk meramaikan lagi mereka yang berpendapatan pertengahan. Kita akan memperhebat usaha bagi memastikan supaya kumpulan miskin dan berpendapatan rendah memperoleh faedah daripada pelbagai langkah yang akan dilaksanakan dalam sistem pendidikan termasuk membina lebih banyak lagi sekolah dan menyediakan kemudahan kewangan. Selain daripada pendidikan, penyediaan perkhidmatan kesihatan dan juga kemudahan-kemudahan sosial yang lain juga akan membantu bagi mengurangkan kemiskinan dan untuk meningkatkan lagi kualiti hidup.

Penyediaan kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air bersih serta pengangkutan dan komunikasi akan diperluas lagi ke kawasan pedalaman dan terpencil terutama di Sabah dan Sarawak. Kerajaan juga akan memastikan lebih banyak rumah kos rendah dibina supaya golongan miskin dan berpendapatan rendah akan mendapat faedah.

Program pembangunan luar bandar akan ditumpukan kepada mempelbagaikan sumber pendapatan bagi golongan miskin. Aktiviti yang menjana pendapatan terutama di kalangan penanam padi, pekebun-pekebun kecil, nelayan dan pekerja ladang akan dipergiatkan melalui program pertanian bersepadu, program pertanian moden dan komersial seperti digariskan dalam Dasar Pertanian Ketiga.

Penanaman padi yang mempunyai tanah bersaiz kecil dan tidak ekonomik akan digalakkan untuk turut serta dalam projek penyatuan tanah khususnya di kawasan jelapang padi utama atau mempelbagaikan kegiatan ke dalam sektor kecil lain seperti akuakultur dan juga penternakan. Pendapatan pekebun kecil getah akan dipertingkatkan dengan menggunakan sistem penanam yang inovatif iaitu penanaman klon getah untuk balak LTC dan juga pengusaha penanaman getah secara bersepadu dengan aktiviti pertanian lain seperti penternakan dan penanaman pokok buah-buahan dan juga sayur-sayuran.

Bagi meningkatkan pendapatan nelayan, lebih banyak aktiviti hiliran dan bukan perikanan lain akan dipergiat. Program yang bersesuaian juga akan diperkenalkan untuk menangani masalah yang dihadapi oleh bekas pekerja di estet yang telah dipecahkan.

Kerajaan juga akan menubuhkan mekanisme untuk menambah dan mengurus pendapatan bagi pekebun kecil untuk membantu mereka ketika harga komoditinya rendah. Untuk itu, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM600 juta melalui skim-skim bantuan khas untuk pelaksanaan segera. Di antara program-program yang dilaksanakan termasuklah Program Bantuan Khas Geran bagi sistem torehan insentif rendah (LITS) yang berjumlah RM100 juta khususnya bagi pekebun kecil yang memiliki kebun seluas 4 hektar dan ke bawah.

Di samping itu bantuan sara hidup bulanan pada kadar maksimum RM250 sebulan bagi setiap keluarga yang daif ekoran daripada kejatuhan harga getah turut dilaksanakan. Di samping itu satu program harga premium tambahan sebanyak 30 sen bagi setiap kilogram pengeluaran susu getah cair berasaskan kandungan getah kering juga telah diperkenalkan bagi menggalakkan pengeluaran susu getah cair berbanding dengan getah beku yang dipercayai mendatangkan hasil yang lebih baik.

Manakala bagi pekebun kecil kelapa sawit termasuk peneroka FELDA yang ingin menanam semula kelapa sawit, mereka akan disediakan insentif sebanyak RM1,000 manakala penanaman semula kepada getah, bantuan sejumlah RM1,100 sehektar disediakan. Untuk mempelbagaikan sumber pendapatan pekebun kecil getah dan kelapa sawit, peruntukan sejumlah RM100 juta telah diluluskan bagi melaksanakan aktiviti tanaman sampingan yang boleh menjanakan pendapatan tambahan mereka. Pekebun kecil diberikan pembiayaan maksimum RM10,000 bagi membolehkan mereka melaksanakan aktiviti sampingan di bawah program ini.

Selaras dengan hasrat membina sebuah masyarakat penyayang, kebajikan dan kualiti hidup warga tua dan orang kurang upaya tidak akan diabaikan. Latihan dan pendidikan akan diperhebat untuk meningkatkan kebolehan mereka bagi golongan yang kurang upaya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penyusunan semula masyarakat pula, usaha-usaha akan dilaksanakan bagi meningkatkan ekuiti bumiputera. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan bahagian pemilikan mereka kepada sekurang-kurangnya 30% menjelang tahun 2010 dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang pesat. Walau bagaimanapun, bagi merealisasikan matlamat ini, bumiputera sendiri perlulah melipatgandakan usaha bagi memperbaiki kemahiran dan kecekapan keusahawanan mereka. Memandangkan syarikat bumiputera telah menembusi sektor pembinaan, pengangkutan dan pertanian, mereka perlulah mempelbagaikan kegiatan dalam aktiviti lain yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi terutama sektor pembuatan dan juga sektor perkhidmatan. Bumiputera akan dibantu bagi memperoleh teknologi yang sesuai serta kepakaran pengurusan. Kerajaan akan mengkaji semula, mengukuhkan dan menyelaraskan dana khas sedia ada yang ditujukan kepada usaha niaga bumiputera. Di samping itu program penswastaan akan terus dilaksanakan bagi mewujudkan lebih banyak peluang untuk usahawan bumiputera di peringkat korporat.

Di bawah tempoh RRJP3, pemilikan ekuiti di kalangan keturunan India juga akan dipertingkatkan. Tuan Yang di-Pertua, program untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera akan memberi tumpuan kepada usaha membangunkan lebih ramai usahawan bumiputera yang berdikari, yang berdaya tahan dan bertaraf dunia yang bersaing secara berkesan dalam perniagaan tempatan dan perniagaan antarabangsa. Usahawan bumiputera perlu menerapkan nilai positif dan etika perniagaan yang baik supaya mereka lebih berjaya dan juga mampu pula berdikari.

Penyertaan bumiputera dalam sektor kecil perdagangan runcit akan dipertingkatkan melalui projek usahawan bumiputera dalam bidang runcit atau PROSPER yang baru ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, mekanisme yang sesuai akan digubal untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor-sektor moden dan memastikan corak guna tenaga mencerminkan komposisi etnik.

Kapasiti institusi pengajian tinggi awam akan dipertingkatkan bagi menambah peluang pendidikan khususnya kepada bumiputera. Peruntukan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional akan ditambah bagi menyediakan lebih banyak pinjaman kepada penuntut bumiputera yang memasuki institusi pengajian tinggi swasta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh RRJP3, teras bagi dasar pembangunan wilayah adalah untuk mempercepat permohonan negeri kurang maju dan mengurangkan ketidakseimbangan sosioekonomi antara wilayah. Antara langkah-langkah yang akan diambil termasuk menggalakkan pemusatan aktiviti ekonomi mengikut negeri berdasarkan kekuatan berbanding dengan mereka, meneruskan program penyebaran industri dan memajukan lagi infrastruktur serta peluang menikmati kemudahan asas yang berkualiti di negara kurang maju.

Di samping itu pertumbuhan segi tiga yang ditubuhkan dengan negara-negara jiran akan menyumbang kepada pembangunan beberapa negeri yang bersempadan. Penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar akan dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik melalui penyediaan kemudahan sosial dan infrastruktur fizikal yang bermutu tinggi termasuk kemudahan-kemudahan telekomunikasi, perkhidmatan komputer dan juga Internet.

Perhubungan di antara kawasan bandar dan luar bandar akan diperkukuhkan bagi menggalakkan lagi hubungan saling melengkapi dan *synergy*. Kawasan luar bandar akan dibangunkan sebagai pusat industri kampung yang moden untuk mengeluarkan hasil kraftangan tempatan yang bermutu untuk memenuhi permintaan industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan keekonomi adalah sangat penting bagi mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat dan meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa. Kita perlu memperkukuhkan keupayaan kita, keupayaan untuk mereka cipta dan membangunkan teknologi tempatan serta memaju dan memasarkan produk baru. Aktiviti produktif dalam pertanian, pembuatan dan perkhidmatan sememangnya akan diterapkan dengan lebih banyak input pengetahuan untuk menghasilkan pulangan yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mula meletakkan asas bagi ekonomi berasaskan pengetahuan atau *k-ekonomi* dengan izin pada pertengahan tahun 1990-an dengan pembentukan Agenda Teknologi Maklumat Nasional (NITA) dan koridor raya multimedia (MSC). Walaupun terdapat inisiatif ini, masih banyak lagi perlu dilaksanakan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Dalam RRJP3, elemen-elemen kritikal yang dapat menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan akan diperkukuhkan lagi. Antara yang penting ialah melatih dan mendidik lebih banyak lagi tenaga kerja yang berpengetahuan dengan cepat dan efektif, *k-workers*.

Dalam hubungan ini, sistem pendidikan akan dikaji semula bermula daripada peringkat prasekolah hinggalah kepada peringkat tertiar. Untuk memenuhi keperluan tenaga manusia dalam tempoh jangka pendek, program untuk menarik rakyat Malaysia yang berkepakaran dan berbakat dari luar negeri dan warga asing yang mempunyai kemahiran yang diperlukan akan dipergiatkan. Program ini akan mencari pelajar Malaysia yang cemerlang, usahawan teknologi dan pekerja yang berkemahiran tinggi di luar negara. Di samping itu, sistem pembelajaran sepanjang hayat akan digalakkan untuk memastikan pekerja sentiasa meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka dan dapat memainkan peranannya dalam menghadapi perubahan teknologi yang pesat.

Sesi pendidikan pula dikehendaki memperkenalkan pendekatan pembelajaran, syarat kemasukan dan kaedah pengajaran yang fleksibel. Firma-firma dan industri hendaklah menyediakan insentif kepada pekerja mereka terus meningkatkan kemahiran pekerja. Usaha untuk melahirkan *tekno-preneur* - dengan izin - akan juga diambil. Mereka yang berpotensi perlulah tampil ke hadapan untuk

mengambil peluang daripada galakan dan kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan. Adalah diharapkan usaha ini akan dapat benar-benar membentuk satu kumpulan *teknopreneur* yang berdaya saing dan akhirnya tidak bergantung kepada sokongan kerajaan.

Kerajaan akan mengekalkan persekitaran ekonomi mikro yang stabil, menyediakan kemudahan infrastruktur asas dan mengadakan rangka kerja kawal selia yang sesuai. Usaha-usaha membangunkan SNT dan PNP akan lebih ditumpukan kepada bidang-bidang yang strategik dalam membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan. Lebih ramai usahawan teknologi tempatan akan dilahirkan di mana akhirnya mereka akan dapat memasarkan keluaran mereka di pasaran dunia. Sehubungan ini, pembiayaan bagi usaha niaga baru akan diperkukuhkan. Kejayaan pembangunan ekonomi yang berasaskan pengetahuan memerlukan penyertaan pelbagai pihak.

Dalam hal ini, peranan sektor swasta adalah penting kerana bertindak sebagai penggerak utama pertumbuhan. Usaha perlu melihat peluang-peluang dengan lebih luas memandangkan pasaran kini berbentuk maya dan tanpa sempadan. Usahawan hendaklah menggunakan pengetahuan dan teknologi terkini, menjalin gabungan strategik dan bersedia untuk menjalan dan menguruskan perniagaan di persekitaran budaya yang berbeza. Malah perniagaan kecil dan industri kampung juga perlu meningkatkan kualiti dan nilai keluaran mereka dengan menggunakan teknik pengeluaran dan alatan yang lebih baik, mempertingkatkan rekabentuk dan mutu pembungkusan dan menggunakan e-dagang dan e-niaga sebagai alat untuk mendapatkan komponen dan meluaskan pasaran mereka.

Dalam hubungan ini, kerajaan akan menyokong daya usaha sektor swasta untuk mengukuhkan lagi keupayaan keusahawanan di samping menggalakkan pertumbuhan usahawan teknologi. Kerajaan sedar pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan boleh meningkatkan jurang digital di antara kumpulan berpendapatan tinggi dan rendah dan di antara penduduk bandar dan penduduk di luar bandar. Oleh itu, langkah-langkah akan diambil untuk mengurangkan jurang pengetahuan dan jurang digital dalam negara dengan meningkatkan kesedaran dan penyediaan pendidikan dan latihan dalam ICT di kawasan luar bandar. Penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan ICT yang lebih baik lagi akan dilaksanakan untuk penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sumber manusia adalah amat penting untuk menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan dan memastikan rakyat Malaysia dapat menikmati kekayaan negara kita. Oleh itu, kita akan melabur sebahagian besar sumber-sumber kita dalam pendidikan dan latihan agar dapat meningkatkan peluang pendidikan dan latihan berkualiti di kalangan rakyat. Lebih banyak sekolah dan institusi latihan akan dibina dan kemudahan perguruan dan pembelajaran akan diperkembang dan dipertingkatkan. Bagi kawasan pedalaman, lebih banyak sekolah berpusat yang lebih lengkap dengan kemudahan asrama akan dibina dan guru terlatih pula akan disediakan.

Usaha akan dipertingkatkan untuk menambah nisbah guna tenaga yang mempunyai pendidikan tertiar daripada 13.9% pada tahun 2000 kepada 35% kepada tahun 2010. Sehubungan ini, sektor swasta perlu menyokong inisiatif sektor awam bagi usaha ini. Institusi swasta perlu meningkatkan kemudahan yang sedia ada dan perlu menyediakan pendidikan yang berkualiti di samping mengekalkan kecekapan yang tinggi dalam Bahasa Malaysia di kalangan pelajar, tahap kefasihan berbahasa Inggeris dan bahasa asing yang lain juga ditingkatkan. Ini akan membolehkan rakyat Malaysia mendapat *access* gedung pengetahuan dunia dengan lebih meluas lagi.

Tumpuan akan juga diberi bagi menambah pelajar dalam bidang sains yang berkait dengan teknologi termasuk di peringkat tertiar dan lepasan ijazah supaya dapat memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Untuk sentiasa terkini dalam era pengetahuan, pendidikan sepanjang hayat adalah penting terutama bagi pekerja untuk terus mendapatkan pengetahuan dan meningkatkan asas kemahiran mereka walaupun selepas meninggalkan sistem pendidikan dan latihan formal. Untuk tujuan ini, kolej komuniti akan dibina di samping program pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran melalui laman web.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara, kita telah melihat kemajuan pesat dan telah mencapai sebahagian besar matlamat pembangunan yang telah dirancang sejak dekad yang lepas. Sektor swasta terutamanya telah berjaya dengan memikul sebahagian tanggungjawab yang secara tradisinya dilaksanakan oleh kerajaan. Lebih penting lagi, mereka telah mengambil bahagian dengan aktif dalam menyokong usaha-usaha kerajaan bagi pembangunan sosial ekonomi. Memandangkan jangkaan bahawa kita akan menyaksikan cabaran yang lebih banyak dalam dekad akan datang, maka kita perlu mengatur kesemua tenaga kreatif kita dan kita perlu berusaha untuk melaksanakan dengan lebih baik lagi daripada apa yang telah kita lakukan di masa lepas.

Kejayaan Dasar Wawasan Negara memerlukan komitmen sepenuhnya daripada kita semua. Setiap pihak mempunyai peranan untuk dimainkan. Kita hendaklah bersedia untuk bekerja kuat bagi mencapai matlamat yang telahpun disasarkan. Dalam dekad baru ini, kita perlu mengubah pemikiran kita, kita perlu bersedia untuk melakukan sesuatu secara yang berlainan untuk memastikan kejayaan. Semua lapisan masyarakat hendaklah berusaha untuk lebih kreatif dan bijaksana dalam tugas mereka di samping menjadi pintar dan lebih pula berdisiplin. Sektor korporat pula hendaklah bertindak dengan pantas dan menyediakan diri mereka untuk menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang. Mereka hendaklah bersedia untuk meneroka dalam perniagaan-perniagaan baru, meningkatkan lagi keupayaan mereka untuk mereka cipta dan menghasilkan produk dan perkhidmatan baru serta mengekalkan tahap penyediaan korporat yang tinggi

Mereka mesti berazam untuk mencapai profesionalisme yang lebih tinggi dan mengekalkan nama baik dan kewibawaan mereka. Kerajaan akan terus menyediakan persekitaran yang menggalakkan perniagaan dan akan terus berusaha untuk meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan. Kerajaan akan berganding bahu dengan sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) ke arah pencapaian masyarakat yang bersatu dan saksama. Dasar Wawasan Negara merupakan visi jangka panjang kerajaan untuk membawa negara Malaysia ke matlamat Wawasan 2020. Ia adalah satu rancangan komprehensif yang melibatkan semua sektor ekonomi negara. Insya-Allah, dengan pelaksanaan Dasar Wawasan Negara kita melalui Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan, ekonomi negara akan menjadi lebih kukuh, lebih berdaya saing dan di samping itu memberi peluang yang saksama pula kepada warganegara Malaysia.

Hasrat kerajaan ialah untuk membawa pembangunan kepada semua lapisan masyarakat. Kerajaan tidak mahu mana-mana golongan terpinggir daripada arus perdana pembangunan. Kerajaan juga tidak mahu mewujudkan masyarakat yang hanya ingin mengejar kejayaan material. Oleh sebab itu, pembangunan ekonomi yang terkandung dalam RRJP3 mesti disertai dengan penerapan nilai-nilai murni yang membawa kepada pembangunan insan yang syumul. Kejayaan RRJP3 juga akan bergantung kepada keamanan negara. Tanpa keamanan dan kestabilan, segala rancangan pembangunan tidak akan tercapai. Kedudukan kita hari ini sebagai sebuah Negara Dunia Ketiga yang telah berjaya membawa pembangunan kepada semua lapisan masyarakat dapat dicapai kerana wujudnya keadaan yang aman di negara kita sendiri.

Tanpa adanya suasana yang meyakinkan, pelaburan tidak akan masuk. Negara lain tidak akan berdagang bersama-sama kita dan kita tidak akan dapat melaksanakan segala yang dirancang termasuk mencapai matlamat kita untuk mewujudkan sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan yang kompetitif, yang berinovatif, yang berjaya. Jika kefahaman negara kita sering digugat oleh kekacauan, pergaduhan dan pembunuhan yang membawa kepada keadaan huru-hara, pertumbuhan ekonomi akan terjejas dan rakyat akan kehilangan segala nikmat yang boleh diperolehi melalui usaha-usaha pembangunan negara. Dalam usaha ini, kerajaan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan semua pasukan keselamatan yang telah selama ini mempertahankan keamanan negara kita. Tanpa sumbangan yang telah diberi oleh pasukan-pasukan keselamatan, keadaan di negara kita tidak akan dapat memungkinkan pembangunan yang telah kita capai.

Kerajaan percaya bahawa Angkatan Tentera Malaysia dan juga Polis Diraja Malaysia akan terus berkhidmat dengan setia dan teguh mempertahankan keamanan Malaysia daripada musuh-musuh serta ancaman daripada luar dan juga dalam negara. Keamanan dan kestabilan yang menjadi *enabling factor* - dengan izin - atau memungkinkan kejayaan masa depan kita adalah tanggungjawab kerajaan dan kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang ingin menggugat keadaan yang ada pada hari ini. Kerajaan tidak mahu rakyat menghadapi kekacauan seperti yang dialami oleh negara-negara serantau kerana keadaan sebegini akan membawa kepada kemusnahan ekonomi kita. Mana-mana pihak yang mencetuskan rusuhan dan pemberontakan akan dianggap sebagai musuh pembangunan negara. *[Tepuk]*

Tanpa keamanan, tanpa kestabilan dan ketenteraman, segala usaha pembangunan kerajaan melalui RRJP3 akan hancur dan ini akan secara langsung menafikan kesejahteraan untuk rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang. *[Tepuk]*

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini iaitu usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Dato' Charern.

12.00 tgh.

Dato' Charern Intachat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahas Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga seperti usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan ini tadi. Hari ini adalah peluang baik bagi saya kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hadir di Dewan ini dan saya dapat meluahkan perasaan, moga-moga dapat diberi perhatian ke atas perkara-perkara yang akan saya bangkitkan berkenaan dengan sedikit masalah yang dihadapi oleh masyarakat minoriti orang Siam dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri.

RRJP3 menggariskan dasar dan hala tuju pembangunan Malaysia untuk 10 tahun akan datang melalui Dasar Wawasan Negara. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak kerajaan. Bagi pihak rakyat keturunan Siam, saya bersyukur dan amat berterima kasih di atas perhatian yang diberi kepada masyarakat Siam oleh pihak kerajaan dengan menyalurkan berbagai bantuan melalui pejabat daerah dan beberapa kementerian seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar terutamanya dari segi pembangunan infrastruktur seperti jalan tar, bekalan air bersih, elektrik, telefon dan sebagainya. Jika pihak kerajaan tidak mengabaikan masyarakat Siam yang bermastautin di negeri-negeri di utara Semenanjung iaitu di Perlis, Kedah, Kelantan, Perak, Pulau Pinang dan Terengganu, saya percaya masyarakat Siam akan terus memberi sokongan yang kuat kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kesetiaan orang Siam tidak pernah tergugat walaupun ada parti-parti pembangkang cuba memikat mereka dengan berbagai cara dan janji, tenggelam atau timbul masa depan orang Siam akan tetap bersama-sama Kerajaan Barisan Nasional yang diterajui oleh UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, sejak saya dilantik menjadi ahli Dewan Negara sehinggalah ke hari ini hanya satu perkara yang tidak menyenangkan hati saya iaitu status orang Siam sebagai bumiputera. UMNO menerima orang Siam sebagai bumiputera, pemimpin-pemimpin kerajaan serta UMNO di dalam pertemuan dengan masyarakat Siam memberitahu bahawa mereka adalah bumiputera tetapi sebenarnya seperti kaum Orang Asli juga, orang Siam tidak dikategorikan sebagai bumiputera di dalam Perlembagaan kita. Orang Asli ada kelebihan sedikit. Kerajaan sayang mereka dan rata-rata dalam RRJP3 ini disebutkan tentang program untuk Orang Asli. Oleh kerana masyarakat Siam ini tidak dikategorikan sebagai bumiputera, maka timbullah masalah yang dihadapi oleh kaum minoriti ini tentang peluang pendidikan dan bantuan-bantuan yang diberi oleh pihak kerajaan kepada bumiputera kerana ada pegawai-pegawai dari agensi-agensi kerajaan yang tertentu yang mengguna alasan ini sekiranya mereka tidak mahu menghulur bantuan kepada orang Siam.

Perkara ini telah dibangkitkan di dalam laporan MAPEN II tentang masyarakat minoriti di muka surat 329 di mana dinyatakan tentang pelbagai masalah dihadapi oleh beberapa kaum di Malaysia seperti kaum minoriti masyarakat Orang Asli, kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak, kaum Siam dan golongan minoriti lain di bawah pentakrifan bumiputera. Dari segi undang-undang negara, layanan serta peluang-peluang yang diberi kepada golongan minoriti ini tidak sama seperti yang diterima oleh majoriti lain. Saya berharap dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini kerajaan tidak mengabaikan kaum-kaum minoriti. Sebarang bantuan yang diberi kepada kaum-kaum minoriti ini tidak akan menjejaskan kaum bumiputera Melayu memandangkan jumlah mereka ini yang memerlukan bantuan adalah sedikit sahaja.

Saya juga pernah membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini dan menurut jawapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang diberi kepada saya ialah isu bumiputera adalah isu dasar dan ada kaitan dengan isu takrif bumiputera dalam Perlembagaan Malaysia. Pihak Kementerian Pendidikan dan institusi pendidikan tinggi awam khususnya hanya melaksanakan dasar ini dan tidak boleh mengubah dasar yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Seperti penuntut-penuntut kaum bumiputera Melayu dari sekolah-sekolah di luar bandar, penuntut-penuntut keturunan Siam juga tidak mempunyai asas pendidikan yang kukuh dan lemah. Bagi mereka yang mendapat keputusan peperiksaan yang agak memuaskan menghadapi masalah mendapat tempat untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi awam. Ini adalah kerana penuntut-penuntut kaum Siam digolongkan dalam kategori 'lain-lain kaum' dan bukannya di bawah kategori 'bumiputera'. Permohonan mereka dinilai dan diberi pertimbangan berdasarkan kriteria-kriteria yang digunakan bagi menimbang permohonan daripada kaum bukan bumiputera yang lain seperti kaum Cina dan India yang majoritinya mendapat pelajaran di sekolah-sekolah dalam bandar dan mempunyai asas pendidikan yang jauh lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya cuma memohon supaya penuntut-penuntut kaum minoriti Siam untuk melanjutkan pelajaran di peringkat institusi pengajian tinggi berdasarkan kriteria-kriteria penilaian yang digunakan bagi menilai permohonan penuntut bumiputera Melayu. Ini adalah kerana asas pendidikan penuntut Siam adalah sama seperti kebanyakan bumiputera Melayu iaitu dari sekolah-

sekolah di luar bandar. Sekiranya penuntut-penuntut kaum Siam dinilai bersama-sama permohonan penuntut-penuntut dari kaum Cina, India dan lain-lain yang majoritinya mempunyai asas pendidikan yang lebih kukuh, penuntut-penuntut Siam tidak akan berupaya bertanding dengan mereka.

Saya sangat-sangat berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dapat memberi perhatian kepada masalah yang dihadapi oleh orang Siam ini sama seperti Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz yang mengambil berat tentang masalah kaum Siam dan telah membantu pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang melanjutkan pelajaran di Maktab-maktab Sains MARA dan memberi peluang kepada kaum minoriti Siam menyertai dalam program-program pembangunan usahawan bumiputera dan memberi segala kemudahan seperti mana diperuntukkan di bawah program tersebut. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada perkara yang banyak dibincang dan dibangkitkan di dalam Dewan ini iaitu perpaduan nasional. Saya cuma ingin mengemukakan pandangan dari pengalaman masyarakat Siam di negara ini. Orang Siam tidak ada banyak masalah dari segi perpaduan nasional kerana hidup bersama dengan orang Melayu, beragama yang sama dengan orang Cina dan seni budaya mereka tidak jauh berbeza dengan orang India kerana agama Buddha berasal dari India. Contohnya orang Siam apabila bertemu antara satu sama lain kita 'sawadee' dan orang India pula 'vanakam', dengan izin. Di dalam negara kita yang rakyatnya terdiri dari pelbagai kaum, masing-masing mempunyai latar belakang, adat resam, agama dan seni budaya yang berlainan. Usaha untuk membentuk satu bangsa Malaysia bukanlah perkara yang mudah.

Pihak kerajaan serta rakyat yang cintakan negara hendaklah sentiasa memikirkan dan merancang untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bermatlamatkan perpaduan sepanjang masa supaya negara kita terus aman dan damai untuk memastikan kemajuan masyarakat dan negara. Bagi memupuk semangat perpaduan ini kita hendaklah bermula di peringkat anak-anak kita yang kecil, barulah perpaduan yang wujud ini akan kekal dan bertahan. Saya rasa sangat bimbang bila lihat keadaan sekarang ini dan saya berharap kita semua sedar tentang perkara ini. Jabatan Perpaduan Negara hendaklah sentiasa memikir dan merancang aktiviti-aktiviti di kalangan anak-anak yang kecil, pemuda-pemudi dan orang-orang dewasa.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri-negeri di sebelah utara Semenanjung masyarakat Siam dan Melayu tidak pernah ada sebarang masalah walaupun mereka menganut agama yang berlainan dan mempunyai adat resam yang berbeza, mereka hidup bersama sebagai jiran, tempat-tempat ibadat orang Siam dikelilingi oleh rumah-rumah orang Melayu. Masjid-masjid orang Melayu pula berhampiran dengan perkampungan orang Siam. Anak-anak mereka pula belajar di sekolah-sekolah yang sama. Ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah kerana dari kecil mereka bergaul, memahami dan menghormati antara satu samalain.

Itulah sebabnya di Kelantan 'imej-imej Lord Buddha - kami tersinggung dengan perkataan 'patung', jadi kita sebutkan 'imej-imej Lord Buddha' - di tempat ibadat orang Siam dibina setinggi pokok kelapa seperti yang dikatakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan ini tidak mengganggu dan menjadi masalah kepada orang Melayu di Kelantan. Imej-imej Lord Buddha ini didirikan dari wang derma oleh penganut agama Buddha dari semua kaum. Jadi kalau kita ada sistem pendidikan yang membolehkan rakyat dari semua kaum dapat merapatkan pergaulan dan dididik dalam satu sekolah yang sama untuk hormat-menghormati di antara satu sama lain seperti orang Siam dengan orang Melayu di sebelah utara, saya percaya kita dapat mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan bersatu jiwa walaupun beragama dan berseni budaya yang berlainan.

Saya sangat bersetuju dengan pandangan dan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya sekolah-sekolah kebangsaan kita diberi segala kemudahan seperti kelas-kelas bahasa ibunda, bahasa Inggeris, agama dan guru-guru yang berdedikasi untuk menarik orang-orang dari kaum bukan bumiputera menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah ini. Sekiranya pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah kebangsaan ini memperolehi keputusan yang lebih baik dari sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina, saya percaya orang India dan orang Cina akan menghantar anak mereka ke sekolah-sekolah kebangsaan ini di mana anak-anak mereka boleh bergaul dengan semua kaum dan mendapat pendidikan yang baik sambil menghormati di antara satu sama lain. Saya rasa lamakelamaan sekolah-sekolah Cina dan India ini dengan sendirinya boleh ditutup atau diambil alih oleh pihak kerajaan dan dijadikan sekolah kebangsaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari kaum Cina dan India janganlah salah faham tentang cadangan ini. Saya bukan bercadang supaya sekolah-sekolah Tamil dan Cina ditutup sekarang ini. Saya sedar dan tahu pendirian Ahli-ahli Yang Berhormat tentang perkara ini kerana saya menganggotai MAPEN II

dan perkara ini telah dibincang dengan hangatnyanya. Tetapi kalau kita betul-betul mahu melihat generasi yang akan datang dari pelbagai kaum dan kita hendak melahirkan bangsa Malaysia di negara yang kita cintai ini, kita hendaklah dari sekarang mencari jalan untuk mewujudkan satu sahaja sistem pendidikan.

Saya juga sedar dari hujah-hujah dan pandangan berkenaan masalah perpaduan yang dikemukakan oleh ahli-ahli MAPEN2 dan Ahli-ahli Yang Berhormat, banyak lagi perkara-perkara yang boleh menyebabkan kita ini berpecah belah tetapi percayalah yang penting sekali ialah bagi kita mendidik anak-anak kita di satu bangku sekolah semasa mereka kecil-kecil lagi jika kita hendak mereka bersatu-padu apabila besar kelak. Bak pepatah Melayu, "melentur buluh biarlah dari rebung".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang masalah dadah berbahaya yang dialami oleh negara kita. Masalah ini masih menghantui kita dan perkara ini tidak kurang bahayanya kepada keselamatan negara dan kesejahteraan hidup rakyat kita terutamanya belia-belia kita.

Pihak kerajaan dan kita semua tahu bahawa dadah-dadah yang diseludup ke negara kita datangnyanya dari negara jiran di sebelah utara. Selama ini adakah usaha agensi-agensi kerajaan yang terlibat seperti kastam, polis dan unit pencegah penyeludupan berjaya menyekat kemasukan dadah ini. Harap pihak kita diberi statistik yang terkini berkenaan dengan bilangan penagih dadah yang dapat dikesan di tiap-tiap negeri oleh Kementerian Dalam Negeri.

Saya difahamkan dari sumber PEMADAM pada tahun 1999, jumlah penagih telah meningkat ke 35,359 orang. Dari angka ini, bayangkan berapa banyakkah dadah yang diperlukan oleh penagih-penagih dadah ini? Bagaimanakah dadah sebegitu banyak boleh diseludup masuk ke negara kita? Saya berpendapat tidak mungkin dadah seperti heroin, ecstasy pills dan sebagainya dibawa masuk melalui hutan rimba atau jalan laut kerana susah dan bukanlah dibawa dalam guni-guni yang besar.

Dadah ini boleh dibawa melalui stesen pemeriksaan di sempadan seperti di Bukit Kayu Hitam, Padang Besar dan Rantau Panjang. Bagaimana pula dengan kejayaan agensi-agensi yang ditugaskan untuk membanteras penyeludupan dadah ini di stesen-stesen sempadan dan di lapangan-lapangan terbang? Harap Kementerian Dalam Negeri dapat memberi angka tentang kes-kes yang diperolehi oleh agensi-agensi ini di sempadan-sempadan dan lapangan-lapangan terbang dalam tiga tahun kebelakangan ini.

Datuk Long bin Jidin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Charern, Yang Berhormat Datuk Long minta laluan.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya diberi laluan. Tadi Yang Berhormat Dato' ada menceritakan tentang dadah. Sebenarnya benda-benda yang mengkhayalkan ini banyak di negara kita yang tidak dikuat kuasa, di antaranya pokok ketum, sekarang ini sudah ditimbulkan. Dahulu, pokok ketum ini, masyarakat tradisi buat ubat, sekarang ini sudah dijadikan bahan dadah yang merbahaya. Satu lagi gam tayar basikal, yang ini pun dijual di merata-rata tempat, mudah dapat dan mengkhayalkan juga.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang masalah-masalah ini daripada pokok ketum, gam tayar ini tadi ...

Timbalan Yang di-Pertua: Hidu gam.

Datuk Long bin Jidin: ...akibatnya, akhirnya mereka akan mencari dadah seperti yang dikawal oleh pihak kerajaan. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat supaya kerajaan melakukan sesuatu terhadap dua bahan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Dato'.

Dato' Charern Intachat: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dan saya minta pihak Kementerian Dalam Negeri memikir dan mungkin memasukkan pokok apa ini....

Datuk Long bin Jidin: Ketum!

Dato' Charern Intachat: Ya, ya dan gam dan sebagainya sebagai satu perkara yang dilarang di bawah Akta Dadah Berbahaya ataupun akta-akta yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpeluang memerhatikan tentang usaha-usaha yang dilakukan oleh beberapa agensi kerajaan seperti polis, kastam dan unit pencegah penyeludupan di Bukit Kayu Hitam kerana pejabat saya bertempat di sana. Apa yang saya dapat lihat dan pada pandangan saya

ialah terdapat beberapa kelemahan yang mungkin boleh menyebabkan aktiviti penyeludupan ini boleh berlaku melalui stesen-stesen sempadan ini dan bukanlah melalui hutan rimba atau laut.

Saya percaya pihak polis yang membuat pemeriksaan melalui *scanning machine* di Bukit Kayu Hitam tidak pernah mendapat satu kes dadah ataupun senjata api. Harap pihak kementerian mengesahkan perkara ini kerana tidak ada penyeludup mana yang sekiranya mereka tahu semua penumpang akan diperiksa dan beg-beg mereka akan diperiksa melalui *scanning machine* ini, mereka tidak akan membawa ataupun menyembunyikan dadah di dalam beg-beg tersebut.

Pihak kastam pencegah juga jarang-jarang membuat pemeriksaan mengejut ke atas kenderaan-kenderaan yang disyaki, mungkin duduk menunggu maklumat sahaja dari informer, baru menjalankan pemeriksaan. Pihak Unit Pencegah Penyeludupan pula memeriksa kenderaan-kenderaan sesuka hati tanpa risikan atau memilih kenderaan-kenderaan yang disyaki.

Saya difahamkan juga bahawa anjing-anjing pengesan dadah tidak dapat mengesan dadah jika dadah disembunyikan di dalam *airtight containers*, dengan izin, ataupun dibawa bersama dengan barang-barang yang baunya kuat seperti durian-durian ataupun belacan. Anjing-anjing ini tidak boleh digunakan jika penumpang-penumpangannya terdiri daripada orang Melayu ataupun orang Islam. Jadi, cuma sedikit sahaja kes yang diperolehi dengan menggunakan anjing-anjing ini, itu pun selepas menerima maklumat sahaja, baru anjing-anjing ini digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak pernah melihat pihak kastam, UPP atau polis melakukan pemeriksaan ke atas kenderaan-kenderaan atau orang-orang yang disyaki yang sedang keluar ke Thailand di stesen sempadan di Bukit Kayu Hitam.

Saya percaya ketua-ketua sindiket atau penyeludup dadah ini akan membawa wang untuk membayar dadah yang diperolehi dari negara jiran ini di dalam bentuk wang kertas atau emas, dengan sendirinya transaksi ataupun pembayaran ini tidak mungkin dilakukan melalui bank-bank kerana tidak ada rekod dan dapat dikesan oleh pihak yang berkuasa dan mereka tidak akan menggunakan orang upahan kerana tidak percaya dengan wang yang sebegitu banyak ataupun emas yang dibawa. Oleh itu, mereka membawa sendiri.

Jika agensi-agensi kerajaan yang terlibat ini boleh berkerjasama di antara mereka, saya percaya ketua-ketua sindiket ini boleh ditahan dan sekiranya ada bukti-bukti tentang wang atau emas ini, maka mereka ini boleh ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya ataupun ISA. Saya percaya pihak Ahli-ahli Dewan dari pihak pembangkang pun akan menyokong tindakan menggunakan ISA untuk menahan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara ini kita dapat tahan atau menangkap ketua-ketua sindiket penyeludup, bukan sahaja di stesen-stesen sempadan tetapi juga di lapangan-lapangan terbang ketika mereka ini keluar ke destinasi yang disyaki dengan wang gelap itu.

Saya sangat berharap pihak Kementerian Dalam Negeri dapat mengkaji semula tentang peranan dan tugas agensi-agensi yang terlibat dengan tugas membanteras penyeludupan dadah ini di sempadan-sempadan di sebelah utara. Pegawai-pegawai yang ditempatkan di sempadan ini hendaklah dipilih dari mereka yang betul-betul *committed*, dengan izin, dan yang jujur dan bertanggungjawab. Perlu diadakan pasukan perisikan dan kerjasama antara agensi-agensi ini. Jika tidak, negara akan terus mengalami masalah ini sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, hanya negara di dalam keadaan aman dan damai sahaja, baru kerajaan boleh melaksanakan program-program pembangunan yang dirancangkan ini, yang bertanggungjawab dan menjalankan beban dan tugas menjaga keamanan ini ialah Jabatan Polis Diraja Malaysia dengan dibantu oleh agensi-agensi kerajaan yang lain.

Kes-kes jenayah seperti rompakan dan pembunuhan seperti yang dilaporkan di dalam akhbar-akhbar kian bertambah. Seringkali pihak polis memberi alasan bahawa perkara ini boleh berlaku kerana jabatan ini tidak ada kakitangan yang cukup untuk melaksanakan pelbagai tugas. Saya ingin tahu, berapakah anggota polis yang ada sekarang ini dan berapakah yang masih diperlukan untuk jabatan ini menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna? Saya harap pihak kerajaan mengambil berat tentang keperluan Jabatan Polis Diraja Malaysia dan mengutamakan pembangunan dan kehendak jabatan yang penting ini.

Saya dan rakyat yang cintakan keamanan menyokong kuat tindakan kerajaan di bawah ISA ke atas pihak-pihak yang berniat jahat terhadap keamanan dan kesejahteraan hidup rakyat di negara kita. Selagi ada *extremist*, dengan izin, di kalangan kita yang terdiri daripada rakyat pelbagai kaum dan ada pihak yang ingin merebut kuasa melalui jalan lain selain daripada pilihan raya, kita perlu menggunakan ISA sebelum negara kita rosak dan binasa.

Rakyat yang taat dan setia, dan mematuhi peraturan dan undang-undang tidak perlu takut tentang ISA ini. Sekiranya kerajaan ini betul-betul kejam, dan tidak adil terhadap kita, kita tidak perlu menunjuk perasaan di tepi jalan dan sebagainya. Kita boleh meluahkan perasaan kita melalui wakil rakyat atau wakil kita di Dewan Negara dan kita tunggu sahaja pilihan raya untuk memilih kerajaan yang lain.

Oleh itu, kerajaan janganlah takut dan terpengaruh dengan mana-mana pihak dan terus menggunakan ISA ini. Negara-negara asing mungkin tidak tahu tentang keadaan di negara kita atau hendak melihat kita huru-hara seperti yang berlaku di negara lain.

Sekian dan saya menyokong Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Dato' Lee Pit Chern:

12.28 tgh.

Dato' Lee Pit Chern: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya meneruskan dengan perbincangan Usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010 atau RRJP3 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya saya berpendapat RRJP3 adalah satu pelan ekonomi meliputi perancangan jangka panjang yang bijak dan menyeluruh. Ianya adalah satu pelan yang seimbang serta bersesuaian dengan hala tuju dan matlamat membangunkan negara ke era yang lebih mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi setiap negara, ekonomi memainkan peranan yang amat penting bagi menjaga kestabilan perkembangan dan pembangunan sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun ekonomi negara berada pada keadaan yang kukuh, namun demikian, setiap pihak perlu berwaspada terhadap kesan ekonomi itu yang boleh memberi pelbagai implikasi kepada pelbagai pihak.

Pada hari ini sebagai contoh, kelembapan ekonomi Amerika Syarikat telah memberi pengaruh kepada kedudukan ekonomi negara kita. Keadaan-keadaan tersebut mengakibatkan kilang-kilang tempatan yang mengeksport barangan ke negara tersebut mengambil langkah sama ada menamatkan operasi mereka, memberhentikan para pekerja, mengurangkan pembayaran gaji dan mengurangkan pengeluaran. Ini memberi kesan pula kepada jumlah dan nilai eksport barang keluaran negara.

Penurunan jumlah eksport dalam kadar yang besar akan memberi kesan kepada pendapatan negara. Keadaan ini pula akan memberi tindak balas kepada perkembangan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita bimbang dengan nasib para pekerja yang diberhentikan kerja atau dikurangkan gaji. Keadaan ini akan mempengaruhi aspek kehidupan harian pekerja berkenaan. Salah satu implikasi daripada keadaan di atas misalnya adalah berkaitan dengan pasaran hartanah. Pada masa ini didapati jumlah jualan rumah-rumah telah mula menurun kesan daripada keadaan ekonomi yang agak tidak baik di mana keadaan serta kedudukan kewangan kebanyakan para pekerja telah tergugat. Ramai pembeli didapati tidak berkeyakinan untuk membeli rumah kerana bimbang tidak dapat membayar balik pinjaman pembiayaan rumah akibat kedudukan kewangan mereka yang tidak begitu stabil dalam keadaan ekonomi negara yang tidak menyerlah walaupun masih terkawal.

Kedudukan kewangan kebanyakan majikan yang berada pada paras kurang menggalakkan menjadikan pekerja mula mengambil langkah berhati-hati mengendalikan hal ehwal kewangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sekali gus menjejaskan matlamat kerajaan untuk melihat rakyat negara ini memiliki rumah sendiri dengan kadar sekurang-kurangnya satu keluarga satu rumah. Walaupun kerajaan menyediakan jumlah rumah yang cukup, tetapi jika tidak ada rakyat yang membeli kerana tidak mampu maka matlamat kerajaan itu tidak akan menjadi realiti.

Tuan Yang di-Pertua, kita bertuah kerana kerajaan kita amat peka kepada pekerja di atas dan amat memandang dengan serius akan perkara ini. Langkah kerajaan baru-baru ini untuk menambahkan jumlah pinjaman perumahan bagi pembeli-pembeli rumah kos rendah serta menambahkan had kelayakan gaji pembeli rumah murah kepada RM1,500 merupakan satu langkah bijak untuk menggalakkan pembelian rumah sendiri di kalangan rakyat negara ini.

Dengan adanya usaha kerajaan menubuhkan Tabung Pinjaman Perumahan Kos Rendah tersebut dengan beberapa kelonggaran lain yang sedia ada seperti kadar faedah pinjaman asas yang rendah, bayaran balik yang minimum mengikut kemampuan peminjam dan tempoh pinjaman yang

fleksibel, kita percaya lebih ramai rakyat akan membeli rumah, ini seterusnya akan merealisasikan hasrat kerajaan untuk melihat lebih ramai rakyat memiliki rumah sendiri.

Begitu juga dengan pengumuman kerajaan yang mengecualikan kelulusan FIC atau Suruhanjaya Pelaburan Asing untuk warganegara asing membeli rumah di negara ini adalah turut dilihat sebagai langkah menggalakkan kembali perkembangan pasaran hartanah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung soal kelonggaran pemotongan KWSP yang dibenarkan kepada pekerja daripada 11% kepada 9% daripada gaji asas bulanan. Kita maklum bahawa Akta KWSP telah menetapkan kadar minimum 9% sebagai kadar pemotongan minimum untuk pekerja. Sambutan daripada kalangan pekerja berhubung perkara ini adalah tidak menggalakkan kerana adanya kesedaran untuk menabung yang tinggi di kalangan pekerja negara ini.

Kita maklum bahawa tujuan kerajaan adalah untuk meningkatkan perbelanjaan dalam negeri secara mikro agar ia menjadi perangsang kegiatan ekonomi. Namun, sekiranya dilihat daripada segi makro, kelebihan 2% gaji asas adalah kurang bermakna terutamanya kepada kalangan pekerja yang bergaji rendah dan sederhana. Kelebihan RM20 sampai RM50 tidak akan menyuruh pekerja-pekerja sedemikian untuk berbelanja lebih. Justeru itu, tujuan baik kerajaan mungkin tidak berkesan seperti yang dikehendaki. Sekiranya pemotongan kadar tersebut hendak dijadikan polisi, satu kajian di kalangan pekerja perlulah dilakukan terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga adalah menyentuh mengenai peningkatan keupayaan negara dalam sektor pertanian. Saya ingin memberi penekanan berhubung dengan pengeluaran makanan tempatan melalui pertanian moden. Sesungguhnya kita memang bertuah kerana hidup dan tinggal dalam sebuah negara yang dianugerahkan dengan tanah yang subur, sungai-sungai yang mengalir airnya, keadaan cuaca yang terkawal dan sesuai untuk berbagai-bagai bentuk pertanian.

Saya berpendapat bahawa aktiviti-aktiviti ekonomi berasaskan pertanian perlu digalakkan di kalangan rakyat di negara ini khususnya di luar-luar bandar secara insentif dan besar-besaran sepanjang masa. Kerajaan perlu mengenal pasti jenis pertanian dan menyediakan satu sistem pertanian moden yang terkini yang berterusan bagi merangsang pelaksanaan aktiviti-aktiviti ekonomi berasaskan pertanian secara meluas.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati hampir di setiap negeri di negara ini mempunyai banyak kawasan tanah yang terbiar tetapi berpotensi untuk dimajukan, misalnya dengan penanaman padi, sayur-sayuran dan pokok buah-buahan. Hasil daripada aktiviti-aktiviti penanaman yang sedemikian akan menyumbang kepada pengurangan jumlah import sumber makanan utama dan barangan pertanian daripada luar negara. Ini akan membantu mengurangkan perbelanjaan negara, juga memberikan sumber pendapatan tetap dan meninggikan nilai ekonomi penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan agar dalam menjalankan pelaksanaan secara besar-besaran dan insentif bagi sebarang aktiviti-aktiviti pertanian secara moden dan sistematik, kerajaan-kerajaan negeri mestilah memainkan peranan yang lebih serius dan tegas. Tanpa usaha tegas dan serius oleh kerajaan-kerajaan negeri matlamat di atas tidak akan mempunyai sebarang perkembangan dan kemajuan kerana penggerak sepenuhnya adalah kerajaan-kerajaan negeri itu sendiri. Kegigihan kerajaan negeri mengendalikan aktiviti-aktiviti pertanian moden dan sistematik akan menarik penyertaan rakyat atau penduduk luar bandar itu sendiri secara meluas.

Tuan Yang di-Pertua, soal pembangunan sistem pengangkutan di Malaysia khasnya di ibu negara. Sememangnya kita sebagai rakyat Malaysia bangga dengan usaha-usaha kerajaan menyediakan pelbagai bentuk prasarana pengangkutan yang moden dan canggih bagi kemudahan dan kesenangan rakyat yang meliputi pembinaan jalan raya bertol, sistem aliran transit ringan, kereta api elektrik dan sebagainya. Namun demikian, saya berpendapat bahawa kerajaan perlu mengambil kira implikasi kepada rakyat daripada sudut kos menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sambutan rakyat terhadap prasarana demikian secara kasar adalah secara sederhana kerana mereka terpaksa membayar kos yang agak tinggi untuk berbagai-bagai tol dan harga tiket. Sebagai contoh, taraf kehidupan di Kuala Lumpur adalah agak tinggi dan mereka juga perlu membayar pelbagai kos yang lebih untuk banyak perkara seperti makan, sewa rumah, kos pengangkutan dan sebagainya. Di bandar bukan sahaja terdapat golongan pekerja, malahan juga golongan pelajar yang datangnya dari kalangan keluarga yang susah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar kerajaan membuat kajian dan penilaian semula terhadap kos penggunaan prasarana pengangkutan. Ini adalah satu aspek penting untuk memastikan lebih ramai pengguna menggunakan berbagai-bagai jenis kemudahan pengangkutan

awam. Kita dapati lebih ramai pengguna yang memilih menaiki bas kerana kos atau tambangannya agak murah dan ini akan memberi cabaran kepada sistem pengangkutan yang lain yang disediakan oleh kerajaan dengan perbelanjaan yang tinggi.

Hasrat kerajaan mengurangkan jumlah bas di Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas tidak akan dapat direalisasikan, maka dengan itu, kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan perlu mengkaji soal kos penggunaan demi mengurangkan beban perbelanjaan harian rakyat yang bukan hanya untuk dibayar kepada kos pengangkutan sahaja. Setiap perancangan ke arah peningkatan ekonomi tidak seharusnya membebankan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga memberi penekanan kepada rancangan meningkatkan keupayaan sumber manusia. Di dalam konteks ini adalah perlu perhatian diberikan ke arah mempertingkat dan menambahkan latihan teknikal dan vokasional yang mencakupi aspek kemahiran terhadap sumber tenaga manusia itu sendiri. Langkah mendirikan lebih banyak pusat kemahiran teknikal dan vokasional berserta tenaga pengajar yang berpengetahuan tinggi dan efisien akan membantu hasrat kerajaan melahirkan sumber tenaga manusia yang pakar di bidang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Datuk William Lau.

12.45 tgh.

Datuk William Lau Kung Hui: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga bagi tempoh 2001–2010.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah membentangkan suatu rancangan jangka panjang, RRJP3 yang menyeluruh serta sangat dinamik.

RRJP3 ini mengambil kirasemua keperluan ke seluruh masyarakat Malaysia. Ini memberikan harapan baru kepada semua rakyat negara ini. Kini adalah terserah kepada semua kita rakyat Malaysia untuk merealisasikan semua hasrat dan visi yang terkandung di dalamnya ke arah membangunkan suatu bangsa Malaysia. Sama ada kita berjaya mencapainya adalah bergantung kepada kesanggupan rakyat kita untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil dua isu yang disentuh dalam Usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3). Pertama, isu tentang perkhidmatan awam di situ dalam muka surat 30 perenggan 62, saya quote, dengan izin, "dengan pemulihan ekonomi, sektor awam dijangka kembali berperanan sebagai penggerak kepada sektor swasta yang akan menjadi jentera pertumbuhan."

Yang mana irrelevant, kerajaan akan terus mengambil pekerja yang cekap dan berkecualan tinggi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, suatu unsur yang sangat penting untuk mencapai matlamat RRJP3 ialah peranan utama yang harus dimainkan oleh anggota perkhidmatan awam. Mereka ini merupakan tulang belakang kepada jentera kerajaan, mereka bukan sahaja menjalankan pelbagai tugas dan tanggungjawab kerajaan, tetapi juga sebagai pelaksana undang-undang.

Undang-undang adalah digubal untuk menjamin kesejahteraan, kesihatan, keselamatan harta dan masyarakat. Undang-undang tidak mungkin terlaksana tanpa cawangan-cawangan perkhidmatan awam yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang bertuah kerana mempunyai perkhidmatan awam yang tahap kecekapan, kewibawaannya dan dedikasinya tinggi berbanding dengan tahap yang terdapat di negara-negara membangun yang lain.

Tetapi ini tidak bermakna kita tidak mempunyai ruang lagi untuk dimajukan. Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua syarat yang harus dimiliki oleh perkhidmatan awam di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, syarat pertama ialah minat terhadap pekerjaan. Seorang anggota perkhidmatan awam dianggap tidak berkesan jika ia hanya membuat tugas-tugas biasa dan kemudian melepaskan dirinya sebaik sahaja tugasnya selesai.

Kita mempunyai pegawai-pegawai seperti ini iaitu pegawai yang hanya menganggap perkhidmatan awam sebagai satu cara untuk mendapat saraan dan pencen yang mencukupi untuk

menyara keluarganya, sebuah kereta, pendidikan anak-anak di sekolah-sekolah terbaik, memiliki sebuah rumah yang besar, menjadi ahli dan menghabiskan masa lapang di kelab-kelab, bukan night club, golf club, dengan izin.

Dengan perkataan lain, tugasnya hanyalah untuk mencari kepuasan dirinya sahaja, imej ini adalah perlu dikikis kerana tidak sesuai lagi di zaman ini. Profesor Azman dalam bukunya bertajuk *Administration and Development in Malaysia* menulis pegawai-pegawai kerajaan yang hanya "performing routine services by deploying instrument of authority now appears archaic and dysfunctional", dengan izin, menggambarkan betapa Malaysia tidak memerlukan pegawai-pegawai seperti ini kerana ia bercanggah dengan keperluan nation building yang dicita-citakan.

Tuan Yang di-Pertua, manakala syarat kedua pula ialah perkhidmatan awam yang menyokong kerajaan. Ini merupakan suatu keperluan perlembagaan di mana perkhidmatan awam adalah wajib menyokong kerajaan yang memerintah. Walau apapun pendirian politik mereka, mereka wajib melaksanakan keputusan dan rancangan kerajaan yang memerintah seperti yang digariskan dalam pelbagai arahan kerajaan.

Untuk ini, saya bersetuju jika kerajaan melancarkan semula buku panduan perkhidmatan cemerlang untuk mengingatkan semua anggota perkhidmatan awam agar kembali ke pangkal jalan. Senada dengan ini saya amat bersetuju dengan gesaan yang dibuat oleh Yang Berbahagia Tan Sri Samsudin Osman, Ketua Setiausaha Negara yang berkata semasa pembukaan seminar *Managing Public Sector Outputs in The Knowledge-base Economy*, dengan izin, we have to go back to basics and change the attitude towards work by having the willingness to get things done quickly and to improve commitment.

Tuan Yang di-Pertua, orang ramai pada keseluruhan serta media menghormati dan menyanjung tinggi anggota perkhidmatan awam di Malaysia. Perkhidmatan awam oleh itu tidak sepatutnya mengkhianati amanah dan kepercayaan yang telah diberikan kepada mereka. Walaupun tidak boleh dinafikan bahawa masih terdapat rasa tidak puas hati terhadap anggota perkhidmatan awam yang kurang disiplin. Persepsi negatif ini terhadap anggota perkhidmatan awam memerlukan tindakan yang sesuai supaya kelemahan ini dapat dibendung.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, saya ingin berkongsi dengan Dewan yang mulia ini, tentang tindakan yang telah diambil oleh sahabat saya, Ketua Pengarah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Abdul Halil bin Abdul Mutalib.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seliaan rapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, beliau adalah seorang yang bertanggungjawab mengubah Pulau Langkawi dari sebuah perkampungan nelayan kepada sebuah pulau peranginan yang moden dan berjaya menarik pelancong dari seluruh dunia. Beliau kini ditugaskan pula untuk memimpin sebuah jabatan yang penting untuk menjadikannya sebuah agensi kerajaan yang proaktif, berjaya serta dihormati di dalam dan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya tidak bertujuan untuk membincangkan apakah tugas dan tanggungjawab beliau di Jabatan Kastam dan Eksais, tetapi apa yang saya ingin berkongsi dengan Dewan yang mulia ini ialah bahawa perkhidmatan awam sangat memerlukan tokoh seperti Dato' Abdul Halil, bukan dia kawan saya, iaitu seorang yang sentiasa berazam untuk menaikkan taraf sebuah jabatan kerajaan ke peringkat yang paling tinggi, beliau berikrar bahawa tugasnya yang pertama ialah, dengan izin, to put Customs in the proper track. Ketika beliau melawat Sarawak baru-baru ini, beliau bercakap kepada kakitangannya dengan izin, to enhance and upgrade their work performance by being honest, dedicated to work as a team, courageous, transparent, rational and not to be unduly influenced by personal issues. The identification of the problems and their solution was through participative approach, in which the officers concerned were to hold roundtable discussions followed by affirmative actions.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan semua jabatan kerajaan dalam menghadapi cabaran dan tanggungjawab yang diletakkan kepada mereka di bawah RRJP3, hendaklah dikaji semula fokus dan peranan mereka. Dengan cara ini, saya berharap akan berlaku anjakan paradigma seluruh sikap anggota perkhidmatan awam terhadap tugas dan tanggungjawab mereka.

Ketua Pengarah Kastam dan Eksais Diraja tersebut, telah mensasarkan target dan cabaran yang mulia di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan selaras dengan tugas berat dan mendesak yang dipikul beliau dan ini sewajarnya patut dijadikan contoh ikutan oleh jabatan-jabatan lain.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua, saya ingin menyentuh tentang perkhidmatan penubuhan dinyatakan dalam muka surat 29 paragraph 59. Di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato'

Seri Dr. Mahathir menyebut, kawasan pelabuhan akan diperluaskan untuk menjadikan Malaysia negara maritime dan perkhidmatan pelabuhan akan diperluaskan untuk menjadikan Malaysia negara maritime.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyebut peningkatan pembangunan pelabuhan tempatan yang diutarakan itu adalah kena pada masa dan ketikanya. Tuanku dalam Titah Ucapannya, telah pun menetapkan supaya usaha-usaha pembangunan pelabuhan dilipatgandakan serta menubuhkan sebuah lembaga kemajuan pelabuhan. Ini kerana memandangkan berlaku peperangan sengit untuk mencari, dengan izin, supremacy among Asians port, the state are high, cargo volume are generally on the rise throughout the region as Asians nations rebound from economic crisis.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan kita sebagai sebuah negara maritim yang terpenting di rantau ini tidak berlaku secara tiba-tiba, kedudukan geografi yang strategik dan keterbukaan kita kepada dunia luar penyumbang kepada kejayaan ini. Terletak di antara Lautan Hindi dan Lautan Pasifik dan Selat Melaka terletak di sepanjang pantai Semenanjung, keseluruhan perjalanan maritim yang besar adalah merentasi Malaysia.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mesti terus menyenggara dasar keterbukaan dan kebebasan perhubungan yang ekonomik dengan dunia luar supaya kita terus kekal berjaya. Pelabuhan-pelabuhan adalah sangat mustahak kepada Malaysia dan ia sebenarnya merupakan nadi utama memandangkan bahawa 95% perdagangan antarabangsa negara diuruskan melalui pelabuhan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadi atau menjaga status kita sebagai pusat perkapalan di rantau ini, pelabuhan-pelabuhan di Malaysia hendaklah kompetitif. Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad ternyata mempunyai satu visi ke arah menjayakan cita-cita ini, iaitu dengan memperuntukkan suatu dasar persekitaran yang menggalakkan bagi memperkukuhkan dan memajukan kemudahan pelabuhan ke peringkat piawaian antarabangsa yang diterima serta kualiti pelabuhan pusat yang kompetitif di kawasan selatan dan Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, pelabuhan-pelabuhan Malaysia ketika ini sedang maju dengan pesat dan ia merupakan suatu saingan yang hebat kepada Pelabuhan Singapura. Pelabuhan kita di Tanjung Pelepas di Johor yang memulakan operasi dalam bulan Januari 2000 telah pun menjadi suatu pesaing Pelabuhan Singapura, sebagaimana kita semua sedia maklum PTP terletak di selatan Malaysia di Johor dan hanya 40 kilometer dari Pelabuhan Singapura.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk William, boleh sambung perbahasan nanti.

Datuk William Lau Kung Hui: Okay. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan perbahasan Dewan ini sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua mampengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: **Saya minta Datuk William Lau menyambung ucapannya.**

2.30 ptg.

Datuk William Lau Kung Hui: **Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita semua sedia maklum, PTP terletak di selatan Malaysia, di Johor dan hanya 4 kilometer dari Pelabuhan Singapura. Negara kita terletak hampir dengan perjalanan utama kapal Timur-Barat melalui Selat Melaka. Kapal-kapal kontena singgah di pelabuhan kita apabila mereka belayar di antara Asia dan Eropah. PTP dalam ikrarnya mengisytiharkan ia adalah, dengan izin, a multi-user port.**

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mempunyai satu lagi pelabuhan yang penting iaitu Westport, yang kedudukannya sangat sesuai di Selat Melaka. Ia mempunyai kemudahan pengendalian dan tempat berlabuh air dalam yang cekap dan boleh diharap. Westport adalah dianggap, dengan izin, second to none di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia seharusnya berasa bangga dengan pelbagai kemajuan pelabuhan kita. Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Westport menjadikan kita terkenal di mata dunia dalam bidang pelayaran maritim. Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa kedua-dua pelabuhan ini telah membawa masuk penyertaan ekuiti asing. Telah dimaklumkan bahawa Danish-based Maersk Sealand, sebuah syarikat perkapalan yang terbesar di dunia, memiliki 30% kepentingan dalam PTP yang jumlah harganya tidak dinyatakan. Manakala, di Westport pula, Hutchison Port Holdings dari Hong Kong memiliki 30% kepentingan. Semua ini

tidak ada salahnya. Bagaimanapun memandangkan kedua-dua pelabuhan ini adalah kebanggaan kita, saya harap kerajaan akan memastikan ia adalah sentiasa dalam kawalan kita, samalah seperti keadaannya kita menjaga syarikat penerbangan di mana Malaysian Airline System (MAS) tidak terjatuh di tangan pemilik asing sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadikan kita terkenal sebagai suatu pusat maritim antarabangsa, kita haruslah membangunkan infrastruktur perundangan, industri pembinaan dan pembaikan kapal, bunker, agensi perkapalan, syarikat pelayaran, industri kapal persiaran dan syarikat pengangkutan yang baik. Sebagai pelengkap kepada semua ini, Malaysia haruslah juga membangunkan perkhidmatan yang berkaitan termasuk pengurusan kapal, broker kapal, kewangan dan insurans kapal. Pelabuhan-pelabuhan kita mungkin terletak di tempat-tempat yang strategik tetapi jika kita gagal mengadakan perkhidmatan yang diperlukan, kita akan ketinggalan.

Syarikat-syarikat pelayaran hanya akan menggunakan pelabuhan-pelabuhan yang menawarkan kombinasi kemudahan harga dan perkhidmatan yang terbaik. Adakah kita akan memiliki, dengan izin, the value-added services untuk menjadikan kita terkenal sebagai sebuah pusat perdagangan serantau. Saya dengan ini mencadangkan bahawa kerajaan haruslah menimbangkan suatu skim di mana insentif menarik boleh diberikan kepada sektor swasta untuk menggalakkan mereka menjadi rakan kongsi dalam pemantauan pelbagai perkhidmatan sampingan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kini sangatlah tepat pada masanya, kerajaan sedang memproses penubuhan Lembaga Pelabuhan Malaysia untuk mengawal selia pelabuhan-pelabuhan tempatan. Pihak berkuasa yang dipusatkan ini adalah sangat wajar memandangkan bahawa pada masa ini terdapat pelbagai lembaga pelabuhan dan kategori pelabuhan seperti Lembaga Pelabuhan Persekutuan, Lembaga Pelabuhan Negeri, Lembaga Pelabuhan Persekutuan (Diswastakan), Lembaga Pelabuhan Persekutuan (Diperbadankan), Lembaga Pelabuhan Negeri (Diswastakan) dan pelabuhan atau tempat-tempat berlabuh yang terletak di bawah kawalan Jabatan Laut.

Dengan begitu banyak pelabuhan, urusan pelabuhan kita mungkin terjejas dan apa yang nyata ialah terdapat perkhidmatan berganda yang membazir yang tidak seharusnya berlaku kerana ia bercanggah dengan arah perkembangan pesat pelabuhan kita sebagai suatu pusat serantau.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kementerian berkenaan hanya akan melantik orang yang sesuai dan berkebolehan sahaja dalam Lembaga Pelabuhan Malaysia yang dicadangkan ini, termasuk jika perlu, mengambil mereka yang berbakat dan berkebolehan dari Chartered Institute of Transport, dengan izin, yang mana saya dengan bangganya memaklumkan bahawa saya adalah Presidennya pada masa ini. Saya bagaimana pun tidak mengatakan di sini bahawa peranan Chartered Institute of Transport boleh membantu kerajaan menjadikan pelabuhan di negara ini sebagai pusat serantau, namun Kementerian Pengangkutan sedar bahawa ramai di antara ahli kami memegang jawatan penting dalam industri pengangkutan termasuk sektor cadangan untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan kebolehan pelabuhan-pelabuhan kita.

Saya sangat bangga dengan Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik dan Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen yang sejak dari dahulu hingga sekarang sentiasa menyokong institut ini.

Saya juga mencadangkan bahawa Lembaga Pelabuhan Malaysia secara priority dan dengan segera memastikan bahawa pelabuhan-pelabuhan kita, pemilik-pemilik dan pengendali-pengendali kapal menggunakan teknologi cyberspace dan e-commerce dalam operasi mereka supaya maklumat pelayaran boleh dikongsi bersama dan disebar dengan cepat, memandangkan saingan sengit akan berlaku di ambang kemasukan WTO dan AFTA tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong sepenuhnya RRJP3 dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Long dahulu ya.

2.40 ptg.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya telah diberi peluang berbahas tentang Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga bagi tempoh sekarang hingga tahun 2010 akan datang. Dengan adanya satu kerangka rancangan jangka panjang seperti ini,

kerajaan akan dapat menentukan hala tuju pembangunan negara menjurus kepada pencapaian Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengekalkan strategi asas dan matlamat Dasar Ekonomi Baru di samping beberapa dimensi baru dalam Dasar Pembangunan Negara dan memberi tumpuan dalam isu-isu kemiskinan, pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera bagi mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat dan peningkatan pembangunan sumber manusia.

Rakyat seharusnya berterima kasih kepada kerajaan yang ada sekarang ini kerana berjaya mengekang kejatuhan ekonomi walaupun kita terlibat dan terjejas dengan krisis kewangan Asia dalam tahun 1998 yang lepas. Rakyat dan parti-parti politik terutamanya pembangkang seharusnya terbuka dan gentleman terhadap sistem pemerintahan demokrasi, menghormati suara rakyat dan memberi peluang kepada yang menang untuk mentadbir negara tanpa sebarang gangguan bagi memikirkan bagaimanakah caranya untuk memberi penghidupan yang sempurna kepada rakyat yang memerlukan dan dahagakan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, hak-hak dan keperluan asas seharusnya sudah tidak menjadi isu dan masalah besar. Kalau semua pihak mempunyai komitmen yang tinggi bagi memberi keperluan asas kepada rakyat, negara yang kaya seperti negara kita aman makmur seharusnya memberi hak rakyat untuk hidup sempurna dan sejahtera dan menjadi kewajipan kerajaan bagi menjamin bahawa rakyatnya hidup dalam keadaan yang selesa. Cukup makan, cukup minum, mempunyai tempat kediaman untuk berlindung dan mempunyai sumber nafkah hidup yang berterusan.

Kerajaan dan rakyat harus membezakan di antara yang hak dengan kehendak. Yang menjadi hak haruslah ditunaikan oleh pihak kerajaan manakala kehendak seharusnya individu tertentulah yang berusaha untuk mencapai kehendak-kehendak mereka. Yang menjadi masalahnya ramai di kalangan kita menjadikan kehendak sudah dituntut sebagai hak dan yang sudah tidak mampu membezakan di antara hak dan kehendak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi masyarakat saya, kita telah pun memberi mandat dan sokongan yang jitu kepada kerajaan yang ada sekarang ini dan kerajaan seharusnya menunaikan perkara-perkara yang menjadi hak kepada mereka. Sehingga sekarang ini pun masyarakat saya kurang bersuara untuk menuntut hak mereka walaupun di sana sini ...*[Disampuk oleh Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan]:...masyarakat saya Orang Asli. Ada kawan saya tanya masyarakat mana, sebab mungkin rakan saya ini anggap saya orang Melayu. Masyarakat saya kurang bersuara untuk menuntut hak mereka walaupun di sana sini terdapat segelintir mereka yang menuntut sesuatu melalui tunjuk perasaan dan menghantar memorandum. Ianya merupakan tuntutan individu yang didalangi oleh NGO-NGO dan individu-individu yang tidak bertanggungjawab.*

Mereka tidak sanggup malah takut untuk berdepan dan berbincang untuk bermuzakarah bagi menyelesaikan sesuatu isu tertentu. Baru-baru ini terdapat kes yang dipaparkan oleh *Berita Harian*, saya ulangi semula kes Kampung Tanjong Kelapa dan Kampung Wak-Wak di Pekan, Pahang. Apabila kes itu dipaparkan oleh akhbar, tindakan yang drastik oleh Kerajaan Negeri Pahang membekukan segala pembangunan yang sedang dan sudah berjalan di negeri tersebut.

Saya memohon melalui Dewan ini kepada kerajaan negeri supaya melihat dan sebolehnya menarik kembali apa-apa sahaja pembekuan yang dicadangkan. Silakan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih kerana memberi laluan. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Datuk Long, apakah cadangan-cadangan yang mungkin dibuat supaya kaum minoriti ini, saya difahamkan lebih kurang 130,000 orang sahaja, cara-cara untuk mereka menyuarakan supaya negara pada keseluruhannya lebih memahami masalah-masalah minoriti ini. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Sebenarnya tidak ada masalah kalau semua pihak mempunyai komitmen yang tinggi, ingin memajukan masyarakat saya, masyarakat Orang Asli, memang tidak ada masalah. Contoh, sepatutnya kerajaan telah pun boleh belajar di mana kerajaan membangunkan orang Melayu. Sebenarnya Orang Asli yang ada hari ini adalah orang Melayu dalam tahun 1950-an dan 1960-an dahulu.

Jadi, kalau hendak membangunkan masyarakat Orang Asli janganlah bangun mereka seperti masyarakat Melayu yang ada hari ini, perlulah mengambil pengalaman-pengalaman dan segala pendekatan yang ada semasa tahun 1950-an dan 1960-an dahulu. Contohnya, hendak beri orang Melayu memiliki tanah, mereka dimasukkan ke rancangan FELDA, beri 10 ekar tanah, mereka selepas tiga

empat tahun sudah jadi kaya, sudah boleh hidup melebihi paras kemiskinan. Kenapa tidak hendak dibuat kepada masyarakat Orang Asli? Yang menjadi masalah berlaku semasa ingin membangunkan masyarakat saya, masyarakat Orang Asli mereka hanya memberikan banyak prasarana, pembangunan infrastruktur, tidak memikirkan pembangunan ekonomi. Ini yang menjadi masalah.

Biasanya pepatah Melayu sudah pun mengajar kita 'Di mana ada gula, di situ ada semut.' Banyak rancangan tanah yang dibangunkan untuk Orang Asli contohnya, di beberapa pengumpulan semula di negeri Pahang dan di negeri lain, ramai Orang Asli yang berebut-rebut untuk masuk menjadi peserta sebab mereka tahu bila menjadi peserta sudah tentu pendapatan bulanan mereka sudah pasti menerima kadar yang lebih baik dan tetap. Mereka sudah pun dikeluarkan daripada paras kemiskinan. Andai kata program ini diteruskan, saya yakin dan percaya untuk membangunkan masyarakat Orang Asli, tidak sampai habis Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga malah mungkin selepas lima tahun apabila semua rancangan ini dibuat, diguna pakai seperti yang ada, contohnya seperti sistem ala FELDA yang dibuat oleh kerajaan kepada orang-orang Melayu dahulu. Perkara ini juga boleh dilaksanakan kepada masyarakat saya Orang Asli. Saya yakin boleh. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencelah sedikit. Adakah benar perkara semacam yang lepas berlaku itu tidak akan berlaku lagi kerana dahulunya masyarakat Orang Asli diletakkan di bawah Jabatan Orang Asli yang waktu itu berkemungkinan hanya mengutamakan dari segi keselamatan negara di mana Orang Asli banyak menyumbang dari segi menjaga keselamatan dan sebagainya. Kini, saya difahamkan masalah-masalah masyarakat Orang Asli ini akan dibangunkan sendiri oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Jadi, kemungkinan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar projek-projek pembangunan ekonomi mungkin akan diutamakan dan tidak lagi projek-projek yang seperti dahulu. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih, Dato' Abdul Aziz. Harapan saya memang tinggi dan mungkin harapan itu akan menjadi kenyataan dan kalau kita lihat pada asasnya semasa membentangkan Belanjawan dahulu kerajaan menyatakan peruntukan diberi kepada masyarakat saya RM100 juta tetapi apabila pindah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar hari ini masyarakat saya dipertingkatkan RM160 juta dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan. Itu dalam bentuk jumlah peruntukan, kalau dari segi kerjanya saya rasa di Kementerian Pembangunan Luar Bandar mereka ada mempunyai agensi-agensi yang lebih mantap, malah agensi pembangunan untuk masyarakat Orang Asli sekarang ini yang dahulunya duduk di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, agensi pembangunannya adalah RISDA. RISDA sebenarnya duduk di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Sekarang ini Jabatan Orang Asli duduk juga di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dengan adanya dua agensi yang duduk di bawah kementerian yang sama, saya yakin dan percaya masalah ini lebih mantap dan boleh diselesaikan dengan lebih cepat dan segera.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat daripada sejarah masyarakat saya Orang Asli telah pun diberi perhatian oleh pihak kerajaan sejak tahun 1939 lagi di mana seorang *Protector of Aborigines* telah dilantik di negeri Perak dan pelantikan ini selepas penguatkuasaan Perak Aboriginal Tribes Enactment No.3 pada tahun 1939. Manakala di peringkat Persekutuan dilantik seorang *Aborigines Welfare Officer* untuk mentadbir kebajikan Orang Asli di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 1949, ini cerita sebelum merdeka.

Kemudian, ditukar kepada jawatan *Protector of Aborigines* yang bertanggungjawab kepada ketua setiausaha dan setiausaha-setiausaha kerajaan negeri yang pula bertanggungjawab kepada Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu. Ini ada hubung kait dengan pertanyaan Dato' Abdul Aziz.

Dalam tahun 1951 hingga tahun 1952, Jabatan Orang Asli diwujudkan dan diasingkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan ianya diletak di bawah portfolio ahli bagi hal ehwal dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1953 – hari lahir saya - satu dasar baru telah diadakan. Dasar Orang Asli ini dibuat sama dengan umur saya pada tahun 1953, muda lagi. Satu dasar baru telah diadakan untuk menyalurkan urusan pentadbiran dan perlindungan Orang Asli di pedalaman.

Bagi melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi Orang Asli bagi menikmati taraf hidup yang lebih baik hanyalah bermula pada tahun 1961. Dato' Presiden Bekas Perajurit ini tengok saya [*Memandang ke arah Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani*] satu macam sahaja, sebab saya teringat masa itu yang mentadbir masyarakat Orang Asli kebanyakan bekas tentera. Dato' Presiden Persatuan Bekas Perajurit merenung sahaja kepada saya, saya risau juga.

Selepas pilihan raya tahun 1955 pengenalan sistem kementerian menggantikan sistem ahli, Jabatan Hal Orang Asli telah diletak di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan tahun 1956 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bertukar ke Jabatan Muzium. Hai, muzium ini [*Ketawa*] untuk diperhatikan sahaja, Arkib Dan Penyelidikan Orang Asli iaitu ditadbir di bawah Kementerian Pelajaran yang menjaga Orang Asli, menjadi Pengarah Muzium dan Penasihat Orang Asli. Pada tahun 1957 merdeka, terdapat protector ataupun penolong protector di semua negeri kecuali Pulau Pinang, Melaka, Kedah, Perlis dan Terengganu, di mana masyarakat Orang Asli kurang di negeri-negeri berkenaan.

Pada tahun 1959 Jabatan Orang Asli berpindah kembali ke Kementerian Dalam Negeri. Pada 16 Mei 1964, pindah lagi ke Kementerian Tanah dan Galian dan Ketua Pengarah ketika itu disebut Pesuruhjaya Hal Ehwal Orang Asli. Pada tahun 1970, Jabatan Orang Asli dipindah pula ke Kementerian Pertanian dan Tanah. Pada tahun 1971, Jabatan Orang Asli dipindah lagi ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Pada 5 November 1974, jabatan ini dipindah lagi ke Kementerian Dalam Negeri. Pada 27 Oktober 1990, pindah lagi ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar; pada 1 Januari 1994 pindah lagi ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Yang akhir pada bulan Februari 2001 berpindah ke kementerian yang ada sekarang ini iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 46 tahun sejak tahun 1955 lagi - sebelum merdeka, Tuan Yang di-Pertua - Jabatan Orang Asli telah berpindah ke 10 kementerian. Kalau hendak dicongkak 4.6 tahun satu kementerian, lebih kurang begitulah.

Ini menunjukkan bahawa dalam tempoh yang sama sudah tentu jabatan yang saya nyatakan tadi terdapat 10 matlamat yang berlainan, yang membawa ke arah manakah hala tuju bagi kesejahteraan masyarakat saya iaitu Orang Asli. Andaian yang diberi adalah kerajaan tidak memberi fokus yang tetap ke landasan serta laluan yang manakah yang perlu dibawa bagi meletakkan masyarakat Orang Asli dalam negara asal mereka supaya maju selaras dengan masyarakat lain di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehinggalah masyarakat saya merupakan pribumi yang dilupakan dalam menggubal dasar utama dan undang-undang Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan terlupa memasukkan Orang Asli sebagai bumiputera. Ini sebab banyak sangat tukar, banyak sangat taukenya sehinggalah lupa hendak masukkan Orang Asli ini sebagai bumiputera, sedangkan di peringkat dunia kita ada merayakan Hari Orang Asli Sedunia (*World Indigenous Day*) dan Orang Asli termasuk di dalamnya. Ramai pihak mengatakan kami ini adalah *sons of the soil* (pribumi) tetapi apabila masuk dalam Perlembagaan kami tidak dikategorikan sebagai bumiputera. Puncanya pada saya sangat mudah sebab kementerianya terlalu banyak, 10 kementerian, berpindah-pindah sehinggalah mereka terlupa

Datuk Haji Karim Ghani: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, beri laluan kepada

Datuk Long bin Jidin: Silakan.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Datuk Long bin Jidin kerana memberikan laluan. Pada masa itu di mana pemimpin-pemimpin Orang Asli? Dalam persidangan kita beberapa hari yang lalu ada dicadangkan supaya Yang Berhormat Datuk Long membawa satu *private* enakmen supaya meminda Perlembagaan, memasukkan Orang-orang Asli sebagai bumiputera dan berhak menerima kemudahan, keistimewaan dalam Artikel 153. Saya berjanji akan menyokong kalau Yang Berhormat bawa perkara ini. [*Tepuk*] Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih, harapan, cadangan yang dibuat oleh Datuk Haji Karim Ghani.

Sejak akhir-akhir ini barulah kerajaan sedar bahawa kewujudan masyarakat Orang Asli dan kerap memasukkan dalam dasar-dasar utama bagi memajukan rakyat termasuk masyarakat saya. Isu status bumiputera ini telah saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini semasa Perbahasan Titah Menjunjung Kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Selepas itu saya berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar dan beliau berjanji ingin mengusahakan untuk memasukkan perkataan "bumiputera" dalam Artikel 153, Perlembagaan Negara. Saya amat berterima kasih ke atas seorang Menteri yang amat prihatin tentang masalah Orang Asli dan itulah jawapannya.

Jadi, kalau kementerian ingin mengusahakan ia akan menjadi satu undang-undang dan kalau disusun mengikut keutamaan, kementerian buat lebih baik daripada *private bill* yang akan saya

cadangkan sebab *private bill* ini kadangkala, kalau masa persidangan tidak mencukupi *private bill* itu akan gugur begitu sahaja.

Jadi, saya mengharap dan harapan yang amat tinggi supaya kementerian terutama sekali Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar menunaikan janji-janji yang dinyatakan kepada saya tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan satu perkara yang tidak kurang pentingnya daripada masyarakat saya, berkaitan dengan Akta Orang Asli 1954, iaitu Akta 134. Akta 134 ini telah digubal pada tahun 1954 dan disemak pada tahun 1974. Setelah 20 tahun baru disemak. Manakala sekarang sudah memakan masa 27 tahun tidak disemak dan diteliti.

Terdapat beberapa perkara di dalam Akta ini yang perlu diambil perhatian oleh kerajaan, di antaranya adalah tentang Perkara 3 iaitu tentang takrif bagi Orang Asli itu sendiri yang terlalu longgar sehinggakan orang yang bukan asli pun akan mengaku dirinya Orang Asli. Sebagai contoh, saya bawa Akta ini. Takrif bagi Orang Asli, saya baca sedikit.

- (a) Mana-mana Orang Asli yang bapanya seorang daripada kumpulan rumpun Orang Asli, yang bercakap dalam bahasa Orang Asli dan lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli dan termasuk seorang keturunan yang melalui lelaki orang itu. Maksudnya suami dia Orang Asli, anaknya Orang Asli.
- (b) Mana-mana orang daripada apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan telah dididik sebagai Orang Asli, lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli dan adalah seorang daripada sesuatu masyarakat Orang Asli atau – maksudnya siapa sahaja anak - termasuk anak Dato' jika diberi kepada saya - anak itu akan jadi Orang Asli, dengan syarat dia boleh bercakap bahasa Orang Asli, ikut adat-adat istiadat Orang Asli. Tetapi kalau saya sudah moden, saya ikut adat Orang Asli moden, anak Dato' pun janganlah takut, tidak ikut adat Orang Asli yang mundur. Maksudnya ikut cara sayalah, pun boleh jadi Orang Asli.
- (c) Anak daripada apa-apa persatuan di antara seorang perempuan, Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi seorang daripada suatu masyarakat Orang Asli, dia juga dipanggil Orang Asli.

Kalau ada seorang, katalah Dato' Poo - untuk makluman Dewan ini, Dato' Poo ini baru membujang, isterinya baru meninggal - andai kata dia kahwin dengan seorang perempuan Orang Asli, anak Dato' Poo mungkin akan jadi Orang Asli juga. Itu dia. *[Ketawa] [Tepuk]* Inilah bendanya.

Dalam Perkara 4 dan 5, tentang pentadbiran Orang Asli, di antaranya adalah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melantik Pesuruhjaya Orang Asli dan beberapa Timbalan Pesuruhjaya Orang Asli. Manakala apa yang berlaku sekarang ini, jawatan Pesuruhjaya sudah tidak ada, yang ada hanyalah jawatan Ketua Pengarah, Jabatan Orang Asli. Dalam Akta kata, yang menjaga Orang Asli, Pesuruhjaya Orang Asli tetapi realitinya, yang ada adalah Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Ini dalam Akta. Ketua Pengarah dilantik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Dalam Akta Pesuruhjaya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Ini yang menjadi masalah kepada Akta ini.

Perkara 11 dan 12 berkaitan dengan pampasan terhadap tanah-tanah yang diberi milik kepada Orang Asli. Tanah-tanah yang diberi hak milik kepada Orang Asli, mengikut Akta ini, tidak ada nilai dengan kadar nilai tanah tetapi nilai pokok-pokok yang ditanam oleh masyarakat Orang Asli di atas tanah berkenaan.

Sekarang ini kerajaan telah pun memberi hak milik, terutama hak milik geran, status geran kepada masyarakat Orang Asli. Andai kata akta ini dikuatkuasakan, walaupun esok diberi hak milik tetapi kalau berlaku pengambilan hak milik tanah oleh kerajaan atau oleh sesiapa, pampasan yang dibayar hanyalah atas pokok-pokok yang ditanam atas tanah, tidak nilai tanah sebenar.

Perkara 14 dan 15 berkaitan dengan orang-orang luar di larang masuk atau berada di dalam kawasan Orang Asli atau rizab Orang Asli, termasuk di bawah Perkara 19 di mana peraturan-peraturan juga berkaitan yang berkenaan. Contohnya, Dato' Poo – saya boleh bergurau dengan Dato' Poo ini,

sebab dia orang Pahang – Dato' Poo tidak boleh masuk kawasan Orang Asli kalau tanpa kebenaran pegawai yang bertanggungjawab. Contohnya pegawai Jabatan Orang Asli ataupun pegawai polis berpangkat inspektor ke atas yang boleh memberi kebenaran, baru boleh masuk ke perkampungan Orang Asli. Jadi, seolah-olah Orang Asli ini tidak boleh diintegrasikan dengan masyarakat lain.

Dari segi realitinya, Orang Asli sekarang ini pun kalau tidak orang lain tidak masuk, Orang Asli pun sudah keluar. Jadi, sebenarnya Akta ini tidak boleh digunakan lagi. *[Disampuk]* Tidak relevan, kata kawan saya.

Di bawah Perkara 19, di bawah peraturan-peraturan, di antaranya adalah Seksyen 19(f) melarang sama sekali, sama ada secara mutlak atau bersyarat kemasukan ke dalam atau pengedaran di dalam mana-mana kawasan Orang Asli, rizab Orang Asli atau tempat yang diduduki oleh Orang Asli, apa-apa benda bertulis atau bercetak, apa-apa filem, wayang, gambar dan segala benda, sama ada atau tidak sama jenisnya dengan benda bertulis atau bercetak yang mengandungi apa-apa gambaran yang boleh atau dengan rupanya, bentuknya, atau dengan apa-apa cara lain boleh membayangkan perkataan-perkataan atau buah fikiran dan tiap-tiap salinan dan tiruannya atau sebahagian besar daripada tiruannya. Maksudnya surat khabar kalau tanpa kebenaran tidak boleh masuk, *Harakah* memang langsung tidak boleh masuk. Lepas itu banyak lah, filem, wayang gambar, semua benda bercetak tidak boleh masuk.

Ini menunjukkan bahawa Akta ini, memperbodohkan masyarakat Orang Asli. Mereka jadi tertutup daripada dunia luar.

Jadi, memang

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Minta izin, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, laluan. Saya ucapkan terima kasih di atas laluan. Saya sebenarnya, memang bersimpati dengan kawan saya ini. Ia dengan saya, angkat sumpah menjadi Ahli Dewan Negara, malah kalau orang salah faham, saya lebih Orang Asli daripada bentuk parasnya berbanding dengan Yang Berhormat Dato' Long. Betul Dato', ya.

Daripada penceritaan, kita bersimpati dengan Akta ini, tetapi bolehkah Yang Berhormat Dato' memberi penerangan kepada Dewan yang mulia ini, kerana apakah tidak ada dalam perkara-perkara yang lebih positif yang telah berlaku dalam masyarakat Orang Asli kerana kita sering juga membaca melalui dada-dada akbar bahawa Orang Asli ini memang merupakan kumpulan, orang-orang yang sebahagiannya telah maju dan telah menempa beberapa sejarah untuk negara.

Dan, ada di kalangan mereka telah menjadi kumpulan profesional seperti peguam, doktor dan lain-lain. Jadi, walaupun Akta itu telah begitu rupa dan mungkin selepas pandangan Yang Berhormat Dato' mungkin kerajaan akan meminda tetapi daripada segi positifnya, apakah Yang Berhormat Dato' boleh memberi sedikit gambaran kepada kita, sejauh manakah kejayaan-kejayaan masyarakat Orang Asli di negara kita melalui program-program pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan terutama sekali dalam menempatkan mereka dalam arus pembangunan, pendidikan umpamanya, perjawatan dalam kerajaan dan lain-lain.

Jadi, kalau ini boleh kita dengar, maka saya rasa adalah baik kerana daripada awal hingga akhir kita merasakan seolah-olah Kerajaan Barisan Nasional ini langsung tidak memberi penempatan daripada segi struktur serta peluang kepada orang-orang Asli. Malah saya berkesempatan pergi ke hospital dan sebagainya, ada Orang Asli dan kita pergi ke mahkamah, kita tengok ada peguam daripada Orang Asli. Sama ada dia itu tipu saya ataupun tidak, saya tidak tahu tetapi kita melihat, boleh dikatakan keseluruhan sektor, ini telah dapat dilakukan oleh Orang Asli.

Saya bersetuju pandangan Yang Berhormat Dato' supaya diberi pendedahan yang lebih kepada pembangunan Orang Asli. Jadi, kalau boleh saya pohon sedikit kefahaman daripada Yang Berhormat Dato' dalam hal ini.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih, rakan saya Yang Berhormat Rosli. Saya bercerita berkaitan perkara-perkara yang negatif dengan harapan mendapat perkara-perkara yang positif. Di antara perkara-perkara yang negatif, saya nyatakan tadi dengan berpindahnya Jabatan Orang Asli kepada 10 kementerian yang berlainan, yang positifnya adalah saya minta supaya kerajaan memberi fokus kepada masyarakat saya, masyarakat Orang Asli.

Begitu juga saya bercerita pasal negatifnya beberapa seksyen dalam akta, tujuannya adalah supaya akta ini dipinda, supaya akta ini dilihat sebagai suatu perkara yang positif. Itu sahaja harapan saya. Kalau hendak bercerita pasal apa yang kerajaan telah buat, saya tidak boleh hendak bercakap dengan mulut, mengatakan terima kasih sahaja. Itu sebabnya, tanda terima kasih masyarakat Orang Asli, masyarakat saya di pedalaman. Kalau pilihan raya dahulu, boleh dikatakan, kebanyakan Barisan

Nasional yang *tekeh-tekeh* hendak kalah itu, kalau tidak ada Orang Asli mungkin mereka kalah teruk. Itulah menunjukkan terima kasihnya masyarakat saya, masyarakat Orang Asli kepada kerajaan. [Tepuk]

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Kepada Barisan Nasional.

Datuk Long bin Jidin: Segi pembangunan dan pendidikan Orang Asli, kami mempunyai 116,000 yang lepas ke pusat pengajian tinggi, ada lebih kurang hampir 400 orang. 200 orang masih menuntut dan 200 orang sudah pun keluar. Ada pun yang mendapat sampai ke peringkat Ph.D., ada doktor, ada *lawyer*, ada jurutera, semuanya ada. Semuanya ini, kalau hendak sebut terima kasih, memang saya tidak dapat mampu hendak nyatakan betapa terima kasihnya.

Begitu juga, tentang pembangunan. Masyarakat saya di pedalaman dahulunya, tidak pernah merasa naik motor ini tetapi sekarang dengan adanya rancangan-rancangan tanah yang dibuat oleh kerajaan terutama di rancangan-rancangan pengumpulan semula ada sebahagian daripadanya masuk rancangan FELDA, sudah pun boleh memiliki kenderaan seperti kereta, rumah besar, TV dan sebagainya.

Ini adalah daripada program-program yang dibuat oleh pihak kerajaan. Yang menyedihkan saya, apabila semua ini dilaksanakan dengan ada sedikit teguran di Kampung Tanjung Kelapa dan Wahwah, sehinggakan Kerajaan Negeri Pahang, contoh yang berlaku dalam cerita dua, tiga hari yang lepas, kerajaan negeri menarik balik pembangunan yang ada, yang telah diberi.

Ini seolah-olah satu *punishment* tetapi yang memaparkan cerita itu, orang lain. Jangan sebab orang kata, orang lain yang buat salah, orang lain yang mendapat bahangnya, ini tidaklah berapa tepat. Jadi, saya mohon, bukan sahaja negeri Pahang, dengan adanya teguran-teguran yang negatif yang terdapat di dada-dada akhbar dilihat sebagai satu perkara yang positif. Ha! Itu dia. [Sambil menoleh kepada Yang Berhormat Tuan Rosli] Terima kasih.

Walaupun masyarakat lain di negara ini memperjuangkan hal-hal yang berkaitan dengan kehendak - ada orang hendak kaya, hendak dapat pangkat besar, hendak dapat hidup mewah - tetapi bagi masyarakat saya, masyarakat Orang Asli, perjuangan perkara-perkara yang berkaitan dengan hak kami masih lagi belum selesai. Perkara-perkara asas masih lagi menjadi tuntutan.

Walau bagaimanapun, masyarakat saya masih memberi kepercayaan kepada kerajaan melakukan sesuatu bagi kesejahteraan masyarakat saya pada masa hadapan. Akhirnya bagi masyarakat Orang Asli saya tetap menyokong Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga untuk tahun daripada tahun 2001 sehingga 2010.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan. Ya.

3.15 ptg.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan ucapan saya hendak memberi sebuah pantun, fasalnya Melaka ini dia memang kena mulakan dengan pantun.

*Tinggi-tinggi si matahari,
Anak kerbau mati tertambat,
Sudah lama saya menanti,
Baru ini saya dapat.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mengambil bahagian bagi perbahasan, meluluskan, mengesahkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001 hingga 2010. Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan bahawa walaupun pada masa negara sedang menghadapi kegawatan ekonomi disebabkan oleh kemurungan ekonomi di negara maju terutama sekali Amerika Syarikat dan Jepun tetapi keadaan ekonomi negara tetap stabil. Tahun 1999 pertumbuhan ekonomi negara ialah 5.8%. Manakala tahun 2000 8.5% sementara tahun 2001 dijangka 5% ke 6%. Keadaan inflasi tahun 2000 adalah 1.6% dan tahun 2001 juga dijangka 1.6%. Sementara itu keadaan pengangguran di negara kita adalah 3% dan ini adalah menyamai guna tenaga penuh.

Walaupun pada masa ini keadaan pengangguran di negara kita adalah terkawal iaitu 3% dan menyamai 250 ribu orang, sementara pekerja asing yang bekerja di negara kita bertambah termasuk pendatang tanpa izin, tetapi sekiranya kita tidak berhati-hati negara akan menghadapi masalah pengangguran yang lebih besar pada masa yang akan datang. Sebagaimana yang sedia maklum

banyak kilang-kilang terutama sekali kilang elektronik kepunyaan Amerika Syarikat telahpun ditutup, ada pula yang dipindahkan ke negara lain. Pihak MTUC menganggarkan bahawa sebanyak 100 ribu pekerja akan kehilangan pekerjaan di Malaysia dalam tempoh dua ke tiga tahun lagi.

Walaupun jangka ini masih lagi kecil jika dibandingkan dengan negara-negara yang membangun tetapi kerajaan mestilah membuat perancangan dari sekarang bagi mengatasi masalah ini. Dasar Perindustrian Negara dan Dasar Buruh juga perlu disesuaikan dengan keadaan. Kerajaan harus mencari jalan agar kilang-kilang industri di negara ini dapat bertahan lebih lama lagi dan usaha yang lebih banyak harus dibuat untuk menggalakkan kilang-kilang yang mempunyai taraf high-tech industry didirikan di negara ini.

Keadaan harga komuniti negara seperti kelapa sawit dan getah yang turun menjunam juga disebabkan oleh negara yang terlalu sangat bergantung kepada pasaran Amerika Syarikat dan Eropah. Apabila ekonomi mereka jatuh mereka telah mengurangkan pembelian ke atas komoditi ini. Pada masa ini 30% ekonomi negara bergantung kepada Amerika Syarikat. Kita mengesyorkan agar kerajaan dapat memperhebatkan usaha agar mencari pasaran baru bagi komoditi tersebut di negaranegara Asia Timur, di Asia Timur Tengah, Rusia dan negara-negara yang lain serta tidak terlalu bergantung kepada negara maju dalam jangka panjang.

Apa pun yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan saya yakin kerajaan tidak akan mengabaikan keperluan rakyat terutama dengan menyediakan peluang pekerjaan yang mencukupi dan kemungkinan satu ketika Malaysia tidak memerlukan tenaga buruh dari luar negara untuk melaksanakan projek-projek di seluruh negara. Saya berharap keharmonian perhubungan antara kerajaan, majikan dan pekerja dapat dikekalkan untuk memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni di negara ini. Tanpa kerjasama di antara semua pihak sudah tentu segala pelan tindakan yang telah atau sedang dirancang tidak akan terlaksana dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan pihak Kerajaan Persekutuan menangani masalah sosial, politik dan ekonomi rakyat Malaysia dengan merangka pelbagai program dalam Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan amat baik. Saya percaya hasrat Kerajaan Persekutuan untuk meneruskan agenda pembangunan negara dalam dekad baru ini akan terlaksana dengan kerjasama semua pihak.

Dasar kerajaan untuk memastikan rakyat memiliki rumah sendiri menjelang 2005, terutama mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana amat dialu-alukan. Apa yang pasti rumah merupakan keperluan asas yang cukup penting hari ini. Dengan adanya dasar kerajaan untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana dapat meringankan lagi beban mereka yang tidak mampu membeli rumah sendiri. Ini secara tidak langsung dapat menghapuskan masalah setinggian yang berlaku di seluruh negara dan memperluaskan peluang golongan berpendapatan rendah dan sederhana membeli rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bersyukur kita kerana Kerajaan Persekutuan begitu prihatin dengan masalah berkaitan kaum wanita. Dengan menubuhkan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita melalui Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, saya percaya kaum wanita akan bersama-sama mengatur strategi dan tindakan yang dapat membantu mereka dari segi peningkatan ekonomi. Jika dahulu penyertaan wanita dalam pasaran buruh amat kurang tetapi dengan kepesatan pembangunan negara dan keperluan guna tenaga buruh yang begitu tinggi maka wanita diperlukan untuk turut sama dalam pasaran buruh. Dengan adanya penyertaan wanita dalam semua aspek kehidupan sudah pasti peranan wanita itu dilihat sama penting dengan kaum lelaki untuk turut sama membangunkan negara.

Usaha kerajaan untuk menambah peluang pendidikan dan latihan serta meningkatkan status wanita yang dahulunya sering dipandang rendah amat dialu-alukan. Melalui pelan tindakan itu kajian semula mengenai undang-undang dan peraturan yang mendiskriminasikan wanita dan menangani kepelbagaian masalah sosial yang dihadapi oleh wanita akan dapat diatasi.

Saya memohon agar kerajaan dapat meneruskan agenda membantu kaum wanita dengan mengadakan pelbagai program berkaitan dengannya yang bukan sahaja memberi faedah kepada kaum wanita tetapi juga kepada pembangunan ekonomi, pembangunan sosial dan politik negara. Saya yakin dengan segala perancangan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan negara akan terus maju dan aman sepanjang masa. Namun begitu saya berharap semua pihak akan sama-sama bersatu padu memastikan kesejahteraan dan kemakmuran akan terus dinikmati oleh semua rakyat Malaysia, bak kata pepantun Melayu,

*Buatlah baik aduhai teman,
Ke dalam laut kami campakkan,*

*Kalau tidak tak dikenal ikan,
Tuhanmu tahu iakah bukan.*

Dengan ini saya menyokong usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001 hingga 2010. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad.

3.23 ptg.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. dan setinggi ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad atas kecemerlangannya membentangkan RRJP3 di Dewan Rakyat baru-baru ini yang dapat kita anggap sebagai Rancangan Perdana Negara yang bersifat menyeluruh dengan mengambil keutamaan terhadap kepentingan semua pihak dalam menjanakan ekonomi nasional. Saya melihat kesungguhan pihak kerajaan dalam memajukan negara begitu jelas sekali. Keprihatinan kerajaan dalam mengatasi permasalahan setiap kelompok rakyat seterusnya dilihat dengan penuh tanggungjawab oleh semua pihak. Kejayaan apa jua rancangan kerajaan amat bergantung kepada komitmen semua pihak. Persatuan Bekas Tentera Malaysia merasa terpenggil untuk menzahirkan komitmen ini demi kesejahteraan rakyat, agama, bangsa dan negara.

Jadi, tadi kita dengar masyarakat Orang Asli, ini pula masyarakat bekas tentera termasuklah Dato' Long sendiri pun masyarakat bekas tentera kerana saya mendapat tahu beliau pun ahli Persatuan Bekas Tentera Malaysia juga. Terima kasih. Bekas-bekas tentera merupakan satu kelompok masyarakat yang agak berbeza sedikit daripada kelompok-kelompok masyarakat yang lain. Walaupun mereka juga daripada kelompok yang sama pada asalnya, ada ketikanya semangat yang kental boleh bertukar menjadi sensitif dan penuh dengan emosi. Jadi, Persatuan Bekas Tentera Malaysia sentiasa berusaha dan akan terus berusaha untuk merancang dan melaksanakan aktiviti yang dapat membantu permasalahan yang dihadapi oleh bekas angkatan tentera.

Oleh kerana saya sentiasa bercakap hal bekas tentera, dimaklumkan hampir tiga tahun bekas tentera tidak berada di Dewan ini. Yang Berhormat, sama ada dari segi kebajikan, ekonomi, sosial, politik, perpaduan dan tidak ketinggalan dari segi keselamatan negara yang mana merupakan agenda utama semasa dalam perkhidmatan dahulu. Tidak semua perancangan kami dapat dijalankan dengan lancar kerana tidak mendapat sokongan dan bantuan dari pihak yang berkenaan. Kadangkala permohonan kami untuk mendapat sesuatu tidak mendapat bantuan dan sokongan daripada pihak-pihak tertentu sering diabaikan sepi kerana pihak-pihak yang berkenaan melihat bahawa kami seperti satu kelompok masyarakat yang terlalu manja dan sentiasa mengharapkan tanpa berusaha. Kami telah berusaha namun peluang tidak diberikan. Ini pada sesetengah daripada kelompok golongan kami. Untuk kami membuktikan keupayaan kami, kegagalan demi kegagalan seperti inilah yang kadangkala melemahkan atau menggugat semangat untuk meneruskan pekerjaan yang telah diceburi oleh bekas-bekas tentera itu dan semangat bekas-bekas tentera boleh bertukar menjadi sensitif dan penuh dengan emosi.

Dengan jadinya emosi maka terjadilah perkara yang tidak diinginkan seperti Al-Ma'unah dan sebagainya dengan sebab mereka merasai seperti terabai. Tetapi mereka tidak sentiasa diabaikan sepenuhnya. Oleh itu, semua pihak wajarlah membantu bekas-bekas angkatan tentera dengan penuh keikhlasan kerana warga bekas tentera sudah ketinggalan di segi ekonominya. Keadaan ekonomi negara yang berada di tahap yang memberangsangkan haruslah disyukuri oleh semua pihak. Jika dibandingkan dengan negara-negara jiran yang sedang menghadapi kegawatan ekonomi yang semakin tenat, adalah kurang bijak jika rakyat masih menyalahkan kepimpinan kerajaan yang ada pada hari ini.

Kita harus berusaha dengan lebih gigih lagi untuk mencapai satu tahap ekonomi yang boleh setanding dengan negara-negara yang lebih berjaya dari negara kita. Seperti kata nasihat orang-orang tua kita dahulu, kita harus melihat orang lain lebih susah daripada kita untuk menilai erti kesyukuran terhadap apa yang kita ada dan kita harus melihat orang yang lebih berjaya supaya kita terus berusaha untuk mencapai kejayaan yang lebih baik. Kita seharusnya menjadi alat pemantauan untuk kerajaan yang memerintah sama ada di peringkat negara ataupun negeri untuk meningkatkan taraf-taraf ekonomi rakyat jelata. Kekayaan hasil daripada kejayaan dalam bidang ekonomi bukanlah hak milik seseorang tertentu sahaja. Ianya adalah untuk dikongsi bersama mengikut tahap usaha yang telah dicurahkan.

Pembasmian kemiskinan adalah merupakan agenda sering diperkatakan oleh segenap lapisan pemimpin termasuk pemimpin yang sudah berjaya ataupun agenda ini kenapakah masih ramai rakyat yang tergelong dalam agenda ini. Agenda yang cantik, tidak menjamin kejayaan. Pelaksana yang

ikhlas, telus dan amanah akan menentukan kejayaan agenda tersebut. Kita sering terlupa terdapat tanggungjawab kita kerana kita adalah manusia yang lemah dan sering tergoda dengan godaan syaitan dan iblis di sekitar kita. Dengan keimanan yang mapan, kita akan dapat menangkis segala godaan dan, insyaAllah, kita akan dapat melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada kita dengan lebih berkesan. Laksanakanlah tugas kita dengan ikhlas tanpa mempunyai kepentingan peribadi yang melebihi segala-galanya.

Kita sedang memasuki era yang lebih mencabar di mana tekanan globalisasi serta teknologi maklumat dan komunikasi ICT telah mengubah asas peraturan dan keadaan perdagangan dunia. Dengan pencapaian kita sekarang, kita akan terus berjaya menghadapi cabaran tersebut tetapi kita mestilah juga memperlengkapkan diri kita secukupnya serta memperkukuhkan daya tahan negara untuk meningkatkan daya saing di pasaran dunia.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Malaysia perlu lebih banyak bersyukur kerana dalam suasana kehidupan rakyat yang berbilang bangsa, agama dan keturunan maka negara kita merupakan sebuah negara yang paling berjaya dalam membentuk perpaduan dan keharmonian hubungan di antara kaum di negara kita. Jika dibandingkan dengan negara-negara lain di dunia ini, para pemimpin dan barisan pimpinan yang sedia ada mahupun barisan pimpinan yang lalu perlu diberikan kepujian kerana telah berjaya mengekalkan keharmonian hidup semua kaum di negara ini. Tanpa keharmonian ini, segala usaha ke arah pembangunan negara dan ummah adalah mustahil untuk kita nikmati. Segala usaha kerajaan untuk mengekalkan keadaan keharmonian dan perpaduan yang sedia ada akan terus mendapat sokongan daripada segenap lapisan masyarakat. Sikap masyarakat yang sentiasa bertolak ansur dan penyayang merupakan nadi penggerak ke arah masyarakat yang sentiasa sering untuk lebih berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, setelah sekian lama kita merdeka, sudah semestinyalah masyarakat kita sudah matang untuk berpolitik dengan menghindarkan fahaman yang melampau dan sempit. Anggapkanlah berpolitik ini sebagai satu fardu kifayah yang mesti kita laksanakan kerana ianya adalah dituntut oleh agama kita, Islam. Marilah kita sama-sama berusaha untuk menjadikan politik ini sebagai satu wadah perjuangan untuk perpaduan dan pembangunan ummah, bukannya sebagai medan untuk kita hentam-menghentam di antara satu sama lain. Selain tuduh menuduh untuk mencari kesalahan orang lain, kita tidak sewajarnya menyebarkan atau membentuk satu arus pemikiran yang terlalu taasub kepada sesuatu ajaran fahaman. Sepatutnya kita mesti cuba membentuk satu arus.....

Dato' Hamzah bin Zainudin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Boleh dia minta laluan?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat kerana memberikan laluan kepada saya. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat. Saya amat tertarik dengan satu isu yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi bahawa kita semua memang faham sebagai seorang Islam bahawa berpolitik itu adalah satu fardu kifayah. Tetapi apa yang saya hendakkan penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah bila kita sebut fardu kifayah dengan mengambil kira perkara-perkara yang kita buat, yang benar-benar untuk melihat bahawa negara kita menjadi sebuah negara yang maju tetapi ada unsur-unsur luaran di mana mereka mahu memecahbelahkan kita dengan menggunakan politik, dengan mengatakan bahawa kita tidak boleh kata politik suku, agama suku. Memang benar kita tidak pernah buat begitu, tetapi dalam keadaan kita membawa supaya masyarakat hari ini faham akan kematangan politik yang kita bawa, seperti yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Dewan hari ini. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, bagaimanakah caranya untuk kita mengajar rakyat yang ada dalam negara kita ini supaya faham ada satu-satunya perkara yang dibawa adalah semata-mata dakyah politik bukan agama dan bukan daripada segi sudut Islam yang mana dilaung-laungkan.

Bagaimana caranya untuk kita memberitahu rakyat yang bukan semuanya orang Islam, ada yang bukan Islam supaya mereka faham dan sedar bahawa setengah-setengahnya adalah semata-mata isu untuk memecahbelahkan sehingga ada perpecahan di kalangan orang Islam sendiri. Bagaimanakah caranya untuk kita mencapai satu kematangan politik yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang ini? Silakan.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Okay, terima kasih. Saya pun bukan orang politik. Walau bagaimanapun, kita sedar bahawa politik ini adalah fardu kifayah untuk kita menjaga rakyat atas kewajipan kepada kita. Jadi, kita perlu memberi kesedaran kepada pemimpin-pemimpin politik yang mana kadang-kadang sesetengah itu mengambil kesempatan menggunakan agama untuk

kekuatan diri mereka berpolitik dan ada juga menggunakan kewangan untuk menguatkan diri dia dalam politik.

Dengan itu, kita hendak supaya memperkuat diri kita, barulah kita boleh menguatkan agama ataupun kita boleh menguatkan kewangan kita. Dengan itu, kita perlu memberi penerangan supaya memberi kesedaran kepada rakyat kita kepada tanggungjawab, kewajipan dan jangan kita sentiasa nampak kesilapan dan kesalahan orang lain. Pada hal pada masa-masa ini, tidak ada pihak politik menyalah ataupun mengakui kesilapan sendiri walaupun berlaku kesilapan, mereka tidak juga menerima kesilapan, tuduhan ataupun mereka merasakan mereka itu silap.

Jadi, kalau mereka ataupun kita sedar diri kita ini, tanggungjawab kita dan kita tahu kesilapan kita, insyaAllah, maka kita akan dapat menunaikan tanggungjawab kita sebagai fardu kifayah yang dituntut oleh Allah S.W.T.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat tadi. Saya hendak menambah isu ini lagi. Kadang-kadang Yang Berhormat bila sampai pukul 4.00 petang ini, saya perhatikan Dewan lesu. Jadi, saya hendak menambahkan minat supaya kita lebih mendalami daripada segi isu ini. Saya hendak bertanya betul atau tidak kalau saya katakan bahawa orang-orang yang berpolitik adalah orang-orang yang berkepentingan dan berkepentingan macam mana?

Kalau pemimpin daripada Barisan Nasional sebenarnya sebagai contoh, kita nampak pemimpin-pemimpin ini yang benar mahu melihat rakyat ini menjadi satu rakyat yang benar-benar baik untuk mewujudkan satu tamadun bangsa yang boleh kita banggakan, untuk mencapai tahap ekonomi yang boleh kita banggakan dan umat Islam seluruh dunia banggakan dan ada juga sesetengah pemimpin yang berkepentingan hanya semata-mata untuk mencapai satu kuasa yang boleh menyebabkan mereka suatu hari nanti menggunakan kuasa ini untuk kepentingan mereka.

Untuk mencapai kuasa ini, ada juga pemimpin-pemimpin yang berselindung di belakang agama, sebagai contoh. Jadi, betul atau tidak kalau saya katakan supaya semua rakyat tahu bahawa orang-orang yang berpolitik ini adalah orang-orang yang berkepentingan. Jadi, kita mahu melihat orang-orang yang berkepentingan macam mana yang lebih baik? Adakah pemimpin seperti pemimpin daripada Barisan Nasional ataupun daripada parti-parti yang lain? Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih, Yang Berhormat. Jadi, kita sedia maklum, seseorang itu mesti ada kepentingan, sama ada kepentingan kebendaan ataupun kepentingan lain-lain. Jadi, saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Dato' Hamzah yang mana kebanyakan pemimpin pada hari ini, pada pandangan saya daripada kaca mata bukan seorang ahli politik, banyak kepentingan diri. Ini memandangkan sama ada parti pembangkang ataupun parti Barisan Nasional - bukan kata semua tetapi kebanyakan - mereka hanya menyukai ataupun berminat untuk memegang jawatan tetapi melaksanakan tugas tidak dijalankan dengan sempurna.

Bagi saya, jawatan itu tidak begitu penting. Yang penting tugas yang diamanahkan itu perlu disempurnakan. Jangan kira apa cara sekalipun. Kalau kita tidak menjalankan tugas, walau apa parti sekalipun, bererti fardu kifayah ataupun kewajipan yang diamanahkan kepada kita itu, tanggungjawab kita, maka itu adalah satu kesilapan. Yang kita hendak supaya kalau kita katalah pada masa ini, negara kita sudah adakan pilihan raya, sudah selesai semua pilihan raya, sepatutnya semua ahli politik hendaklah bersatu padu membangunkan negara untuk mendapatkan hasil yang sama-sama dinikmati dan supaya mencapai wawasan rakyat kita mendapat keamanan dan juga kestabilan politik supaya hasil ekonomi yang mantap dapat dirasai oleh semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Laluan lagi? Yang Berhormat Puan Jamilah minta laluan lagi.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Hendak? Okay, tidak ada masalah. *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk membuka mata suasana yang agak ceria, saya hendak tahu satu sahaja. Kita membincangkan masalah politik dan saya pun tidak berminat pasal kita bertanya kepada orang yang dua, tiga kali mengakui yang beliau bukan orang politik. Tetapi, oleh kerana adik saya di sebelah ini, dia mencetuskan suasana supaya memperlihatkan gambaran suasana politik berkepentingan, saya ingin quote kata-kata Yang Amat Berhormat Tok Guru Nik Aziz, Menteri Besar Kelantan.

Dia pernah mengarahkan pekerja di rumah Menteri Besar di Kelantan itu supaya masak air sendiri, kalau tidak apa guna beliau sebagai seorang pekerja, daripada membeli air mineral. Betapa cermatnya, dengan belian air mineral itu dianggap sebagai satu pembaziran. Itu bukan hendak puji tetapi makna kepentingan politik kewangan dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: **Bagi saya bukan membazir. Bukan membuat pembaziran kalau minum air mineral itu pasal kita hendak menyenangkan, mengambil masa, boleh buat kerja lain yang sepatutnya daripada memasak air itu, pasal gas dan lain-lain lagi. Jadi, kita kena gunalah nikmat-nikmat yang diberi oleh Allah S.W.T. dengan sebaik mungkin. Macam kita pergi lihat di Mekah. Kita lihat masjid begitu cantik, begitu lawa dan dikira membazir juga itu, kalau hendak dikiralah. Tetapi waaau bagaimanapun, nikmat yang Tuhan berikan, kita mesti gunakan dengan sebaik mungkin.**

Dato' Hamzah bin Zainudin: Boleh minta laluan, Yang Berhormat?

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Boleh.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya seronok bila kita mulakan perbincangan ini. Saya juga kagum kalau Tok Guru Nik Aziz tidak mahu minum air mineral ini sehinggalah masak air. Saya hendak beritahulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga kalau di dalam negara ini, kalau kita beri air mineral daripada luar negara, dia juga tidak mahu minum. Dia mahu kalau boleh air mineral yang ada daripada dalam negara. Ini menunjukkan bahawa prihatinnya dia supaya air mineral yang dikeluarkan oleh orang-orang dalam negara ini boleh dimajukan sehinggalah kalau kita teringat peristiwa semasa dia sakit jantung, ada orang suruh dia pergi luar negara buat pembedahan tetapi dia tidak mahu kerana hendak menunjukkan bahawa orang negara kita juga mampu.

Doktor negara kita juga mampu, bahawa dia berkepentingan untuk menunjukkan kepada seluruh dunia bahawa Malaysia mempunyai orang-orang yang begitu mahir, yang sanggup walaupun kadang-kadang kala, kalau kita sebagai manusia biasa untuk membedah seorang yang paling utama, paling agung dalam negara kita, mungkin menggigil juga. Tetapi atas dasar untuk menunjukkan bahawa rakyat kita Malaysia boleh dia sanggup meletakkan nyawanya walaupun dalam keadaan yang begitu sekali, untuk menunjukkan bahawa Malaysia boleh. Jadi, terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: *[Bangun]*

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Hendak lagi? Laluan lagi?. Hei ini perbincangan terus. Cukuplah. Okaylah, buatlah tidak apa.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tidak apa Yang Berhormat, sabar. Nanti akan sampai giliran dia insya-Allah. Terima kasih Dato'. Sekarang kita berbanding dua. Tempat kediaman Dr. Mahathir berapa juta? Tempat kediaman Tok Guru Nik Aziz lebih kurang kalau penilaian RM100,000 ataupun di dalam kawasan pondok itu tidak tahulah. Itu saya tolong jawab.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Ini bagi saya, tempat tinggal memanglah tempat tinggal itu untuk Perdana Menteri. Kemungkinan suatu masa saya jadi Perdana Menteri ataupun Nik Aziz jadi Perdana Menteri dia akan duduk situ juga. Jadi itu kita tidak boleh banding rumah dan sebagainya.

Sepatutnya kita mesti cubalah untuk membentuk satu arus pemikiran supaya masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini mempunyai pemikiran yang lebih terbuka dan lebih rasional untuk membuat sesuatu keputusan. Kita tidak mahu masyarakat kita akan menjadi seperti kerbau dicucuk hidung sehingga bila-bila. Jika keadaan atau suasana politik negara dapat berada pada tahap yang stabil, segala perancangan yang kita rancang dalam tempoh RRJP3 ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan licin, insyaAllah.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin pelapis perlu belajar perkara yang baik-baik daripada pemimpin yang lama, veteran. Pemimpin yang muda perlu menghormati pemimpin yang tua. Yang tua jangan sangka kita sudah makan garam dahulu maka pandangan pemimpin muda tidak diiktiraf.

Tuan Yang di-Pertua, semangat patriotik perlu ada di dalam hati setiap rakyat di negara kita ini. Sikap sambil lewa terhadap keselamatan negara perlu dikikis dan difikirkan. Kita jangan beranggapan, jika berlaku sesuatu ancaman terhadap keselamatan negara, ia adalah tugas polis dan tentera sahaja. Pemikiran ini mencerminkan betapa ceteknya kesedaran terhadap keselamatan yang ada pada kita. Kita tidak boleh mencuci tangan begitu sahaja. Apabila berlaku sesuatu insiden yang menggugat keselamatan negara kita, segala-galanya dibebankan di bahu angkatan pasukan keselamatan.

Kita sering melihat di dada akhbar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini, perbincangan tentang pasukan keselamatan negara kita dalam bermacam-macam perkara yang telah diperkatakan atau dibincangkan. Apa yang paling mustahak yang perlu kita mengambil perhatian ialah terhadap beberapa persoalan seperti berikut.

Kenapakah kerjaya pasukan keselamatan terutama sekali angkatan tentera sering menjadi pilihan terakhir kepada pemuda-pemudi negara untuk menjadikannya sebagai kerjaya utama. Sepatutnya menjadi pilihan utama kepada pemuda pada hari ini. Adakah kerana tiada pilihan lain ataupun sebagai batu loncatan atau kerja sambil menunggu sebelum mendapat tawaran lain yang lebih menarik. Adakah kerana kerjaya ini tidak mendapat pengiktirafan untuk menjamin hidup di masa hadapan.

Beberapa persoalan ini sentiasa terawang-awang tanpa dapat dijawab dengan memuaskan kerana pasti ia akan dihubungkan dengan perkara dasar ataupun memerlukan komitmen yang lebih mantap lagi daripada segenap lapisan pihak berkuasa. Jika persoalan ini tidak diberikan kata pemutusnya maka persoalan yang berikut perlu dipertimbangkan. Adakah perlu kita mempunyai angkatan tentera yang ramai, jika pemuda-pemudi negara kita tidak berminat untuk memasuki angkatan tentera dengan perlengkapan peralatan keselamatan yang canggih dan berteknologi tinggi tanpa memerlukan kekuatan tenaga yang ramai?

Apa yang diperlukan hanya anggota yang mempunyai kelayakan serta kepakaran dan benar-benar berminat dengan karier sebagai angkatan tentera. Perbanyakkan anggota pasukan sukarela di mana kekuatan mereka boleh dikerah bila-bila masa keadaan diperlukan. Ini pun tidak mendapat sambutan daripada masyarakat kita.

Tahap kesedaran dan berorientasikan keselamatan adalah sangat rendah di segenap lapisan masyarakat. Angkatan tentera perlu lebih rapat berganding dengan rakyat supaya ia boleh merasa dihargai rakyat. Wakil-wakil Rakyat boleh merealisasikan perkara itu. Bermacam-macam aktiviti boleh dibuat oleh Wakil-wakil Rakyat supaya pihak tentera dapat mendampingi rakyat dengan Wakil Rakyat dengan lebih mesra lagi.

Adalah tidak mustahil jika ada segelintir rakyat tidak mengenali angkatan tentera terutama sekali perkhidmatan-perkhidmatan yang ada di dalamnya. Kita dengar kenyataan ini seperti ianya tidak berapa mustahak yang merupakan sesuatu yang serius jika kita mengetahui apa yang ada di sekeliling kita. Sama ada ianya musuh ataupun kawan, kita boleh bekerjasama ataupun tidak. Selalu pada kebiasaannya, kita akan menjadi lebih peka terhadap sesuatu setelah kita menghadapinya. Jika tidak ianya hanyalah sebagai sesuatu yang tidak mustahak untuk diberi perhatian.

Perolehan peralatan dan kelengkapan tentera sering mendapat kritikan sesetengah pihak sama ada di dalam pasukan ataupun di luar. Kadangkala pihak tentera sering disogokkan dengan peralatan yang tidak menepati kehendak. Peralatan tersebut tidak boleh digunakan seoptimum mungkin. Pihak tentera perlu lebih tegas di mana setiap perolehan perlulah menepati kehendak keselamatan. Janganlah menerima seperti menunggu arahan. Dan jika tidak menepati penggunaan keselamatan, ia perlu dimaklumkan kepada pihak berkenaan supaya tidak berlaku pembaziran duit kerajaan iaitu duit rakyat yang juga boleh mengancam kepenggunaan sendiri. Sebagai seorang yang pakar dalam bidang tertentu mereka perlulah lebih tegas dengan kepakaran masing-masing untuk kebaikan bersama.

Jika semua pihak memastikan tahap keselamatan perlu diutamakan maka permasalahan tentang perolehan peralatan dan kelengkapan tentera tidak akan terlalu menggugatkan....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon bertanya sedikitlah kepada saudara kita. Tadi ada mengatakan kemungkinan besar peralatan-peralatan yang dibeli untuk kegunaan angkatan tentera tidak menepati kehendak yang sewajarnya, yang canggih dan *up-to-date* lah. Jadi saya ingin tahu daripada pihak Yang Berhormat, sebagai bekas perajurit, adakah ahli-ahli persatuan Yang Berhormat dipilih untuk menganggotai. Saya hendak tahu berapa orang yang menganggotai badan-badan, menjadi ahli-ahli pengarah syarikat-syarikat kepunyaan LTAT (Lembaga Tabung Angkatan Tentera) kerana di situ keupayaan daripada segi modal memang tinggi. Saya difahamkan semuanya perajurit yang tidak berpangkat pegawai menyumbang kepada Lembaga ini dan memang banyak modalnya.

Jadi kalau sekiranya ada ahli-ahli daripada bekas perajurit menganggotai syarikat-syarikat yang dipunyai oleh LTAT, adakah mereka juga diberi peluang untuk mengesyorkan kepada Kementerian tentang pembelian-pembelian peralatan-peralatan yang canggih ini kerana mereka mempunyai kepakaran dan juga amat sesuai sekalilah kalau bekas perajurit memainkan peranan ke arah itu.

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa kini ataupun yang lepas-lepas, memang tidak dilantik daripada golongan bekas tentera untuk menyertai Lembaga Pengarah mana-mana anak syarikat. Hanya mereka memberi Lembaga Pengarah kepada pegawai-pegawai tinggi yang tidak menjadi pemimpin persatuan iaitu sebagai Lembaga Pengarah dan kebanyakannya tidak memberi eksekutif. Jadi, hanya satu sahaja diberi Lembaga Pengarah iaitu PERHEBAT (Perbadanan Hal Ehwal Bekas Tentera). Dari segi kebajikan bekas-bekas tentera memang

ada. Jadi, untuk itu memanglah wajar kita lihat bahawa kita mendengar selalunya lain yang dicadangkan oleh pihak angkatan tentera pun kadang-kadang dibeli yang lain daripada yang lain pun. Memang terdapat, kebelakangan yang lepas. Itu kita tidak tahu di mana silap dan salahnya. Dengan itu, rungutan dan sungutan dari pihak-pihak tentera sering terdengar. Dan semasa saya dalam tentera dahulu, pernah membeli beberapa buah kereta kebal tetapi tidak digunakan dengan sebaik mungkin sebab tidak dapat menjalankan fungsi yang sebaiknya dan senjata-senjata ini pada masa-masa yang lama dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, selangungnya dengan itu saya ingin menyatakan kepada Dewan ini bahawa sebilangan besar anggota-anggota bekas tentera ini menghabiskan sisa-sisa hidup mereka dengan menjawat jawatan sebagai pengawal keselamatan serta sesetengahnya daripada mereka terpaksa berbuat sedemikian demi *survival*. Sesetengahnya pula kerana tidak ada pekerjaan lain setelah terkecundang dalam lapangan perniagaan kerana mereka tidak berminat ataupun tidak ada ciri perniagaan yang diceburinya.

Sekiranya dilihat dengan penelitian, rata-rata kehidupan mereka menyedihkan. Barangkali keadaan inilah yang menyebabkan timbulnya suara-suara yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin persatuan kerana kebanyakan bekas-bekas tentera ini berada dalam keadaan tidak selesa terutama bekas-bekas tentera yang bertugas semasa darurat dahulu ataupun semasa tahun 40-an dan 50-an dahulu kerana pencennya masih lagi ada yang tidak sampai kepada RM300 sebulan. Apabila mereka dalam keadaan tua, maka barulah nampak perbelanjaan mereka tidak mencukupi kerana mereka tidak dapat menjalankan pekerjaan terutama kepada mereka yang tidak ada pencen daripada kerajaan.

Jadi, saya ingin mencadangkan dalam tempoh RRJP3 ini, hasrat Persatuan Bekas Tentera Malaysia dapat membantu bekas-bekas tentera yang tergolong dalam golongan rakyat termiskin akan dapat mempunyai rumah sendiri yang lebih selesa, rumah kos rendah dan seterusnya setiap bekas tentera akan mempunyai sekurang-kurangnya sebuah rumah seorang mengikut keupayaan mereka.

Jadi, kita bukanlah hendak memohon percuma daripada pihak kerajaan. Jadi, perlu membuat sebuah rumah kos rendah yang lebih murah daripada yang lain. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan lain-lain kementerian yang berkaitan dapatlah membantu untuk hasrat persatuan untuk mencapai matlamat bekas tentera ini kerana membantu mereka bererti membantu negara kerana kalau keadaan mereka tidak tenteram maka masalah negara akan timbul.

Dalam tempoh RRJP3 ini, Kempen Hari Pahlawan tidak lagi perlu sepatutnya diadakan kerana negara kita sudah maju. Ini budaya meminta-minta derma. Sebaliknya persatuan berhasrat untuk memberi. Rakyat boleh menzahirkan sumbangan sebagai tanda ingatan dan sanjungan terhadap pengorbanan bekas-bekas angkatan tentera melalui cara lain yang lebih bermakna.

Dimaklumkan bahawa masa kini dan beberapa tahun yang lepas, setiap tahun pada 31 Julai, kita buat Kempen Hari Pahlawan untuk buat kutipan derma Hari Pahlawan untuk memperingati tamatnya darurat negara kita tetapi sambutanannya tidak begitu menggalakkan. Kadang-kadang itu alah khabar dari rupa.

Dengan itu, perlulah kita memikrkan untuk membuat sesuatu dan saya sendiri pun telah memberi cadangan pihak-pihak tertentu supaya kutipan Kempen Hari Pahlawan tidak perlu dibuat lagi, tetapi pihak kerajaan berhasrat untuk meneruskannya untuk dikenang atau diingati oleh generasi muda bahawa negara kita walaupun merdeka tanpa pertumpahan darah tetapi untuk mengisikan erti kemerdekaan memang ramai rakyat kita terkorban dan berkorban kerana pertempuran dan cacat juga ada yang meninggal dunia.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Oleh itu, pihak kerajaan perlu teruskan Kempen Hari Pahlawan ini sebagai mengenangkan jasa. Hasrat ini telah lama terpendam dan persatuan merasa sudah sampai masanya untuk kita merealisasikan hasrat tersebut. Bantuan dan sokongan daripada kerajaan adalah sangat diharapkan untuk menjayakan hasrat ini. Oleh sebab kerajaan sudah maju maka kita boleh mendapat lain-lain sumber kewangan untuk membantu bekas-bekas tentera.

Persatuan telah merangka dan memohon untuk dapat melaksanakan satu Skim Amanah Saham Pahlawan untuk membantu bekas-bekas angkatan tentera apabila mereka tamat perkhidmatan, dapat melabur di tempat yang boleh selamat. Kadangkala bekas-bekas tentera,

mereka berhenti sahaja daripada angkatan tentera, duit bonus atau ganjaran itu mereka salah labur, maka habis tidak sampai enam bulan. Maka, itu menjadi masalah.

Jadi, kita telah mencadangkan supaya Amanah Saham Pahlawan demi untuk kebaikan angkatan-angkatan tentera mahupun bekas tentera, dengan itu saya mencadangkan agar Kementerian Kewangan dapat meluluskan lesen bagi anak syarikat Persatuan Bekas Tentera Malaysia melaksanakan Skim Amanah Saham tersebut dan pada masa kini sedang dalam proses terakhir untuk memohon kepada Kementerian Kewangan.

Kita sedia maklum bahawa kerjaya dalam tentera ini memerlukan banyak perpindahan mengikut keperluan perkhidmatan. Perpindahan ini juga menimbulkan masalah kepada anggota yang telah berkeluarga. Masalah yang timbul bukan sahaja kepada isteri-isteri yang bekerja, masalah yang paling ketara ialah persekolahan anak-anak. Mereka akan menjadi pelapis kepada rakyat negara ini. Jika sering berpindah dan penumpuan terhadap pembelajaran tidak dapat diberikan, maka kepintaran mereka tidak dapat kita gilapkan.

Keprihatinan kerajaan terhadap permasalahan ini tidak dapat disangkal kerana Kementerian Pendidikan telah menyediakan beberapa sekolah berasrama penuh untuk mengurangkan masalah ini. Keutamaan ini diberi kepada anak-anak angkatan tentera yang sedang berkhidmat. Anak-anak bekas tentera tidak dapat diberi keutamaan kerana kurang tempat untuk menampung anak-anak bekas tentera yang tidak berpeluang mendapat tempat di IPT kerana tidak mendapat keutamaan setelah bapa mereka berhenti daripada perkhidmatan mereka, sedangkan kita perlu menjaga anak-anak ini supaya bapa-bapa atau bekas-bekas tentera sentiasa memberi rangsangan kepada anak-anak mereka supaya menyertai pasukan keselamatan. Kalau tidak keturunan daripada tentera sendiri, anak siapa akan menjadi tentera di masa akan datang nanti?

Saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pendidikan dapat mengadakan penubuhan kolej untuk anak-anak bekas tentera dan diberi biasiswa untuk mengenang jasa bapanya kepada negara.

Persatuan sangat menyokong agar Angkatan Tentera dibekalkan dengan peralatan dan kelengkapan yang moden dan canggih untuk kegunaan pertahanan negara terutama sekali Angkatan Tentera Darat semoga dapat perolehan dan penggunaan peralatan-peralatan tersebut dapat menarik minat pemuda-pemudi negara memilih kerjaya tentera sebagai pilihan utama. Dengan kelengkapan seperti ini Angkatan Tentera tidak perlu bergantung kepada kuantiti tetapi ia dapat diseimbangkan dengan kualiti.

Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Bekas Tentera Malaysia sangat berharap dan mencadangkan kepada Kementerian Pertahanan agar peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi yang ada sekarang diperluaskan dan digalakkan untuk semua peringkat. Dengan itu, Angkatan Tentera akan mempunyai anggota yang mempunyai pendidikan yang tinggi dan disegani. Kita akan mundur sekiranya Angkatan Tentera kita masih dengan konsep yang lama iaitu mempunyai anggota yang kurang pendidikan kerana anggota tentera memerlukan tenaga dan bukannya fikiran.

Bagi anggota bawahan mereka perlu patuh, taat dan patuh kepada ketuanya. Perasaan takut perlu ditukar kepada kesetiaan kerana perasaan ini akan berterusan setelah tamat perkhidmatan mereka kelak. Dengan itu, wajarlah disiplin mesra perlu diperkenalkan di antara pemimpin-pemimpin Angkatan Tentera dengan anggota-anggota yang dipimpin.

Persatuan sedang berusaha untuk menu buhkan syarikat kawalan keselamatan yang terdiri daripada bekas-bekas angkatan tentera yang tidak mempunyai kemahiran dan kepakaran tertentu, sama ada di dalam perkhidmatan mereka hanya semasa perkhidmatan mereka sebagai *rifle troops* sahaja. Dengan cara ini kepentingan mereka lebih terjamin kerana mereka bekerja dengan syarikat-syarikat di bawah kelolaan syarikat kepunyaan persatuan dan demi dapat memahami permasalahan mereka dengan lebih jelas, kami berharap akan dapat memberikan perhatian kawalan keselamatan terhadap sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan.

Dengan ini saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri dapat meluluskan untuk syarikat kawalan keselamatan dan juga berbentuk polis bantuan kepada anak syarikat Persatuan Bekas Tentera Malaysia. Kementerian Kewangan dapat menswastakan kawalan keselamatan sekolah-sekolah kepada anak syarikat Persatuan Bekas Tentera Malaysia yang dipunyai oleh Persatuan.

Dengan cara ini dapat memberi pekerjaan kepada ramai bekas-bekas tentera dan dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik serta berdisiplin untuk kepentingan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, PBTM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas keprihatinan beliau menyarankan agar bekas-bekas tentera yang memperlihatkan kesungguhannya dalam perniagaan diberi peluang yang lebih luas. Kenyataan pada 14 Mei 2001 di Putrajaya baru-baru ini amat bermakna kepada persatuan ini kerana selama ini kita sememangnya mengharapkan kesungguhan pihak kerajaan dalam membantu mempertingkatkan taraf hidup anggota bekas angkatan tentera keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini yang bersedia mendengar dengan penuh tanggungjawab dan prihatin terhadap pernyataan saya dalam Dewan yang mulia ini demi kestabilan dan keharmonian negara. Kita akan terus memberi komitmen tanpa berbelah bagi kepada sebarang usaha kerajaan dan agensi-agensi lain demi pembangunan negara yang tercinta ini.

Dengan itu Persatuan Bekas Tentera Malaysia yang mempunyai ahli lebih daripada 200,000 keluarga akan memberi sokongan penuh kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat teramai pada masa kini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong RRJP3. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Nor Azah binti Awin.

4.10 ptg.

Datuk Nor Azah binti Awin: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang untuk saya membahaskan Usul Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan syabas dan ucapan tahniah kepada pemimpin yang kita kasihi iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan juga pihak kerajaan yang telah membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), dengan izin, our country's development plan iaitu hala tuju pembangunan serta pemangkin, dengan izin, catalyst kepada ekonomi negara dalam jangka masa sepuluh tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini adalah merupakan satu perancangan jangka panjang ekonomi negara kita di alaf baru yang secara keseluruhannya menekankan kepada pengetahuan, dengan izin, knowledge atau keekonomi dan juga kreativiti dan inovasi yang merupakan kunci penentu kejayaan kepada daya saing sesebuah negara dalam jangka masa yang panjang.

Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini tidak boleh dianggap sebagai satu perancangan biasa dan tidak boleh disamakan dengan perancangan-perancangan sebelumnya. RRJP3 ini memerlukan satu penelitian, anjakan paradigma, atau dengan izin, paradigm shift dari segala sudut bagi memastikan peningkatan pertumbuhan ekonomi negara agar sentiasa dapat bersaing dan akan sentiasa relevan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, secara yang lebih spesifik saya menganggapkan RRJP3 ini sebagai satu perancangan yang mantap dan saya tidak fikir banyak negara-negara membangun di dunia ini yang mempunyai perancangan yang sedemikian rupa. Kita ada draw plan untuk sepuluh tahun yang kita panggil RRJP3 ataupun Rangka Rancangan Jangka Panjang. Kita juga ada lima tahun perancangan seperti Rancangan Malaysia Ketujuh, malahan Rancangan Malaysia Kelapan akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada minggu hadapan.

Antara aspek yang penting dalam Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini ialah bagaimana negara kita boleh mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang positif di samping kadar inflasi yang rendah. Dalam rancangan ini, KDNK atau dengan izin, *Gross National Product* negara kita secara perancangan ataupun pertumbuhan ekonomi negara akan berkembang pada kadar 7.5% pada harga sebenar, *in real terms*, dengan izin, setelah mengambil kira ramalan pertumbuhan ekonomi dunia serta tabungan dan pelaburan dalam negara kita. Jangkaan pertumbuhan sedemikian rupa dengan kadar inflasi yang rendah amat menggembirakan rakyat Malaysia.

Saya yakin dengan kerjasama semua pihak dan seluruh rakyat Malaysia kita akan mampu mencapai ramalan di atas insyaAllah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat beberapa pemerhatian atau dengan izin, *observations* dan cadangan-cadangan di Dewan yang mulia ini, berkait dengan pelaksanaan ataupun implementasi kepada Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang sektor korporat. Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini ada digariskan bahawa syarikat-syarikat Malaysia perlu berfikir secara global dan melihat lebih jauh daripada pasaran dalam negeri. Tujuannya ialah untuk mewujudkan syarikat-syarikat Malaysia dan juga syarikat-syarikat awam Malaysia menjadi *world class companies*, dengan izin, ataupun syarikat bertaraf dunia.

Dalam tempoh Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini, tumpuan akan diberikan kepada pembangunan syarikat Malaysia yang bertaraf dunia, yang boleh menjadi contoh ikutan bagi syarikat-syarikat Malaysia yang lain untuk mencapai kecemerlangan. Ini juga satu langkah persiapan awal negara kita untuk menghadapi gelombang globalisasi dan persaingan antarabangsa yang semakin mencabar.

Syarikat-syarikat perniagaan Malaysia mestilah mengambil pendekatan, *think global*, dengan izin, dan tidak berfikir *insular* ataupun *inward looking* dengan izin. Persaingan kuat sudah mula dirasakan di merata dunia sekarang dan syarikat-syarikat Malaysia haruslah bersiap sedia untuk menghadapi segala cabaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencadangkan langkah-langkah berikut, bagaimana Malaysia boleh membina *world class companies*.

Pertama konglomerat Malaysia seperti Petronas dan Proton harus menjadi, dengan izin, the leading companies ke arah memandu untuk mewujudkan lebih banyak world class companies dalam negara kita. Pencapaian Petronas dirakamkan dalam usaha mencari minyak di luar negara seperti di Sudan, di Vietnam, Iran dan banyak lagi negaranegara yang lain.

Kita tahu kita ada *expertise*, dengan izin, yang cukup dan telah dibina sejak 26 tahun yang lalu. Kita harus memanfaatkan kepakaran ini di luar negara yang tentunya memberikan pulangan yang lumayan kepada negara kita di samping menjana pulangan daripada segi mata wang asing dan seterusnya mempelbagaikan elemen risiko daripada segi keuntungan.

Pelaburan Petronas di Sudan misalnya akan memberikan pulangan yang baik. Proton juga harus mengikut jejak langkah ini. Proton harus mencari rakan kongsi strategik di luar negara, Proton tidak mungkin dapat bersaing sekiranya Proton terus berfikir *insular* atau *inward looking*, dengan izin.

Di bidang industri sokongan pula, seperti pengeluaran komponen automobil, Proton mesti mampu memandu vendor-vendornya untuk melabur di kawasan-kawasan atau negara yang *cost production* nya atau kos pengeluarannya adalah rendah. Tidak ada guna Proton untuk terus bertahan sebagai industri tempatan sekiranya kereta pengeluaran Proton tidak mampu bersaing di pasaran antarabangsa.

Sebagai permulaan, langkah ini patut diambil dalam konteks ASEAN dan seterusnya global melalui perkongsian bestari atau *smart partnership*, dengan izin. Kita juga perlu akui bahawa syarikat-syarikat automatik dari Amerika telah bertapak di Thailand dan telah bersedia untuk secara automatik memasarkan keluaran mereka sebagai keluaran ASEAN.

Syarikat-syarikat perniagaan di Malaysia juga perlu melengkapkan organisasi dan pengurusan mereka dengan kaedah terkini dalam pengurusan ICT untuk menjadi *world class companies*. Syarikat-syarikat tempatan mesti melengkapkan juga pekerja mereka dengan pengetahuan yang tinggi dan pengurusan syarikat-syarikat ini mestilah berdasarkan sistem pengurusan *based on knowledge*, dengan izin. Tanpa elemen-elemen ini syarikat-syarikat tidak mampu untuk menjadi, dengan izin, *world class companies*.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua, di bawah sektor korporat yang saya hendak sentuh ialah berhubung dengan *corporate governance* ataupun ketelusan korporat.

Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga juga menggariskan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengukuhkan penyeliaan korporat di syarikat-syarikat awam yang disenaraikan. Saya nampak ada kesungguhan di pihak kerajaan untuk melaksanakan langkah-langkah ini. Kita ada tatacara pengendalian korporat yang telah diterima pakai untuk mewujudkan pengurusan yang lebih kukuh, lebih bertanggungjawab, telus selaras dengan amalan dunia yang terbaik.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE), Bursa Saham Kuala Lumpur dan Suruhanjaya Sekuriti yang telah mula mengaturkan beberapa program pendedahan dan seminar untuk ahli-ahli lembaga pengarah syarikat-syarikat awam yang disenaraikan.

Tuan Yang di-Pertua, di waktu yang sama, saya juga melihat pentingnya *corporate governance* ini dilaksanakan di syarikat-syarikat awam yang tidak disenaraikan di pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menarik perhatian tentang badan-badan berkanun yang lain seperti EPF dan Tabung Haji.

Saya merasakan tidak ada salahnya kedua-duanya badan berkanun ini melaporkan tentang prestasi mereka dan menyatakan sama ada pelaburan yang dibuat memperoleh keuntungan atau kerugian. Kita tidak perlu takut melaporkan kerugian kerana tidak semua, kita semua tahu tidak semua pelaburan perniagaan itu menjamin keuntungan.

Saya ambil contoh, KWSP atau EPF yang mana prestasi yang dilalui amat membanggakan. Kalau kita lihat daripada jumlah caruman yang terkumpul pada tahun 1999, RM163.9 bilion manakala tahun 2000 telah meningkat sebanyak 10.2% menjadi RM180.6 bilion.

Jumlah caruman tahunan pula kalau dilihat pada tahun 1999 – RM15.2 bilion dan pada tahun 2000 – RM17.4 bilion. Ini juga meningkat sebanyak 12.2%. Daripada segi aset terkumpul KWSP - RM184.9 bilion tahun 2000 dan kadar dividen dibayar ialah 6%. Dan kita ketahui ini telah menjadi isu kenapa ia hanya dibayar sebanyak 6%.

Kalau dilihat kadar dividen ini pertamanya, ianya lebih baik daripada kadar simpanan tetap bank sebanyak 3% dan keduanya, tidak banyak syarikat awam sekarang yang tersenarai di Bursa Saham mampu membayar dividen sebanyak itu.

Jadi, apa salahnya dengan KWSP? Saya kira tidak ada salahnya bagi kerajaan ataupun pihak KWSP melaburkan *portfolio investment* mereka. Ambil sahaja contoh pelaburan. Pelaburan KWSP sebahagian besarnya adalah dalam sekuriti kerajaan yang dijamin oleh kerajaan. Saya tidak nampak ada kepincangan dalam pengurusan dana KWSP itu dan saya merasakan maklumat-maklumat ini perlu diberitahu kepada pihak orang awam ataupun *public*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga berkenaan Tabung Haji. Jumlah deposit terkumpul tahun 2000 – RM4.6 bilion berbanding dengan tahun 1999 sebanyak RM3.4 bilion meningkat sebanyak 33.6% tetapi dividen kepada pencarumnya turun sebanyak 5.5%. Masalah yang timbul kerana kurangnya pulangan daripada pendapatan kelapa sawit tetapi masih tinggi jika dibandingkan dengan kadar simpanan tetap di bank sebanyak 3%.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya nampak penting maklumat-maklumat atau *accurate information*, dengan izin, ini dimaklumkan untuk mengelakkan salah tafsir yang boleh menimbulkan pelbagai andaian yang akhirnya akan dieksploitasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya menyentuh perkembangan dalam sektor pembangunan sumber manusia. Salah satu daripada perancangan strategi di bawah Rancangan Jangka Panjang Ketiga ialah memperkukuh sumber manusia. Ini adalah kerana keupayaan serta kemampuan menerima serta menggunakan pengetahuan dan teknologi baru adalah bergantung kepada kualiti atau mutu sumber manusia.

Oleh yang demikian, Malaysia hendaklah membentuk guna tenaga, dengan izin, yang *competent*, berdisiplin, berkemahiran tinggi dengan sifat-sifat beretika, nilai moral yang tinggi serta beriltizam ke arah kecemerlangan negara.

Untuk menghadapi cabaran globalisasi, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga telah menggariskan rakyat Malaysia mestilah mempunyai dasar pendidikan dan latihan yang padu dan memiliki kepelbagaian kemahiran termasuk keupayaan berkomunikasi dan berbahasa.

Sehubungan dengan ini, saya ingin mengesyorkan kepada kerajaan supaya mengadakan program latihan semula atau, dengan izin, *retraining* untuk semua pekerja baik di sektor swasta mahupun di sektor kerajaan.

Seperti yang dicadangkan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, pembangunan sumber manusia di Malaysia tidak boleh beroperasi dalam paradigma yang lama. Ini memerlukan penukaran set minda yang baru kerana set minda paradigma di alaf baru memerlukan guna tenaga bukan sahaja berkemahiran tinggi dan juga guna tenaga yang berpengetahuan, tetapi malahan yang mempelbagai dari semua segi.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pendidikan. Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini juga telah mencadangkan supaya sistem pendidikan negara perlu diorientasikan semula seiring dengan k-ekonomi dan latihan perlu diubah, industri mestilah secara intensif, melatih semula pekerja-pekerja supaya dapat mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran serta kreativiti setanding dengan kemajuan teknologi di dalam sektor pengeluaran dan juga perkhidmatan. Ini bermakna guna tenaga di peringkat institusi pengajian tinggi adalah amat penting kerana ia adalah merupakan, dengan izin, *critical drive* kepada ekonomi yang berdasarkan pengetahuan.

Peratusan guna tenaga di Malaysia yang mendapat pendidikan tinggi masih lagi rendah iaitu kira-kira 13.9% sahaja yang enrolled di peringkat universiti jika dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara newly industrialized economy (NIE) dengan izin, seperti Korea misalnya ialah 48%, Singapura 38% dan Australia 42%. Dalam tahun 1993 umpamanya Malaysia hanyalah 25% sahaja *enrolment* di peringkat universiti jika dibandingkan dengan negaranegara NIE yang lain.

Selain daripada perkara-perkara di atas apa yang berlaku kini ialah pencapaian enrolment di institusi pengajian tinggi untuk kursus-kursus di peringkat sajana muda adalah lebih kepada kursus-kursus Sastera, bukannya Sains, walaupun kita tahu kursus Sastera itu juga adalah penting dalam konteks ekonomi berdasarkan pengetahuan, tetapi untuk membentuk guna tenaga saintifik dan teknikal yang tinggi, maka *enrolment* di bidang sains dan teknologi diperlukan. Jika dilihat di bidang sains dan teknologi umpamanya hanyalah 31% sahaja daripada jumlah besar *enrolment* dalam tahun 1999. Antara sebabnya ialah terdapat *enrolment* aliran sains yang rendah di sekolah menengah iaitu 25.7% sahaja daripada jumlah besar pelajar menengah pada tahun 1998, satu angka yang di bawah target atau gol OPP2.

Dalam OPP2 ratio kita, dengan izin, ialah untuk mendapatkan 60 kepada 40 pelajar Sains kepada Sastera iaitu ratio Sains:Sastera ialah 60:40. Saya kira ini adalah satu cabaran dalam OPP3 yang kita mesti perbaiki peratusan ini. Kalau tidak, kita tidak akan dapat melahirkan pekerja-pekerja yang mahir (*skilled workers*) dalam negara ini.

Saya juga ingin mencadangkan supaya universiti-universiti awam mestilah terus menambahkan kemasukan pelajar di bidang sains dan teknologi serta menggalakkan masyarakat muda Malaysia cenderung ke arah sains dan teknologi. Keadaan ini adalah kritikal memandangkan hasrat kita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan dinamik, insentif-insentif seperti pemberian biasiswa yang tinggi, penstrukturan semula universiti-universiti tempatan ke arah pengkhususan di bidang sains dan teknologi serta mengkaji sistem pendidikan yang sedia ada adalah di antara cadangan-cadangan yang boleh dimajukan kepada pihak kerajaan.

Universiti-universiti dan pusat-pusat pengajian tinggi juga harus dilihat bukan sahaja sebagai tempat pengeluaran guna tenaga yang berkemahiran serta berpengetahuan seiring dengan k-ekonomi, tetapi juga pusat-pusat untuk membentuk dan mencipta modal intelektual ataupun, dengan izin, *intellectual properties* dan ilmu-ilmu yang baru yang berinovatif.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian saya mohon menyokong dan berdoa agar apa yang kita cita-citakan dalam OPP3 ini berjaya, insyaAllah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Puan Jamilah.

4.30 ptg.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya. Kalau dari Melaka membawa pantun, kalau dari PAS membawa maksud lembaran Al Quran. Dalam Surah An-Nisa' ayat 61 dan 63 yang bermakna, "Apabila dikatakan kepada mereka, marilah kamu tunduk kepada hukum-hukum Allah yang telah diturunkan dan kepada hukum-hukum Rasul, nescaya kamu lihat orang-orang munafik menghalanginya dengan sekuat-kuat dari mendekati kamu." "Kamu" di sini ialah Nabi Muhamad S.A.W. "Maka bagaimanakah halnya apabila mereka ditimpa satu bahaya iaitu musibah disebabkan perbuatan dari tangan-tangan mereka sendiri, kemudian mereka datang kepadamu sambil bersumpah 'Demi Allah, kami sekali-kali tidak menghendaki selain daripada penyelesaian yang baik dan perdamaian yang sempurna'. Mereka itu adalah orang-orang yang Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati mereka, kerana itu berpalinglah kamu kepada mereka dan berilah mereka kesedaran dan nasihat yang berkesan mudah-mudahan untuk mengubah apa yang ada dalam hati mereka."

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga semenjak tahun 1998 lagi negara kita telah melaksanakan dasar penswastaan. Tujuan dasar ini ialah meningkatkan kecekapan syarikat-syarikat yang diswastakan agar ianya dapat dimanfaatkan, dapat dirasai melalui

perkhidmatan yang berkualiti dengan kos penawaran yang mampu untuk dibayar oleh rakyat teramai. Melalui dasar ini juga kerajaan berharap agar bebanan ke atas rakyat dapat dikurangkan melalui pengurangan bebanan belanjawan awam.

Berdasarkan kepada beberapa petunjuk secara amnya memanglah dasar ini telah meningkatkan kecekapan syarikat-syarikat swasta, namun realitinya rakyat terpaksa pula membayar harga yang jauh lebih tinggi untuk pelbagai perkhidmatan yang telah diswastakan. Terdapat juga kos perkhidmatan yang masih mahal dan membebankan khususnya golongan miskin. Semua ini berlaku lantaran tiadanya sekatan ke atas monopoli penawaran perkhidmatan oleh syarikat-syarikat tertentu, di samping kos perkhidmatan, kos operasi dan kos pembinaan yang lebih tinggi. Saya juga ingin penjelasan sejauh manakah kawalan dapat diadakan bagi memastikan dasar ini tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu yang menjadikan alat-alat untuk memperkayakan kroni dan kaum kerabat.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, para pengguna terpaksa membayar harga bukan setakat mengikut penentuan harga pasaran sebenar tetapi dengan harga monopoli yang biasanya jauh lebih tinggi berbanding harga di pasaran persaingan bebas. Kerajaan seharusnya mengambil berat melindungi kepentingan para pengguna daripada ancaman-ancaman kuasa monopoli ini. Kita juga mengharapkan agar keberkesanan badan-badan yang telah ditubuhkan oleh kerajaan untuk melindungi kepentingan para pengguna seperti CUEPACS dan CAP dan lain-lain lagi dapat dipertingkatkan pada masa-masa yang akan datang di samping pendidikan kepenggunaan yang menyeluruh kepada para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan yang bertanggungjawab tentang sejauh manakah dan bagaimanakah dasar ini dapat memberikan kebaikan kepada golongan rakyat miskin dan apakah peranannya dalam mempertingkatkan penyertaan kaum bumiputera dalam sektor korporat. Dalam kesempatan ini juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan masalah sosial negara yang semakin ketara dan kurang mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Status kemiskinan rakyat dalam negara yang kini melangkah ke arah negara industri maju sebenarnya amat membimbangkan bagi pihak yang hanya dikelilingi oleh kemewahan dan kesenangan mungkin kurang disedari akan realiti senarionya. Kesan kemiskinan yang ingin saya kemukakan ini sebenarnya ialah masalah setinggan yang berpunca daripada berbagai-bagai faktor yang telah mengakibatkan berbagai-bagai warna bentuk rakyat dan landskap persekitaran negara. Memandangkan Yang Berhormat Menteri telah pun memberi jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa masalah setinggan akan selesai menjelang tahun 2005 maka saya tidak akan mengemukakan data dan fakta berkaitan masalah tersebut.

Walau bagaimanapun, suka saya mencadangkan agar beberapa masalah yang wujud akibat wujudnya setinggan ini seperti masalah kebakaran, kebersihan, kesihatan, sosial, sampah, tandas, kesesakan banjir kilat, jenayah penagihan dadah, bekalan air bersih dan bekalan elektrik mestilah terus dipantau dan diatasi secara bersungguh-sungguh.

Di samping itu, saya ingin memberi peringatan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar terus berusaha memperbanyakkan pembinaan perumahan kos rendah memandangkan ianya mampu dimiliki oleh rakyat terbawah. Kita tidak mahu mendengar ataupun mendapat tahu bahawa kerajaan lebih mengutamakan dan memberatkan keuntungan dalam hal penyediaan kemudahan kepada rakyat jelata.

Dalam hal ini kerajaan sewajarnya mengutamakan kebajikan rakyat apatah lagi kedudukan rumah sebagai salah satu keperluan asas seluruh umat manusia tidak kira di mana jua ataupun apakah bangsa, warna kulit, ideologi dan budaya hidupnya, bahkan haiwan yang tidak punya akal pun memerlukan tempat untuk perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengalu-alukan usaha kerajaan dalam menegakkan beberapa aspek seperti produktiviti dan ekonomi yang berasaskan pengetahuan, apatah lagi semuanya ini amat berpadanan dengan sinonim dan usaha pembangunan ICT iaitu teknologi maklumat dan komunikasi yang merupakan tonggak dalam pencapaian ekonomi negara alaf baru.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: *[Bangun]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: Selain daripada itu dikatakan perluasan infrastruktur ICT akan diberi keutamaan bagi membolehkan capaian kepada maklumat dan pengetahuan yang seimbang di samping usaha

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Jamilah diminta

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Minta laluan, bukan masalah hendak tanya Yang Berhormat tetapi saya hendak Tuan Yang di-Pertua, kuorum kita berapa orang? 10 kah tidak silap saya, kita memerlukan empat, lima orang lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita minta yang ada di luar itu, jemput masuk ke dalam supaya kita dapat memenuhi kuorum kita.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti sebentar, kita bunyikan loceng sekejap.

[Loceng dibunyikan]

[Ahli-ahli dikira: Lebih 10 Ahli hadir]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih saya kepada Yang Berhormat Tuan Haji Rosli atas kesedaran kuorum tadi. Dijemput Yang Berhormat Puan Jamilah menyambung.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Iaitu pencapaian kepada maklumat dan pengetahuan yang seimbang, di samping usaha merapatkan jurang digital di antara pelbagai bahagian masyarakat.

Seterusnya saya juga menyambut baik usaha kerajaan untuk memastikan kemudahan infrastruktur telekomunikasi ini diperluaskan ke seluruh negara dalam usaha mencapai jalinan yang menyeluruh. Walau bagaimanapun, sehingga kini usaha penyebaran ICT ke kawasan luar bandar khususnya kepada golongan yang kurang menikmati faedah pembangunan iaitu orang-orang miskin adalah masih berada di tahap yang agak lemah.

Sehubungan dengan itu, saya juga mengharapkan agar objektif kerajaan melalui semua agensi yang ada untuk melaksanakan Pelan Strategik Teknologi Maklumat, dengan *zin*, *Information Technology Strategic Plan (ITSP)* bagi memastikan pendekatan yang terselaraskan di dalam Program Pengkomputeran merangkumi setiap peringkat negara, negeri dan daerah dapat diimplementasikan dan bukan hanya 'indah khabar dari rupa' atau di atas kertas semata-mata. Apatah lagi usaha kerajaan sebelum ini dalam mewujudkan *e-government*, pentadbiran berasaskan elektronik ataupun *paperless management* ataupun pengurusan tanpa banyak menggunakan kertas masih belum mampu dibuktikan kejayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan kemampuan rakyat Malaysia tetapi saya musykilkan ianya kesungguhan di dalam menjayakan sesuatu agenda pembangunan negara. Sehingga kini kita masih belum dapat melihat akan kejayaan hasil daripada pelaksanaan Aplikasi Perdana Gelombang Pertama Koridor Raya Multimedia iaitu MSC. Meskipun kerajaan bersungguh-sungguh untuk membangunkan Malaysia sebagai *hub* ICT dan multimedia dunia tetapi sehingga kini kita melihat keterbatasan dalam penggunaan dan "pengimplementasian" IT itu tersendiri, bahkan kita tidak dapat menyatakan sejauh mana kejayaan MSC dan sejauh mana peranannya dalam membantu pembangunan negara keseluruhannya.

Malangnya, dalam dunia ICT yang serba bangga ini kita masih sukar untuk mendapat maklumat seperti contohnya berkaitan dengan sidang Dewan Undangan Negeri masing-masing, saya difahamkan *Hansard* persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) hanya akan diperolehi dalam tempoh lebih kurang tiga bulan selepas tarikh persidangan. Walau bagaimanapun, Alhamdulillah, kini saya dapati *website* Parlimen Malaysia sekurang-kurangnya sudah semakin *up-to-date* dengan izin, jika dibandingkan dengan tahun 2000 yang lepas.

Namun, saya masih tertanya mengapa *website* beberapa kementerian masih lagi ketinggalan, demikian juga halnya dengan beberapa jabatan kerajaan seperti Bahagian Perangkaan Penduduk Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan banyak lagi tidak pun menampakkan usaha memartabatkan penggunaan ICT. Ini sudah tentu menimbulkan keraguan ramai. Banyak pihak yang bertanya dalam soal pengamalan dan pembedayaan ICT dalam pentadbiran negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, lebih mencemaskan kita apabila Pusat ICT Negara di Cyberjaya kini lebih terkenal sebagai Pusat Pembangunan Hartanah dan bukan Pusat IT. Justeru itu, saya meminta Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab untuk menjelaskan hal ini kepada Dewan yang mulia ini akan status dan perkembangan projek MSC sehingga kini.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soal pendidikan pula, suka saya mencadangkan agar kurikulum pendidikan negara dapat diintegrasikan di antara keperluan akademik dan pendidikan keagamaan, bahkan dalam sidang Dewan pada kali ini sejak awal-awal lagi rakan-rakan kita Yang Berhormat dari kalangan setiakawan dan rakan sekawan turut menekankan akan kepentingan

pendidikan dan nilai-nilai keagamaan diserapkan di dalam setiap topik pengajaran dan pembelajaran. Dengan ringkasnya kita mengimbangkan antara integrasi kaum itu dapat dimaju dan dapat dibangunkan selari dengan nilai-nilai personaliti dan sainsiah juga agama.

Bagi umat Islam kita mendambakan lahirnya generasi dalam praktis kepada Islam itu sendiri seperti mana saya beri contoh di sini, sebagai seorang doktor dengan profesionnya apabila mereka – doktor Islam yang saya maksudkan - untuk praktis Islam itu sendiri apabila bertemu dengan klien ataupun pesakitnya iaitu apabila seseorang pesakit itu hampir-hampir waktu nazaknya dan ajalnya, maka doktor itu sedar akan hakikat profesionnya dan terus mereka ini akan mengajar, menutupkan ajal itu dengan kalimah Lailahailallah Muhammaddur Rasulullah.

Jadi, begitu juga dengan profesion-profesion yang lain, yang insyaAllah akan menyedari hakikat, firman Allah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Sesungguhnya Allah tidak beri ilmu pengetahuan kepada hamba-hambanya begitu banyak, hanya sedikit sahaja supaya akan kita melahirkan generasi intelektual negara, tidak bangga dengan profesion tetapi mereka adalah tunduk dan menjadi manusia yang bertakwa supaya mereka dapat melaksanakan tugas mereka dalam bidang masing-masing dengan amanah, telus, *transparent*, bertakwa dan bertanggungjawab kepada rakyat, bertanggungjawab kepada Allah.

Dan, akhirnya saya turut gembira apabila dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini jadi, apabila ada tersebut di sana bahawa pendidikan untuk sepanjang hayat ataupun pendidikan berterusan – maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti ayat itu – dan inilah di antara cadangan yang pernah saya kemukakan di dalam Dewan ini setelah kita melihat ramai daripada kalangan-kalangan orang-orang kita yang pencen, kadang-kadang tidak tahu hendak buat apa di rumah, jadi mereka tubuh pula persatuan orang pencen dan masa yang mereka ada terbuang banyak di kedai-kedai kopi ataupun di warung-warung roti canai.

Jadi, kalau wujudnya pendidikan sepanjang hayat, pendidikan berkelangsungan ini, maka ini adalah merupakan satu peluang kepada warga tua yang masih mempunyai iltizam dan komitmen yang tinggi untuk mereka kembali ke kuliah-kuliah dan mereka dapat mengikuti ilmu pengetahuan di kampus, menjadikan mereka ini akan ceria jiwa, di mana di bilik-bilik kuliah ini mereka akan merasai bahawa secara kejiwaan, umur mereka dalam ingatan yang mereka dahulu masa muda, 30 tahun dahulu mereka berada di kampus dan di bilik kuliah. Ini merupakan satu hasrat kerajaan yang cukup baik – peluang kepada kita. Cuma yang saya ingin tahu di sini, bagaimana yurannya?

Jadi, saya mengharapkan kepada pihak Kementerian Pendidikan mempertimbangkan soal yuran dan pembayaran. Mudah-mudahan dengan galakan dan semangat ini, insyaAllah, warga tua yang mempunyai asas ilmu pengetahuan dan mereka mempunyai satu komitmen yang tinggi, kita dapat beramai-ramai masuk, berada di dalam kuliah bersama dengan anak mereka. Dan inilah apa yang telah dilakukan di Amerika Syarikat dan juga di United Kingdom.

Jadi, ini satu inspirasi baru kepada warga macam saya dan juga sahabat-sahabat saya di sini, kita boleh menyambung pelajaran kita. Dengan pendidikan inilah, dengan perkembangan perubahan zaman inilah, kita akan dapat membentuk kembali minda kepada ketamadunan Islam yang dikehendaki bahawa kemuliaan manusia itu terletak pada ilmu pengetahuan.

Jadi, saya rasa pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sokong Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan.

4.49 ptg.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya diizinkan Allah dengan perkenan Tuan Yang di-Pertua untuk sama-sama memberi pandangan dalam perbahasan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada sebelah pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan kerana telah dapat menyediakan satu rancangan jangka panjang sebagaimana biasa, yang merupakan satu daripada kerangka untuk menyediakan hala tuju baru selepas kita melalui beberapa proses dasar pembangunan ekonomi yang telah disediakan oleh kerajaan bermula dengan Dasar Ekonomi Baru dan diikuti oleh dengan Dasar Pembangunan Nasional dengan pendekatan beberapa dimensi yang telah ditekankan oleh kerajaan sebelum ini.

Di dalam Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN), kita dapati dimensi yang meletakkan perjuangan untuk membasmi kemiskinan rakyat telah ditekankan oleh kerajaan. Dan,

di bawah DPN juga kerajaan menekankan masalah penyertaan bumiputera bukan sahaja dalam bidang pekerjaan tetapi juga dalam melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera dengan menyediakan program-program sampingan seperti menyediakan program kelas menengah Melayu.

Dan, yang ketiganya ialah dengan cara menyusun aktiviti dan gerak kerja syarikat-syarikat swasta dengan menyediakan kemahiran dalam sumber manusia di dalam membangunkan dan menterjemah Dasar Pembangunan Nasional.

Jadi, dalam rancangan ini, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini yang akan bermula pada tahun ini dan akan berakhir pada tahun 2010, kita menjangkakan bahawa ianya akan melibatkan dua rancangan jangka pendek di dalamnya iaitu Rancangan Malaysia Ketujuh, Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, proses pembangunan negara kita telah bermula selepas kita merdeka dan pacuan kepada kekuatan pembangunan negara melalui beberapa dasar-dasar jangka pendek dan jangka panjang negara, telah melahirkan suasana yang sebegini di negara kita. Dan, sama ada kita setuju atau tidak setuju, inilah hakikat bahawa negara kita merupakan negara membangun ketiga yang satu-satunya merupakan negara yang paling maju kalau dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, proses membina negara ini telah dilalui kerana komitmen parti-parti pemerintah kerajaan dan juga kerana ada kesesuaian daripada segi membangunkan negara kita melalui perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan, kemakmuran dan juga keharmonian kaum yang telah kita bina melalui beberapa dasar sebelum ini.

Dan, sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam ucapan tadi, di akhir ucapan beliau tadi telah meletakkan asas, tanpa perpaduan kaum, keharmonian dan kemakmuran negara kita, tidak mungkin rancangan ini akan bertemu ataupun dapat menepati sasaran dan juga matlamat yang telah digariskan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membentuk sebuah negara perindustrian moden, pendidikan merupakan asas dan ramai di kalangan Ahli Yang Berhormat terawal tadi telah membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan di negara kita. Dasar pendidikan negara kita ini, setakat ini, tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa ianya telah meletakkan kedudukan rakyat kita dalam semua lapisan dan strata profesionalisme mereka di dalam agenda ekonomi dan juga agenda sosial di negara kita. Sebab itulah kita melihat bahawa banyak di antara kemajuan-kemajuan yang telah kita capai dalam sektor-sektor sebelum ini dapat kita jayakan bersama.

Di awal kita memulakan Dasar Ekonomi Baru kerajaan kita pada tahun 1970 dahulu, apabila pemimpin-pemimpin politik dan kerajaan membuat komitmen tentang dasar untuk menyatukan kaum, kerana pada tahun 1969 iaitu pada 13 Mei, kita ada pertumpahan darah, perang saudara, suatu tarikh hitam yang telah kita lalui, yang ianya memungkinkannya satu dasar Dasar Ekonomi Baru ini tujuannya untuk merapatkan jurang perekonomian daripada semua segi termasuk ekuiti, di antara bukan bumiputera dan bumiputera.

Kita tahu bahawa dasar ini sendiri juga bukanlah merupakan keistimewaan orang Melayu sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan kerana hak keistimewaan orang Melayu sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan adalah berbeza dengan program yang dilaksanakan oleh kerajaan iaitu DEB. DEB ini disalah anggap oleh majoriti masyarakat bahawa ia merupakan keistimewaan orang Melayu. DEB bukan keistimewaan orang Melayu dan DPN juga bukan merupakan keistimewaan orang Melayu. Tetapi strategi kedua-dua dasar ini memungkinan meletakkan kedudukan pertolongan ataupun bantuan atau memberi sedikit keistimewaan dalam beberapa hal terutama sekali hal pendidikan dan pembangunan ekonomi dan keusahawanan bumiputera, kerana kita tahu bahawa jurang atau gap yang berlaku di antara orang Melayu dan bukan Melayu pada tahun 1969 adalah merupakan faktor utama berlakunya pertumpahan ataupun salah faham di antara beberapa kaum di negara kita ini.

Jadi, dalam hal-hal begini DEB diletakkan gagasan oleh kerajaan, akhirnya diterjemahkan oleh pegawai-pegawai kerajaan dan akhirnya dilaksanakan oleh rakyat di semua peringkat dan akhirnya ia berjaya melalui proses hayatnya. Jadi, DEB ini adalah satu daripada usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan kerana gabungan semangat penyatu, faktor penyatu untuk melihat perpaduan kaum dapat dilaksanakan. Jadi, mesti ada faktor penyatu. Tiap-tiap dasar harus ada faktor penyatu. Tetapi apakah mungkin sekarang ini dengan suasana keadaan masyarakat kita yang telah melalui proses pembangunan sebegini rupa, melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini? Apakah faktor penyatu yang boleh memungkin akan menjayakan dalam satu dekad yang akan datang ini dengan

keadaan parti pembangkangnya yang sentiasa mengambil isu secara politik dengan tidak meletakkan agenda dan substance di dalam apa-apa dasar dan pelaksanaan dasar?

Di negara lain apabila kita melihat pembangunan sebuah negara disediakan oleh kerajaan, maka parti pembangkang dilihat sebagai pemerintah minoriti. Tetapi pembangkang di negara kita hanya semata-mata membangkang dan menilai dari satu perkara ke satu perkara tanpa menjadi satu daripada rakan kongsi untuk bersama-sama dengan pemerintah majoriti untuk membangunkan rakyat. Ini juga memberi ruang kepada..

Dato' Hamzah bin Zainudin: *[Bangun]*

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Allah, sama sendiri hendak bertanya ini?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bila saya mendengar hujah-hujah daripada Yang Berhormat sahabat saya, melihat dari segi apa yang terdapat hari ini politik yang ada dalam negara kita ada setengah-setengah parti pembangkang yang melihat bahawa hak asasi manusia itu hanya melihat dari skop mereka sahaja, tidak langsung mengambil kira tentang majoriti keseluruhan kaum yang ada dalam negara hari ini. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat apakah unsur-unsur yang sebegini rupa yang menyebabkan hari ini rakyat menjadi kucar-kacir dengan dakyah-dakyah yang dikemukakan, yang dibawa oleh parti-parti pembangkang ini. Bagaimanakah cara, saya hendak bertanya Yang Berhormat supaya Kementerian Dalam Negeri, sebagai contoh, melihat ini dan kalau boleh mencari satu penyelesaian supaya rakyat keseluruhannya faham bahawa negara hari ini mengamalkan satu sistem keadilan dari konsep demokrasi yang benar-benar adil, bukan hanya untuk kepentingan mana-mana parti tetapi untuk kepentingan keseluruhan rakyat yang ada. Saya hendak penjelasan ini daripada Yang Berhormat. Bagaimanakah caranya? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Di jemput Yang Berhormat Tuan Haji Rosli.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, payah sedikit hendak menjawab ini kerana saya sedang membicarakan perkara yang berkaitan dengan dasar. Tetapi setakat yang termampu untuk saya memberikan sedikit pandangan saya, berkenaan skop pendirian dan pandangan pemimpin-pemimpin parti pembangkang serta beberapa NGO yang berhaluan kiri tentang pandangan mereka berkenaan hak asasi rakyat dan juga telah meletakkan unsur-unsur dakyah atau lebih tepat lagi fitnah di mana suasana yang boleh mengucar-ngacirkan kedudukan sebahagian daripada rakyat. Memang kita akui bahawa dakyah dan fitnah yang dilemparkan oleh pemimpin parti pembangkang ini kalau kita melihat dalam pilihan raya yang lalu, satu pertambahan negeri telah dikuasai oleh parti pembangkang iaitu Terengganu. Tetapi apa pun yang berlaku apabila berlaku sebuah pemerintahan begini, pendirian rakyat secara totalnya ialah kuasa pemerintahannya berada di Kerajaan Barisan Nasional.

Tetapi lanjutan daripada perkara itu juga dipersoalkan dari masa ke semasa bahawa seolah-olah parti-parti pembangkang ini masih menaburkan dakyah dan fitnah sehingga dari masa ke semasa politicking dalaman negara kita ini sedang berlaku seolah-olah apa yang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang ini adalah tidak adil, tidak bersesuaian dengan kehendak masyarakat semasa. Banyak hal yang telah dibicarakan oleh pemimpin-pemimpin sama ada di peringkat Kerajaan Pusat ataupun beberapa pemimpin-pemimpin parti pembangkang. Isu ini sentiasa dinyalakan dan kita nampak bukan sahaja masyarakat di luar bandar yang daif kebanyakannya dari segi kekurangan serba-serbi termasuk juga dari segi kedudukan ekonomi mereka, tetapi ianya tergolong daripada golongan profesional, golongan sebahagiannya kakitangan kerajaan Kerajaan Pusat seolah-olah apa yang berlaku sekarang ini, apa yang berada di hadapan kita ini bukan daripada kejayaan yang telah dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional yang berpaksikan kepada prinsip demokrasi melalui pilihan raya.

Perkara ini sedang berlaku, pemikiran dan minda mereka dan berkenaan cara itu, saya rasa apa yang lebih penting ialah beberapa kaedah pendekatan harus dilaksanakan oleh kerajaan. Satu daripada kaedahnya sebagaimana Yang Berhormat Dato' Hamzah pun kata tadi ialah tindakan yang lebih tegas dengan menggunakan lebih daripada 10 akta yang berkaitan dengan keselamatan dalam negara kita. Akta-akta yang lebih ketara yang sentiasa kita bicarakan ialah ISA dan juga Akta Has utan dan beberapa akta-akta lain. Ianya seolah-olah tidak ada tindakan pragmatik saksama kerana seolah-olah kerajaan tidak membicarakan ataupun tidak melihat perkara-perkara ini sebagai satu daripada perkara yang boleh merugikan perpaduan kaum, merugikan kedudukan yang akan menjadi resistant kepada rancangan dan dasar.

Apabila keadaan ini akan bercelaru dan tidak harmoni maka kita yakin apa jua kedudukan perjuangan kita, rakyat kita untuk membangunkan negara termasuk ekonomi dan sosial, akhirnya ia akan terbantu. Jadi, perkara ini kita berharap Kementerian Dalam Negeri khususnya dan kerajaan amnya supaya mengambil kira pandangan-pandangan yang boleh kiranya menggugat kedudukan, kestabilan

dan keharmonian serta kemakmuran yang sedia ada, yang sedang kita nikmati sekarang ini. Jadi, terserahlah kepada budi bicara dan kebijaksanaan Kementerian Dalam Negeri untuk menggunakan perkara ini. Saya ingat sudah menjawab lebih kurang 10%-20% kalau tidak tepat pun, maklumlah saya belum diberi tugas untuk menjadi Menteri Dalam Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua: Insya-Allah.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah tidak tahu di mana kawan sudah pergi di tengah tadi. Tuan Yang di-Pertua, jadi, selepas DEB dan DPN, maka hari ini kita merasa bangga kerana rancangan yang disediakan ini telah melalui beberapa proses brain-storming, dengan izin, kalau bahasa saya panggil "ribut otak". Itu translate direct lah itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Bahasa mana itu?

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Ha! Bahasa Melayu asli translate secara langsung. [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, ribut otak, dia storm brain....

Dato' Dr. T. Marimuthu: Brain-storming.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Brain-storming. Saya tidak hendak pollute bahasa tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa melalui brain-storming ini, dengan izin, ianya melalui proses yang begitu mengambil kira semua pandangan sehingga terumusnyanya rancangan ini iaitu persediaan melalui beberapa jawatankuasa dan persediaan MAPEN 2 yang mana ada sebahagian daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara termasuk Yang Berhormat Presiden Kelab Senator kita sendiri pun saya rasa terlibat, Yang Berhormat Dato'. Sebab itu dia tidak hendak berapa bercakap tentang hal ini kerana dia rasa inilah yang lahir daripada pemikiran dia di dalam MAPEN 2.

Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman: Ini satu pembetulan sedikit, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Aziz dijemput.

Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman: Pembetulan saya begini: MAPEN 2 itu proses pemikiran wakil-wakil daripada semua golongan, itu adiknya pemerintahan Dato Seri Dr. Mahathir, semua golongan dia ambil termasuklah sahabat saya mewakili orang Siam pun ada, mewakili Orang Asli pun ada. Tetapi dalam kita menjemput semua wakil ini, yang tidak masuk, yang tidak mahu menyertainya ialah PAS, KeADILan serta DAP, tiga parti pembangkang yang tidak mahu menghadiri walhal pemikiran yang dicurahkan dalam MAPEN 2, Tuan Yang di-Pertua, adalah pemikiran untuk menentukan rangka Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini. Kita tengok di sini jelas Perdana Menteri sendiri menyebut mengatakan di sini, saya perhatikan tengok Perdana Menteri pun dalam penyediaan RRJP 3 telah mendapat manfaat daripada syor-syor yang diperakukan oleh Majlis Perundangan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN 2). Bagi pihak kerajaan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli MAPEN 2 di atas sumbangan mereka.

Sekarang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, untuk hendak mencelah saudara saya, mengapa PAS dan DAP tidak mahu masuk kerana di sinilah kita memastikan komitmen kita terhadap dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru. PAS tidak hendak tunjuk belang, kalau dia masuk situ, dia kira mempertahankan Dasar Ekonomi Baru, kuota-kuota bumiputera terpaksa diteruskan kerana kita belum mencapai sepenuhnya. Dia tidak mahu orang akan menuduh dia, ha, ini *champion* Dasar Ekonomi Baru, dia tidak mahu. Sebab itu saya tanya beberapa kali, Tuan Yang di-Pertua, kepada sahabat kita, sampai sekarang dia tidak jawab.

Adakah dia mempertahankan Dasar Ekonomi Baru kerana kita belum mencapai, sampai sekarang dia tidak jawab dan DAP tentu sekali tidak mahu pasal dia tahu dia akan datang ke sini sebagai *certain point* yang *chauvinistic* akan mempertahankan kedudukan dia sendiri dan menentang habis-habisan keperluan-keperluan, tuntutan-tuntutan orang-orang bumiputera. Tetapi syukur Alhamdulillah, sungguhpun mereka tidak datang, mereka ingin juga membahaskan, baguslah. Kalau dia datang lagi bagusnyanya, semangat Dasar Wawasan Negara ini adalah berpaksi kepada salah satunya ialah nilai-nilai yang kita perjuangkan menerusi MAPEN 2.

Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri penjelasan, bukan saya seorang sahaja, ini termasuk saudara saya Senator, dia pun Setiausaha kepada Jawatankuasa Penyelesaian Penyusunan Semula Masyarakat dan juga Tengku Adnan, dia tidak ada di sini dan ramai lagi ahli-ahli yang menyertai termasuklah yang naik pangkat Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya lupa sahabat saya, pasal dia naik pangkat, lepas itu dia sudah tidak jadi MAPEN 2. Mula-mula dia juga ahli MAPEN 2. Yang Berhormat Puan Rohani, terima kasih.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan daripadasedikit, sedikit.

Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman: Dan juga saudara saya di sini pun juga ahli MAPEN 2 mewakili PPP, wakil tunggal tetapi setelah dilantik menjadi Timbalan Menteri, maka dia gantikan orang lain pula.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rosli, laluan kedua, dijemput Yang Berhormat Dato' Hamzah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Selepas mendengar penjelasan daripada Dato' Aziz cuma saya keliru, saya hendak tanya sedikit dengan Yang Berhormat Dato' Aziz kalau boleh Yang Berhormat saudara....

Timbalan Yang di-Pertua: Nampak ada laluan, boleh tanya?

Dato' Hamzah bin Zainudin: Boleh ya? Bila kita membuat perbincangan dalam MAPEN 2 dan parti-parti pembangkang tidak menghantar wakil-wakil mereka, apakah di situ ahli-ahli MAPEN begitu adil, tidak mengambil kira langsung tentang masalah politik parti-parti pembangkang. Maksudnya kalau kita hendak membasmi kemiskinan dalam perbincangan dalam MAPEN, adakah kita hanya mengkhususkan kepada mereka yang hanya menyokong kerajaan atau juga mengambil kira tentang keseluruhan masalah kemiskinan rakyat yang ada dalam negara kita contohnya kalau hendak masuk universiti, apakah kita ambil kira hanya orang yang ada menyokong Barisan Nasional sahaja yang boleh masuk ataupun kita hendak menambahkan rumah-rumah murah. Apakah kita hanya mengambil kira tentang rakyat yang hanya menyokong Barisan. Saya hendak tahulah pendapat ahli-ahli jawatankuasa yang ada dalam MAPEN 2 itu, bagaimanakah tanggungjawab mereka tentang memikirkan masalah rakyat keseluruhannya. Itu penjelasan yang saya minta.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Dato' Aziz, minta penjelasan.

Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman: Tidak timbul langsung dari segi perundingan dalam MAPEN 2 untuk mengetepikan pandangan-pandangan sesiapa sekalipun. Semua pandangan diambil kira dalam proses pemikiran untuk hendak menjana, untuk hendak menimbulkan yang dekat seribu muka ini, 709 muka. Jadi semuanya ini mengambil kira pandangan-pandangan semua pihak termasuk, ini tidak betul kalau sekiranya tidak wujud parti pembangkang, memang ada.

Parti pembangkang yang menghadiri Mesyuarat MAPEN 2 ini ialah parti pembangkang daripada PBS -Parti Bersatu Sabah iaitu orangnya hebat-hebat belaka. Dr. Maximus Johnity Ongkili, Dr. Yee Moh Chai, dua-dua wakil rakyat, jadi mereka datang. Saya bimbang kenapa mereka ini tidak datang, PAS dengan DAP terutamanya. KeADILan memang perjuangan untuk seorang sahaja, tidak lebih daripada itu, dia tidak datang pun tidak apa, tetapi dari segi PAS dengan DAP terutama PAS. PAS memberitahu kita dalam satu pertanyaan saya di dalam Dewan yang mulia ini mengatakan mereka tidak datang kerana serik, kerana kecewa, kerana kecil hati seolah-olah pandangan mereka dalam MAPEN 1 tidak diambil kira.

Cuba bayangkan perjuangan yang begitu cetek kerana seolah-olah tidak diambil kira, mereka tidak hendak datang MAPEN 2 ini, MAPEN 1 mungkin dia datang, MAPEN 2 dia tidak datang kerana serik. Kalau yang tahu erti 'serik' ini maknanya dia kecewa sangat, kecil hati sangat orang tidak ambil pemikiran dia, tidak sebegitu rupa. Pemikiran orang-orang India pun, cendekiawan-cendekiawan daripada MIC datang, permohonan 1.5% ekuiti, naik 3%.

Kali pertama pihak kerajaan RRJP3, Tuan Yang di-Pertua, mengutamakan Orang Asli dan mengutamakan kelompok-kelompok kecil kerana orang-orang daripada Sabah dan Sarawak menimbulkan perkara sungguhpun wujud perangkaan bumiputera tetapi di dalam bumiputera, kumpulan-kumpulan kecil di Sabah dan Sarawak kadang kala terselindung untuk mendapat faedah daripada Dasar Ekonomi Baru. Maka itulah dalam RRJP3, Perdana Menteri memberi fokus kepada kumpulan-kumpulan kecil yang dipanggil "*the disadvantage group*", minoriti-minoriti yang kecil ini dalam lingkungan bumiputera tetapi ketinggalan dari arus perdana Dasar Ekonomi Baru, mereka sekarang ini ditonjolkan ke hadapan.

Jadi, saya rasa PAS dengan DAP ini memang tidak mahu kerana mungkin tidak ada idea. Yang keduanya kalau adapun memang tidak mahu menyertai kerana takut terikat dengan perjanjian-perjanjian antara semua kaum, persetujuan-persetujuan antara semua kaum dalam proses membentuk MAPEN 2. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, dijemput Yang Berhormat Tuan Rosli.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat kerana telah memberi penerangan yang agak panjang lebar sehingga kita lebih faham kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan MAPEN 2 ini. Tetapi sebagai tambahan kepada pandangan Yang Berhormat kedua-dua Dato', berkenaan dengan penyertaan PAS dan DAP serta KeADILan ini, di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat telah ada menyatakan bahawa MAPEN 2 ini disertai oleh semua pihak yang difikirkan perlu bukan sahaja daripada badan-badan politik di dalam negara kita tetapi daripada beberapa Dewan-dewan Perniagaan Melayu, persatuan-persatuan yang berorientasikan ekonomi termasuk persatuan kontraktor Melayu, India dan sebagainya, juga termasuk daripada *chamber* dan persatuan-persatuan serta orang-orang perseorangan, itu kalau tidak silap sayalah.

Akhirnya Perdana Menteri menegaskan bahawa keputusan melalui MAPEN 2, resolusi yang dibentangkan melalui MAPEN 2 yang dilangsungkan melalui rancangan ini PAS dan DAP hanya hendak mengambil keuntungan di akhirnya. Itu ayat dialah, ayat dekat mana? Mungkin mukadimah ucapan buku yang tebal itu pun saya rasa, betul ada, Dato' tidak baca habis tadi, saya sudah baca di rumah sebulan yang lalu, ada. Jadi DAP dan PAS, itu kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat baru-baru ini semasa membentangkan RRJP dan ada juga dinyatakan dalam buku laporan yang tebal itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan PAS dan DAP ini, saya rasa dia orang akan membahaskan di Parlimen dan inilah sebenarnya *mileage politic* dengan izin, yang dikehendaki oleh parti-parti pembangkang yang saya kata di peringkat awal tadi bahawa, kumpulan pemerintah minoriti, bukan pembangkang tetapi saya lebih mengistilahkan 'pemerintah minoriti' di negara kita yang tidak bertanggungjawab untuk sama-sama mengambil tanggungjawab dalam proses untuk sama-sama memberi pandangan dan bersama-sama dengan pemerintah majoriti supaya akhirnya kita mendapat manfaat dalam jangka panjang, bukan sahaja dalam menterjemahkan dasar-dasar yang kita laksanakan untuk kepentingan negara dan rakyat tetapi yang akhirnya adalah untuk mempertahankan dan membina negara kita secara bermaruah.

Jadi, saya rasa kawan-kawan kita daripada PAS [*Menoleh ke tempat duduk Yang Berhormat Yang Berhormat Senator dari Parti PAS*] pun tidak ada. Saya pun tidak hendak lanjutkan sangat. Kalau dia ada, kita boleh bercakap dengan lebih *detail*. Tadi, Yang Berhormat Puan Jamilah membicarakan tentang masalah setinggan dan mengambil sedutan daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar sebelum ini dan termasuk Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menyatakan melalui rancangan ini dalam tempoh 2005, maka masalah setinggan akan habis. Itu dia punya *break* dan *statement* ini adalah ugutan politik dalam bentuk yang jahat. Sepatutnya pernyataan dan ucapan seperti ini tidak diperkatakan di dalam Dewan yang mulia ini kerana kita tahu bahawa masalah setinggan ini sedang berlaku hebat di Kelantan.

Di Kota Bharu baru-baru ini, lebih daripada beratus-ratus keluarga di tengah-tengah bandar Kota Bharu yang baru-baru ini berlaku sedikit kebakaran tetapi akhirnya ternyata bahawa di Kota Bharu, Kelantan Darul Naim, akhirnya Ketua UMNO bahagian Kota Bharu pergi cuba menyelesaikan dan memberi sedikit - RM70,000 hingga RM80,000 imbuhan - kepada mangsa kebakaran dan akhirnya perkara ini akan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi. Ini cara memerintah Kerajaan PAS sama ada di Kelantan dan Terengganu dalam bentuk yang negatif. Sebab itulah, pandangan-pandangan pemimpin-pemimpin PAS ini selalu masuk dalam pemikiran bukan sahaja rakyat jelata yang kita lihat daif tetapi ahli-ahli profesional kita yang baru hendak mengenali, Umpamanya dia seorang jurutera, baru hendak mengenali pengetahuan dengan lebih mendalam daripada sudut agama, maka dia mengambil peluang seperti ini melalui gerakan-gerakan yang dilihat sebagai gerakan dakwah tetapi akhirnya, ianya akan memesonkan pemikiran ahli profesional terutama sekali orang Melayu yang beragama Islam yang hendak kepada agama dalam satu peringkat umur tetapi akhirnya dia akan terjerumus dengan pandangan-pandangan negatif.

Ini bukan juga berlaku di peringkat sektor swasta tetapi juga oleh pemikiran-pemikiran daripada rakan-rakan kita yang akan melaksanakan dasar kerajaan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada persoalan DEB dan DPN tadi, matlamat rancangan jangka panjang ini adalah untuk mewujudkan negara perindustrian moden dan kita berharap program-program membasmi kemiskinan dan akhirnya melalui proses kemiskinan sifar akan berlaku dalam tempoh masa rancangan jangka panjang ini. Walaupun perkara-perkara ini agak sulit untuk dilakukan kerana definisi kemiskinan adalah agak relatif. Apakah kemiskinan yang ditarifikan selalu bergerak di antara pendapatan per kapita ataupun pendapatan keluarga masing-masing? Tadi kita dengar Yang Berhormat Dato' Noh menyatakan, di luar bandar dilihat paras kemiskinan ialah RM430 ke bawah dan dalam rancangan ini kita tetapkan juga ialah RM1,200 sebagai paras kemiskinan.

Maka, ada tempat-tempat yang tertentu mengikut *locality* nya, sesetengah kerajaan tempatan meletakkan paras kemiskinan sebanyak RM1,500. Jadi kayu ukur kepada kemiskinan yang relatif ini harus dibuat satu kajian dan juga dibuat satu *referendum* kalau boleh, supaya ianya menjadi kayu ukur dan *indicator* dengan izin, supaya kita faham, apakah ertinya proses pembasmian kemiskinan. Kalau tidak, ia akan terus dipolitikkan oleh kumpulan-kumpulan parti pembangkang yang sempit, yang selalu mengadudombakan program-program raksasa kerajaan untuk membasmi kemiskinan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, lanjutan kepada itu juga, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam gagasannya pagi tadi menyatakan, dalam pegangan ekuiti bumiputera sebanyak 19.3% dan sehingga tahun 1995, kita dapati ada kenaikan daripada segi pertumbuhan ataupun pemilikan ekuiti bumiputera sebanyak 20.6% tetapi, pada tahun 1999 kerana kesan daripada kegawatan ekonomi yang berlaku kepada negara kita pada tahun 1997 maka pada tahun 1999, mengikut perangkaan yang diberikan oleh kerajaan tadi, maka berlaku sedikit *landslide* dalam pemegangan ekuiti bumiputera iaitu sebanyak 19.1%.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita berharap melalui rancangan jangka panjang ini juga, selain daripada mengambil kira segala kegagalan-kegagalan dan halangan serta *constrain* dengan izin, ataupun kekangan yang kita hadapi melalui DPN dan DEB dapat dirumuskan secara menyeluruh di dalam menterjemahkan dasar yang telah dibentangkan iaitu dalam RRJP3 ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rancangan ini juga kita berharap sekiranya dapat memberi satu daripada nafas baru kepada pengisian dalam kita hendak mencapai Wawasan 2020, apatah lagi dalam membentuk negara perindustrian moden.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap masalah ekuiti bumiputera, kita sebenarnya senantiasa membicarakan masalah kebumiputeraan ini di semua peringkat tetapi apakah kegagalan bumiputera dalam memenuhi tuntutan ekonomi ini, dalam ke ekonomi ini kerana kita tahu ianya bukan penindasan kepada kaum lain kerana kita percaya bahawa ekuiti sekurang-kurangnya 30% sebagai sasaran ini, sekurang-kurangnya tetapi dalam bentuk ke ekonomi yang berkembang, bererti masalahnya ialah dalam kita menilai ekuiti bumiputera ini, apakah ianya merupakan diskriminasi kepada kaum-kaum lain? Inilah yang dipolitikkan oleh parti-parti pembangkang ataupun NGO sebagaimana tuntutan Suqiu umpamanya ataupun beberapa persatuan yang anti kepada pemerintah ataupun parti yang memerintah sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, harus kita ada satu pendekatan di dalam menilai kedudukan ekuiti bumiputera ini. Kalau tanya saya, sebagai matlamat secara falsafahnya, maka kedudukan ekuiti sekurang-kurangnya 30% sebagai sasaran harus diubah, harus kita melihat daripada bentuk kedudukan bumiputera dalam negara kita. Kalau bumiputera dalam negara kita 55%, maka kita harus sasarkan bahawa inilah minimum sasaran yang harus ada di dalam pemilikan ekuiti bangsa bumiputera. Itu daripada segi *fair* ataupun daripada segi keadilannya kalau kita hendak membicarakan dalam satu sudut tetapi, kita yakin dan percaya bahawa asas kukuh yang diletakkan sekurang-kurangnya 30% ini setelah mengambil kira kesemua dan keseluruhan faktor-faktor yang menyatukan kepada penjana dan kekuatan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dasar-dasar yang telah memberi kepentingan kepada kemantapan kedudukan bumiputera di dalam pemegangan ekuiti ini bukan sahaja dilihat dalam bentuk ekuiti tetapi harus juga dilihat dalam bentuk menyediakan profesional bumiputera dalam semua sektor. Kita dapati suasana ini agak lembap sedikit selepas kegawatan ekonomi dan kita mahu satu faktor penyatu sebagaimana yang saya katakan tadi.

Selain daripada komitmen pemimpin-pemimpin kerajaan di peringkat politiknya, mesti ada komitmen daripada bentuk *administrative* nya iaitu pegawai-pegawai kita yang kita amat berharap di semua peringkat sektor, di semua jabatan kerajaan supaya dapat menterjemahkan sebaik mungkin supaya matlamat dan dasar yang kita adakan ini dapat diterjemahkan oleh pelaksana-pelaksana dasar di peringkat *administrative* dan apatah lagi di peringkat kumpulan ketiga iaitu kumpulan sasaran termasuk rakyat secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyatakan lebih daripada satu pertiga ucapan Yang Amat Berhormat tadi telah menyentuh masalah ekonomi dan pembangunan usahawan. Apatah lagi dari segi memberi fokus yang agak terperinci kedudukan sektor-sektor yang dilihat telah dijayakan oleh usahawan bumiputera dan juga sektor-sektor strategik yang belum disentuh secara spesifik di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di antara sektor yang telah dapat dijayakan setakat ini melalui dua proses atau penterjemahan DEB dan DPN ialah dalam sektor usahawan bumiputera terutamanya

pembinaan dan keduanya ialah berkenaan dengan sektor perkhidmatan kelas pertengahan. Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan bumiputera telah berjaya dalam perkhidmatan tetapi saya ingin tambah iaitu perkhidmatan kelas pertengahan, bukan perkhidmatan secara menyeluruh kerana selepas ini saya hendak sentuh di manakah ruang yang harus diisi oleh usahawan-usahawan bumiputera melalui penterjemahan dasar ini. Dan ketiganya berkaitan dengan pengangkutan kelas pertengahan. Tadi Yang Amat Berhormat menyentuh pengangkutan semata-mata laut, darat dan sebagainya tetapi saya ingin memberi satu definisi bahawa kejayaan kita patut bangga bahawa usahawan bumiputera telah dapat menjayakan diri mereka dalam sektor pembinaan, sektor perkhidmatan kelas pertengahan dan sektor pengangkutan kelas pertengahan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai berpuluh-puluh sektor strategik yang harus kita kaji dan menempatkan usahawan bumiputera ini di samping kita melihat bahawa selain daripada teras yang dikehendaki oleh rancangan yang kita sama-sama bincang ini tetapi harus ada satu pendekatan yang strategik. Usahawan bumiputera secara raksasa ataupun secara kesungguhan yang dikehendaki oleh kerajaan bermula selepas Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri. Sebelum itu orang Melayu dan bumiputera tidak sanggup berniaga secara pertengahan ataupun secara besar-besaran. Tetapi rasanya ramai di antara bumiputera kita ketika itu dalam awal 1980-an tercabar dan dicabar termasuklah profesional bumiputera, arkitek, jurutera dan sebagainya. Mungkin sebahagian daripada kita berada dalam situasi ketika itu untuk sama-sama turut berkhidmat ataupun mencuba diri supaya kita bersama-sama dalam mengisi tuntutan yang dicabar oleh Perdana Menteri ketika itu. Dan kita melihat melalui proses kemelesatan ekonomi tahun 1980-an ribuan di antara usahawan bumiputera oleh kerana faktor base yang tidak kuat oleh usahawan-usahawan bumiputera maka banyak di antara usahawan bumiputera kita gagal dan terpaksa gulung tikar dan sebagainya di samping tidak menafikan golongan-golongan bumiputera juga menghadapi permasalahan besar ketika kita menghadapi kemelesatan ekonomi pada pertengahan tahun 1980-an dulu.

Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan beberapa dana pemulihan termasuklah Tabung Pemulihan Usahawan ketika itu. Di samping di dalam masa yang sama kita berharap kejayaan-kejayaan yang kita tempa ini tidak akan diruntuhkan lagi melalui keadaan-keadaan ekonomi ataupun faktor-faktor luaran. Kita berharap apakah kegagalan bumiputera ini semata-mata kerana dokongan kewangan ataupun dana yang disediakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kebetulan terlibat agak belasan tahun sebagai pemimpin usahawan di peringkat Dewan Perniagaan Melayu apatah lagi persatuan-persatuan lain, tetapi apa yang saya dapati bahawa kerajaan telah menyediakan lebih daripada cukup dana-dana untuk usahawan bumiputera. Dalam...

Timbalan Yang Di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Rosli, boleh kita sambung pada hari Isnin nanti.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini baru mukadimahnyanya.

Timbalan Yang Di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ini dengan ini ditangguhkan hingga ke hari Isnin, 21 Mei 2001, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

